

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 15 Selasa 10 Disember 2013

## KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**  
Rang Undang-undang Perbekalan 2014 (halaman 27)

**USUL:** Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 49)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KETIGA**

**Selasa, 10 Disember 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengurusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah punca-punca kegagalan mendapat kerjasama sektor swasta dalam menjayakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) lalu; dan
- (b) apakah strategi kerajaan dalam memastikan sektor swasta membantu agenda memperkasakan ekonomi bumiputera selaras dengan Model Ekonomi Baru (MEB).

**Menteri di Jabatan Perdana [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru yang telah digubal pada tahun 1970 mempunyai serampang dua mata.

Pertama sekali ialah untuk membasmi kemiskinan dan yang keduanya ialah untuk menyusun semula masyarakat dan dalam tempoh itu pelbagai program dan projek pembangunan telah pun dijalankan berdasarkan kepada pendekatan pembangunan yang dipandu oleh sektor awam ataupun dengan izin, *public sector driven development approach*. Dalam konteks ini, sektor awam bukan sahaja bertanggungjawab untuk menggubal dasar dan strategi pembangunan bahkan menjadi peneraju kepada aktiviti penjanaan kegiatan ekonomi.

Dalam masa 43 tahun semenjak ia dilaksanakan, kita telah mendapati peningkatan pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat daripada 2.4% pada tahun 1970 kepada 19.3% pada tahun 1990 dan seterusnya meningkat kepada 23.5% pada tahun 2011. Kita juga telah berjaya membasmi kemiskinan di mana kadar kemiskinan telah pun dikurangkan daripada 49.8% pada tahun 1970 kepada 1.7% untuk tahun 2012. Ini merupakan satu peningkatan yang baik dan bermakna bahawa Dasar Ekonomi Baru telah mengalami perkembangan yang baik.

Walau bagaimanapun kita percaya bahawa perkembangan ini akan lebih baik sekiranya semua pihak termasuklah di sektor swasta mengamatinya dan untuk itu, kita menggalakkan sektor swasta supaya menjalankan pelbagai program bersama-sama dengan kerajaan. Maknanya dalam konteks skim pembangunan vendor yang dikendalikan oleh syarikat berkaitan kerajaan GLC dan

syarikat-syarikat lain. Ini kalau dilaksanakan juga oleh sektor swasta, bakal mempertingkatkan pencapaian ekuiti ataupun peluang perniagaan untuk kaum-kaum bumiputera.

Selain daripada itu, dalam konteks pengurusan syarikat di peringkat tertinggi, kita juga menyeru agar syarikat-syarikat swasta memberi peluang yang lebih kepada pekerja-pekerja bumiputera untuk menganggotai pengurusan mereka dan ini bakal membantu meningkatkan lagi pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Terima kasih,

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan berkenaan. Saya berterima kasih selama ini, apa yang diperjuangkan kerajaan melaksana Dasar Ekonomi Baru mempunyai kesan positif yang berpanjangan walaupun tidak secara menyeluruh. Kata pujangga, memulakan satu langkah maka seribu langkah kejayaan pasti lagi menanti. Selama ini pun kita melihat DEB kerap dihentam pihak tertentu disebabkan kerajaan dilihat gagal melaksanakan tetapi pada hari ini rupa-rupanya kalau mengikut statistik yang saya ada, sektor awam hanya menguasai 42% ....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terus kepada soalan, Yang Berhormat. Terus kepada soalan.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** ...Berbanding sektor kerajaan 58% dalam ekonomi negara. Soalan tambahan saya ialah di manakah jati diri sektor-sektor swasta ini dalam membantu membangunkan ekonomi negara. Apakah syarikat-syarikat swasta ini mempunyai kesedaran untuk membantu ekonomi negara ataupun mengambil kesempatan mengaut keuntungan bagi kepentingan diri selama ini sehingga meletakkan 100% tanggungjawab membangunkan negara pada sektor awam semata-mata? Saya hendak tahu bolehkah kerajaan memastikan setiap GLC diberikan KPI dalam melahirkan lima jutawan Melayu bumiputera setiap tahun dan bayangkan Yang Berhormat Menteri, kalau 50 GLC berupaya melahirkan jutawan-jutawan berkenaan, kita mempunyai 50 jutawan Melayu bumiputera setiap tahun dan menjelang tahun 2020...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Tahun 2020 yang tinggal hanya tujuh tahun lagi, kita pasti mempunyai 350 orang jutawan Melayu bumiputera. Pohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, dalam program pemerkasaan bumiputera yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, antara satu langkah yang telah diumumkan ialah untuk memerlukan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan memberi KPI dengan izin kepada ketua pegawai eksekutif mereka. Ini bertujuan untuk membolehkan ketua-ketua pegawai eksekutif tersebut menjalankan program-program yang telah dikenal pasti dan sekiranya mereka mendapat pencapaian yang baik, maka ia akan diambil kira oleh lembaga pengarah masing-masing dalam imbuhan mereka. Sebaliknya sekiranya mereka tidak mencapai, maka ini akan memberikan kesan juga kepada mereka.

■1010

Ini merupakan satu langkah yang kita rasa- yang *transparent*, yang bagus dilaksanakan oleh syarikat-syarikat berkaitan kerajaan termasuklah syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa

Malaysia. Kita berharap agar semangat atau pun *the spirit*, dengan izin, langkah ini akan diterapkan kepada syarikat-syarikat yang lain kerana seperti yang telah kita sebutkan sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, Program Pemerksaan Bumiputera ini adalah merupakan satu program nasional. Bukan setakat di sektor awam sahaja, jadi kalau mereka ini mengamati perkara ini *insya-Allah* dengan izin, kita bakal menjayakan lagi program-program tersebut.

Berkenaan dengan sasaran yang dikatakan tentang lima jutawan dan sebagainya, itu terpulang kepada syarikat-syarikat masing-masing untuk melaksanakannya akan tetapi yang kita pasti ialah syarikat-syarikat berkaitan kerajaan seperti Petronas sebagai contohnya, mereka melahirkan begitu ramai sekali usahawan-usahawan bumiputera yang amat berjaya dan mungkin mereka ini sebenarnya kalau mereka mahu sebahagian besar daripada mereka boleh menyenaraikan syarikat mereka di Bursa Malaysia. Akan tetapi kebanyakan mereka tidak mahu dan masih bersedia untuk meneruskan operasi mereka sebagai sebuah syarikat yang tidak tersenarai. Terima kasih.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dalam kita membicarakan soal untuk memperkasakan ekonomi bumiputera, agenda ini adalah agenda nasional apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Kita jangan lupa, peranan GLC. Apa yang kita lihat hari ini GLC-GLC kebanyakannya tidak berapa bantu usahawan kita. Apa yang lebih mendukacitakan kita adalah di kalangan anak-anak syarikat GLC sendiri...

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan kepada soalan Yang Berhormat, terus kepada soalan.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Ya, ya. Terima kasih. Tidak langsung menempatkan bumiputera sebagai pengarah dan pembuat dasar saya kira. Saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Menteri supaya dapat diperjelaskan, ada setengah-setengah anak-anak syarikat GLC ini yang tidak langsung memberi peluang kepada bumiputera dalam soal membuat dasar dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ikutkan program *GLC Transmission Program*, dengan izin, berkaitan dengan kumpulan G20, iaitu yang kini tinggal ada 17 buah syarikat-syarikat berkaitan kerajaan yang dipantau kemajuannya oleh ‘Jawatankuasa Putrajaya’. Kita mendapati bahawa mereka ini banyak menjalankan program-program yang menyokong penuh Program Pemerksaan Bumiputera. Saya bagi contoh dalam dua perkara. Pertama sekali, dalam pembangunan usahawan. Selain daripada yang saya sebutkan berkenaan dengan Petronas tadi, syarikat-syarikat GLC yang lain seperti Tenaga Nasional, Telekom Malaysia sebagai contoh dan lain-lain lagi mempunyai program-program pembangunan usahawan atau pun *Vendor Development Program*, dengan izin, yang berjaya. Malah semasa saya menerajui kumpulan saya sendiri memang banyak program-program yang dilaksanakan.

Berkenaan dengan kedudukan kakitangan pengurusan dan pengarah-pengarah, kita dapat bahanwa rata-rata GLC ini memainkan peranan mereka. Baru-baru ini kita telah mengadakan satu survey, di mana kita membandingkan syarikat-syarikat GLC dengan syarikat-syarikat bukan GLC yang tersenarai di Bursa Malaysia di mana kalau kita lihat syarikat GLC ini kira-kira 60% daripada pengurusan tertinggi mereka merupakan daripada kalangan bumiputera. Ini hampir mirip kepada populasi negara kita. Akan tetapi kalau kita lihat kepada syarikat yang *the top 30* dalam Bursa Malaysia yang bukan GLC mereka komponen atau pun peratusan pengurusan bumiputera adalah lebih rendah. Maknanya di bawah paras 30%. Jadi maknanya memang ada jurang dan kalau kita boleh rapatkan jurang di mana kita menyeru kepada syarikat-syarikat swasta yang lain agar membantu kita melaksanakan Program Pemerkaaan Bumiputera ini. Terima kasih.

**2. Datuk Jamilah Sulaiman** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, berapakah jumlah syarikat jualan langsung yang berurusan melalui internat di Malaysia. Adakah mereka ini membayar cukai dan berapakah jumlah cukai yang dapat dikutip daripada syarikat jualan langsung dari tahun 2008 hingga 2013.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, Salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator yang memajukan soalan kepada kementerian. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini bilangan pemegang lesen jualan langsung yang sah adalah sebanyak 449 buah syarikat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 94 buah syarikat iaitu lebih kurang 21% sahaja yang berurusan melalui *internet* di Malaysia. Kita begitu memahami begitu berkurangan daripada jumlah 449 buah syarikat ini yang berurusan melalui *internet* dan usaha-usaha daripada kementerian masih lagi kita menggalakkan agar lebih banyak syarikat-syarikat jualan langsung ini akan berurusan melalui *internet*.

Untuk nilai atau pun jumlah kutipan cukai pendapatan yang dibayar oleh syarikat jualan langsung dalam tahun tafsiran 2008 hingga 2012, walaupun soalan Yang Berhormat Senator hingga 2013, tetapi jumlah sehingga 2012 adalah sebanyak RM463.9 juta. Ini kerana jumlah kutipan untuk tahun tafsiran 2013 masih belum lengkap, kerana tarikh akhir pengembalian Borang 'C' tahun taksiran adalah tujuh bulan setelah akaun ditutup. Jadi maklumat ini jumlah cuma saya dapat sampaikan sehingga 2012 sahaja. Terima kasih.

**Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sering kali kita dapat banyak aduan terpapar di dada akhbar dan *internet* berhubung dengan penipuan yang dialami oleh orang ramai yang melibatkan syarikat jualan langsung. Modus operandi yang digunakan oleh syarikat jualan langsung sekarang ialah dengan memasarkan produk dan memancing pelanggan melalui iklan di *internet*. Latar belakang dan maklumat syarikat jualan langsung ini ada yang diragui kerana maklumat syarikat ada yang didapati tidak benar dan dipalsukan. Selain penipuan dari segi wang ringgit, ada mangsa yang ditipu oleh syarikat jualan langsung dengan menjual produk yang tidak berkualiti yang didatangkan dari negara seperti China, Taiwan dan Thailand.

Soalan saya ialah, apakah bidang kuasa kementerian untuk bertindak ke atas perniagaan penipuan yang dilakukan oleh syarikat jualan langsung melalui *internet*? Apakah langkah, tindakan dan cara kementerian memantau jika ada syarikat jualan langsung yang sah dan berdaftar tetapi menjual produk yang tidak berkualiti dan diimport dari negara yang disebut tadi? Terima kasih.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian kita akan menjalankan tindakan kerana kesalahan-kesalahan, lazimnya hukuman yang diambil oleh pihak kementerian di bawah Akta Jualan Langsung atau pun Skim Anti Piramid 1993. Memang ada akta di bawah kementerian seperti seksyen 4, menjalankan perniagaan jualan langsung tanpa lesen. Kedua, seksyen 6 melanggar syarat-syarat pelesenan, seperti apa Yang Berhormat sebut tadi.

#### ■1020

Seksyen 25 tidak melaksanakan tempoh bertenang kepada pelanggan dan seksyen 27 mempromosi dan menjalankan skim piramid itu, tindakan-tindakan ataupun akta yang ada di dalam kementerian untuk mengawal jualan langsung seperti yang disoalkan oleh Yang Berhormat.

Untuk makluman, langkah-langkah yang kita ambil di bawah kementerian. Pertama, kita menjalankan pemantauan secara berterusan berkaitan dengan perniagaan dalam talian ini bagi memastikan ia pertama sekali, ia mesti berdaftar. Melalui pendaftaran itu, tindakan-tindakan boleh kita ambil seperti apa Yang Berhormat sebutkan tadi. Keduanya, kita menjalankan siasatan bagi kes-kes syarikat dan juga perniagaan dalam talian yang dikenal pasti melanggar akta-akta yang saya sebutkan tadi dan sekiranya ada aduan-aduan kerana di bawah akta yang ada di dalam kementerian dan juga di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia, kita ada Akta Pendaftaran Perniagaan untuk kita mengambil tindakan menjalankan perniagaan dan penipuan dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya terdapat, kita akan mengeluarkan surat-surat peringatan ataupun notis kepada ahli-ahli lembaga pengarah untuk hadir bagi menjelaskan mengenai dengan soalan-soalan ataupun aduan-aduan yang telah kita terima daripada semasa ke semasa. Jadi untuk makluman Yang Berhormat juga, memang tindakan-tindakan yang telah kita ambil contohnya bagi segi penguatkuasaan, nilai rampasan pada tahun 2010 lebih hampir RM1 juta nilai rampasan yang kita buat. Pada tahun 2011, lebih daripada RM500,000 rampasan dan juga kes-kes yang telah kita ambil.

Jadi, kita sentiasa menjalankan pemantauan dan langkah-langkah untuk memastikan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi sekarang ini memang kita begitu sekali mendengar aduan-aduan ataupun komen-komen daripada pembeli-pembeli mengenai dengan penipuan yang dibuat oleh syarikat jualan langsung ini tentang kualiti, kadang-kadang perjanjian yang dibeli barang lain, yang dibekalkan barang lain. Kita sentiasa mengambil tindakan dan pemerhatian. Terima kasih.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Aktiviti jualan langsung secara *online* telah menjadi trend perniagaan masa kini dan berjaya menjana pendapatan yang amat menggalakkan. Ia merupakan jenis perniagaan abad ini. Jadi soalan tambahan saya Yang Berhormat, sejauh manakah kerajaan memantau aktiviti syarikat jualan langsung melalui *internet* ini khususnya daripada segi jenis barang sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri maklumkan tadi telah pun dipantau? Jadi saya ingin tahu, sejauh

manakah aktiviti pemantauan syarikat jualan langsung yang mana mutu barang dan harga yang ditawarkan bagi melindungi kepentingan pengguna? Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang mana telah pun memaklumkan telah ada dilaksanakan pendaftaran kepada syarikat-syarikat jualan langsung.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terus kepada soalan Yang Berhormat.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Soalan saya di sini, berapakah jumlah syarikat jualan langsung ini didaftarkan melalui *internet* bagi mengawal selia syarikat berkenaan untuk mengelakkan penipuan termasuk jenayah siber yang melibatkan pengguna *internet*? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, tadi saya telah nyatakan bahawa 94 buah syarikat yang berurusan melalui *internet* iaitu syarikat jualan langsung. Kalau syarikat yang lain memang lebih daripada itu tetapi syarikat jualan langsung ini yang ada di dalam pendaftaran ialah 449 tetapi yang berurusan melalui *internet* cuma 21% seperti yang saya sebutkan di awal tadi iaitu 94 buah syarikat. Mungkin angka Yang Berhormat sebut soalan tadi akan saya beri secara bertulis kerana jumlah itu tidak ada pada saya pada ketika ini.

3. **Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta Menteri Pendidikan menyatakan, walaupun Malaysia telah menjadi hab pendidikan bagi pelajar antarabangsa tetapi mutu dan kedudukan universiti awam di Malaysia jauh ketinggalan di persada universiti ternama dunia. Apakah langkah kementerian untuk menjadikan universiti awam di Malaysia berada sekurang-kurangnya antara 100 universiti terbaik di dunia.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim atas soalan yang berkaitan dengan pendidikan pengajian tinggi. Tuan Yang di-Pertua, Pelan Strategi Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) masih mensasarkan sekurang-kurangnya tiga buah universiti tempatan diiktiraf di antara 100 terbaik dunia dan satu daripadanya di antara 50 buah universiti terbaik dunia menjelang tahun 2020.

Dalam usaha meningkatkan prestasi institusi pengajian tinggi tempatan di samping meningkatkan kedudukan dalam ranking dunia, pelbagai usaha telah dan sedang diambil oleh kementerian. Antaranya adalah pertama, pengiktirafan Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai universiti penyelidikan. Dengan pengiktirafan ini, kelima-lima buah IPTA tersebut akan mempergiatkan lagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan atau R&D, dengan izin serta pengkomersialan dan inovasi.

Rangka yang kedua, pada tahun 2010, kementerian telah mengiktiraf enam pusat kecemerlangan di IPTA sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) untuk melaksanakan penyelidikan kolaborasi dan kepakaran serta menghasilkan penerbitan berimpak tinggi bagi melonjakkan pencapaian masing-masing di peringkat antarabangsa.

Ketiga, pemberian autonomi kepada tujuh institusi pengajian tinggi awam iaitu Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia berdasarkan *Code of University Good Governance*, dengan izin, atau CUGG.

Keempat, membangunkan *Code of Practice for Accreditation Program*, dengan izin atau COPPA dan audit institusi menggunakan *Code of Practice for Institutional Audit*, dengan izin atau COPIA.

Kelima, melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia atau *Malaysian Qualification Framework* (MQF), dengan izin.

Keenam, peruntukan sebanyak RM600 juta kepada lima buah universiti penyelidikan bagi menjalankan penyelidikan berimpak tinggi dalam bidang strategik seperti nanoteknologi, automotif, bioteknologi dan aeroangkasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Agensi Kelayakan Malaysia atau MQA juga melaksanakan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia atau SETARA yang merupakan satu penilaian penarafan untuk mengukur kualiti kebertanggungjawaban serta Prestasi Pemberi Pengajian Tinggi atau PPPT. Dapatan daripada SETARA akan digunakan untuk membuat perbandingan pencapaian antara PPPT. Domain serta kaedah penilaian yang digunakan dalam SETARA juga bersesuaian dengan aplikasi dan persekitaran yang digunakan oleh PPPT tempatan yang dinilai.

#### ■1030

Ini akan mewujudkan satu persaingan yang sihat antara PPT di Malaysia dan mampu mengenal pasti setiap kelemahan yang ada. Pelaksanaan setara juga membolehkan sebarang penambahbaikan setiap kelemahan tapak dibuat. Dengan adanya usaha-usaha berterusan yang telah dirangka oleh kementerian untuk memperkasakan kualiti dan kesedaran IPT tentang prestasi masing-masing, ia mampu menjadi pemangkin di dalam merealisasikan ekspresi negara sebagai hab pendidikan antarabangsa dan sekali gus menjana kualiti pendidikan tinggi dan mampu meningkatkan kedudukan IPT tempatan dalam kelompok yang terbaik di dunia. Sekian, terima kasih.

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan yang memberikan jawapan tadi. Kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilihan Universiti-universiti Terbaik di dunia adalah seperti berikut:

- (i) pengajaran dan pembelajaran;
- (ii) penyelidikan, jumlah dan reputasinya;
- (iii) kemampuan dan potensi universiti untuk menyediakan sumber manusia;
- (iv) kemampuan untuk menjana pendapatan sendiri dari hasil penyelidikan dan inovasi; dan
- (v) jumlah tenaga profesional, import dan pelajar asing.

Soalan tambahan saya adalah, adakah kekurangan peruntukan dan kekurangan profesional yang mahir punca kegagalan kita untuk mencapai tahap ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan kekurangan di Malaysia. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu merupakan salah satu faktor di mana Kementerian Pendidikan Malaysia sedang ambil kira dan usaha memang diambil untuk memastikan bahawa dari segi tenaga pengajar bertambah. Kalau saya tidak silap soalan ini pun sudah dikemukakan kelmarin dan Yang Berhormat dari Pejabat Perdana Menteri sudah menjawab soalan bahawa memang banyak usaha dan galakan untuk pensyarah-pensyarah untuk mempertingkatkan diri untuk mendapat ijazah di peringkat sarjana dan PhD. memang digalakkan.

Selain daripada itu, salah satu faktor kelemahan yang dikesan adalah di mana kita kurang dari segi menerbitkan dalam bahasa Inggeris tentang kita punya *research* dan kita punya *development*, dengan izin dan bilangan *citations*, dengan izin, yang diambil oleh pihak pakar rujuk di luar negara. Dengan kesedaran seperti ini, memang Kementerian Pendidikan Malaysia sudah berusaha dan saya sudah jawab tadi enam langkah yang sudah diambil untuk mempertingkatkan status atau *the world ranking of good universities*. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, seperti yang saya dengar tadi bagaimana jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang langkah-langkah yang telah diambil CUGJ dan sebagainya. Jadi soalan saya sejauh mana kementerian telah bersama-sama membuat promosi tentang universiti-universiti awam ini di luar negara? Berapa banyakkah *education fair* yang telah disertai oleh kementerian? Ini kerana baru-baru ini dalam lawatan Tuan Yang di-Pertua ke Uzbekistan sewaktu kita diberikan taklimat tentang universiti-universiti di Malaysia, universiti yang dikenali di luar negara hanyalah universiti seperti Lim Kok Wing dan juga *Taylor's Collage* dan tidak universiti awam seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan promosi tentang kita punya universiti IPTA. Memang seperti yang saya beritahu tadi bahawa banyak usaha sudah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan salah satu syarat yang penting adalah di mana bilangan pelajar antarabangsa yang belajar di universiti atau IPTA. Memang Kementerian Pendidikan Malaysia walaupun saya tidak ada sebut dalam saya punya jawapan merupakan salah satu langkah di mana Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha untuk mempromosikan kita punya IPTA. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab pun soalan saya. Soalan saya ialah sejauh mana kementerian mengambil peranan untuk membuat promosi? Saya hendak tahu berapa banyak promosi yang dikeluarkan? Berapa kali kementerian keluar untuk membuat promosi. Negara-negara mana kita sertai. Saya rasa jawapan itu tidak menjawab kepada persoalan saya.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Yang Berhormat, memandangkan saya tidak ada maklumat yang tertentu yang berkaitan dengan bilangan, memandangkan ini adalah satu

soalan yang begitu spesifik, jadi saya akan menjawab dalam bentuk bertulis sekiranya diperlukan. Sekian, terima kasih.

4. **Dr. Ariffin bin S.M. Omar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah tindakan yang diambil untuk menentukan bahawa Kad Pengenalan Malaysia tidak diberi sewenang-wenang ataupun dijual kepada orang asing oleh kelompok-kelompok yang tidak bertanggung jawab.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ingin merujuk kepada persoalan ini yang mengatakan Kad Pengenalan Malaysia diberi sewenang-wenangnya ataupun dijual kepada orang asing oleh kelompok-kelompok yang tidak bertanggungjawab. Biarlah saya tegaskan di sini bahawa tidak ada kad pengenalan diberi secara sewenang-wenangnya. Kita mempunyai sistem yang begitu teratur sekali dalam sudut pemberian kad pengenalan. Keduanya ialah soalan penjualan kad pengenalan ini juga tidak diketahui oleh kita. Kalau kita mengetahui ada kad pengenalan yang telah dijual, kita tetap akan mengambil tindakan. Mengeluarkan kad pengenalan ini prosesnya banyak Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya, warganegara yang telah mencapai umur 12 tahun, dia patut memohon kad pengenalan. Selepas itu, apabila dia mencapai tahap umur 18 tahun, dia juga perlu dan dikehendaki supaya mengganti kad pengenalan dia pada ketika itu. Apa yang penting apabila mereka memohon, dia banyak peringkatnya. Kalau dia mohon oleh masyarakat yang berada di negara ini dia perlu mengeluarkan sijil lahir beliau dan juga maklumat berhubung dengan ibu bapa. Oleh kerana surat kelahiran atau sijil kelahiran tidak menentukan sama ada dia warganegara atau tidak. Ia hanya disebut dalam kad itu mengatakan, kalau dia lahir anak Malaysia, nama warganegara Malaysia tetapi kalau bukan, dia bukan warganegara Malaysia.

Ini kerana setiap orang yang lahir di negara ini mesti diberi sijil kelahiran, tidak kira dia orang Britishkah, orang Burmakah, orang India, orang Bangladesh dan sebagainya. Kalau dia lahir di Malaysia ini, mesti diberi sijil kelahiran. Akan tetapi ini tidak membuktikan bahawa dia berhak mendapat Kad Pengenalan Malaysia yang membuktikan dia warganegara Malaysia. Itulah kenapa maklumat ibu bapa, perkahwinan dan sebagainya perlu diberi kepada Jabatan Pendaftaran Negara semasa meminta atau memohon kad pengenalan tersebut. Percetakan kad pengenalan hanya dilaksanakan di JPN, ibu pejabat Putrajaya.

Terdapat 14 buah Ibu Pejabat JPN Negeri, 20 cawangan yang terpilih boleh mempunyai mesin cetak kad-kad pengenalan tersebut akan dihantar ke JPN dan mana yang tidak ada mesin cetak sendiri itu permohonan dia akan dihantar kepada Putrajaya untuk dicetakkan kad pengenalan dia. Mana-mana Jabatan Pendaftaran Negeri mempunyai mesin cetak sendiri, ia akan mencetak kad pengenalan dia sendiri dan kad pengenalan ini boleh dikeluarkan dengan seberapa cepat tetapi yang tidak mempunyai mesin cetak sendiri ini memerlukan 14 hari baru kad pengenalan dia keluar. Akan tetapi untuk Sarawak dan Sabah, masa dia 30 hari. Jadi, dalam keadaan sedemikian, dalam persoalan mengatakan sewenang-wenang ini tidak berlaku Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya proses pengeluaran itu melalui tapisan-tapisan yang tertentu. Jadi dalam keadaan sedemikian tidak berlaku.

**■ 1040**

Jadi kedua soalan jenayah ya. Soalan jenayah disebutkan oleh Yang Berhormat atau menjual kepada orang asing atau kelompok-kelompok yang tidak bertanggungjawab. Ini juga kita tidak mempunyai bukti walaupun tunjukkan bahawa sebanyak 560,000 kad pengenalan hilang pada tahun 2013, tetapi ini tidak membuktikan bahawa ada penjualan dan sebagainya. Akan tetapi ini hanya satu fakta kehilangan sahaja.

Dengan sebab itulah kenapa kita mengambil tindakan-tindakan yang tertentu untuk menentukan prosedur kita untuk gantian itu. Jadi sekarang kita masih mengkaji apakah sistem yang terbaik, mungkin untuk menghalang atau pun memerlukan seseorang yang memegang kad pengenalan ini menjaga kad mereka. Ini kerana barang-barang siapa yang gagal menjaga kad pengenalan atau pun cuai menjaga kad pengenalan boleh di hukum di bawah undang-undang kita yang ada. Walaupun undang-undang ini jarang diguna kerana penyelidikan telah tidak dibuat ya.

Jadi dalam keadaan yang sedemikian kita mengkaji semula sama ada sistem yang kita laksana pada tahun 2011 dahulu, sebelum tahun 2011 dahulu kita akan laksanakan semula yang mana perlu supaya laporan polis dibuat. Akan tetapi kalau laporan polis yang dibuat, ia akan menjelaskan prestasi jabatan itu sendiri untuk mengeluarkan kad pengenalan dengan cepat yang akan juga mengena pihak yang pemohon tidak boleh mendapat kad pengenalan dengan seberapa cepat yang boleh. Walaupun saya sendiri menerima banyak SMS perhubungan daripada mananya pihak mengatakan patutnya kita menjurus kepada mengenakan hukuman yang tinggi, mengenakan caj yang tinggi, mengenakan hukuman kepada siapa saja menghilangkan kad pengenalan. Akan tetapi ini masih dalam kajian dan tindakan pihak kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kalau saya ikut maklumat yang saya peroleh, jumlah MyKad yang hilang dalam tempoh masa lebih kurang 4 tahun ini ialah 1.805 juta MyKad. Pecahan begini- 397,079 MyKad hilang pada tahun 2010. Sebanyak 413,680 pada tahun 2011 - 429,137 kad pada tahun 2012 dan pada tahun ini (2013), hampir setengah juta iaitu 565,157 dalam tempoh masa sepuluh bulan. Takkanlah dalam tempoh masa ini kecuaian dan rompakan telah membawa kepada kehilangan 1.8 juta MyKad.

Maka keterangan yang diberitahu tadi memang tidak munasabah dan tidak memuaskan. Mesti ada sebab-sebab yang tertentu. Mungkin kerajaan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terus kepada soalan Yang Berhormat.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Ya. Adakah kerajaan benar-benar dapat menyiasat secara terperinci macam mana satu 1.8 juta MyKad boleh hilang dalam tempoh masa yang singkat? Kita ini juara dunia dalam kehilangan MyKad. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya, terima kasih. Saya mempunyai fakta sebagaimana Yang Berhormat Senator sebut tadi. Kehilangan MyKad sebenarnya dikatakan mendadak kepada tahun 2013. Sebenarnya tidak mendadak. Saya juga boleh bersetuju kerana fakta ini tidak boleh kita nafikan.

Pada tahun 2010, tiga ratus lebih ribu hampir empat ratus ribu dan 2011 manakala 413,063 kad pengenalan hilang. Tahun 2012 - 429,137 hilang. Tahun 2013 hingga Oktober kita sudah

mempunyai kehilangan 565,157 kad yang telah hilang. Walaupun demikian, walaupun kita mempunyai kehilangan yang begitu banyak, saya bagi pihak kerajaan tidak boleh membuat satu *assumption* atau pun tanggapan bahawa ada orang memperdagangkan kad kita. Walaupun kita dapati ada juga serbuan-serbuan tindakan-tindakan yang kita ambil khususnya kepada pihak badan-badan yang berkenaan umpamanya syarikat-syarikat keselamatan di negara ini. Serbuan kita buat dan tindakan kita ambil menunjukkan bahawa ada mereka ini menggunakan kad-kad yang telah diubahsuai. Saya tidak kata palsukan, kerana kad itu sendiri adalah kad asli Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang berlaku ialah membran yang di atas kad itu boleh dibuka, ini kad sebelum tahun 2013 ya, boleh dibuka dan dimasukkan gambar di dalamnya dan gambar itu ditukar dengan gambar yang baru. Akan tetapi butiran di dalamnya mungkin gambar itu gambar 'Aziz bin Hasan' tetapi yang masuk itu mungkin 'Pak Sono' namanya tetapi dia sudah jadi 'Aziz bin Hasan' bila dia gunakan kad yang dia ubahsuai itu. Jadi dalam keadaan sedemikian, ini berlaku, kita cukup yakin dan kita tahu ia berlaku.

Akan tetapi masalahnya macam mana ia berlaku, siapa yang mengolahkannya kita tidak tahu. Jadi itulah kenapa kerajaan telah mengubah suai kad ini untuk mengeluarkan ciri-ciri kad baru pada tahun 2013 iaitu kad yang mempunyai *ghost image*. Pada masa sekarang tidak ada satu kes pun yang kita dapati dalam serbuan yang begitu banyak, tangkapan yang kita buat menunjukkan bahawa kad pengenalan yang ciri tahun 2013 itu dapat diubahsuai. Walaupun dia boleh membuka itu, dia boleh masukkan gambar tetapi *ghost image* itu tidak boleh diubahsuai. Jadi maknanya ciri-ciri kad baru itu yang menggunakan cetakan tulisan laser ini dan menggunakan nombor siri cip yang unik dan mempunyai *ghost image* yang jelas ini telah tidak dapat diubahsuai oleh pihak-pihak ini.

Perkara ini ada hubung kait dengan kemasukan pendatang asing ke negara ini oleh kerana mengelak daripada tangkapan kerajaan, tangkapan polis dan pelbagai agensi kerajaan yang membuat serbuan di sana sini supaya mendapat- jadi kalau kita hendak membuat satu anggapan bahawa ada orang yang menjual berkemungkinan tetapi saya sebagai kerajaan tidak boleh membuat anggapan sedemikian kalau tidak ada bukti orang menjual. Jadi ada juga kita telah tangkap umpamanya yang di Sarawak, kita telah tangkap bahawa pihak-pihak yang tertentu yang mempunyai sindiket tertentu yang membuat kad pengenalan untuk orang Filipina yang ditangkap di Sarawak itu.

Jadi ini menunjukkan bahawa ada bukti-bukti berlaku tetapi saya tidak boleh mengatakan selama ini yang satu juta lebih kad yang hilang itu memang dicuri dan dijual atau pun orang yang membuat kad pengenalan lapor hilang, lepas itu jualkan kad, saya tidak boleh buat tangkapan sedemikian Yang Berhormat. Akan tetapi dalam masa yang sama kita masih membuat penyelidikan. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Soalan saya, tidakkah KDN bercadang mengenakan peraturan atau undang-undang yang lebih ketat, hukuman yang lebih ketat bagi mereka yang hilang IC terutamanya yang hilang berulang kali supaya dijadikan pengajaran? Kalau ada sila nyatakan.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat, soalan ini juga sama Yang Berhormat. Sebenarnya apa yang berlaku sebelum 20 Mac tahun 2011, kerajaan kita dan Jabatan Pendaftaran apabila berlakunya satu-satu kad pengenalan hilang dan seseorang itu melaporkan kadnya hilang, dia dikehendaki melaporkan perkara itu kepada polis. Akan tetapi apa yang berlaku pada ketika itu ada yang memberi alasan-alasan yang tertentu mengatakan dia telah kena rompak, dia telah kena samun, dia telah macam-macam. Ada hubung kait dengan elemen jenayah.

Jadi ini telah meningkatkan oleh kerana laporan sedemikian ini telah meningkatkan kadar jenayah di negara ini walaupun mereka, umpamanya saya sebut sedemikian, kalau dia di hulu sungai, dia jauh tetapi dia hendak buka akaun bank di bandar, jadi dia tidak sempat hendak-kad dia terlupa mungkin di Kelantan tetapi dia datang ke Kuala Lumpur atau pun terlupa di Hulu Baram dia sudah datang ke Kuching, dia hendak balik itu mungkin makan masa seminggu.

#### ■1050

Cara yang mudah mendapat kad pengenalan ialah laporkan hilang, terlupa, apa sahaja. Jadi dilaporkan. Masalah ini berlaku di kawasan-kawasan pedalaman. Jadi kalau laporan polis itu diperlukan, maka dia kena lapor kepada polis pula. Kalau ada polis mengatakan *you kena lapor di Kanowit, di Kapit, di Laga ataupun di Rompin ataupun di Kelantan balik daripada Kuala Lumpur*, ia menyusahkan masyarakat. Kerajaan dengan itu telah memutuskan supaya tidak payah laporan lagi untuk memudahkan masyarakat pada tahun 2011.

Jadi dengan tidak ada laporan, penguatkuasaan undang-undang untuk mengecaj seorang yang gagal menjaga kad pengenalannya di bawah undang-undang ataupun memberi keterangan palsu kerana kehilangan kad pengenalannya tidak dapat dibawa ke mana-mana. Ia akan berlaku macam itu sahaja dan kita ganti kad pengenalannya. Dengan kecekapan pihak Jabatan Pendaftaran Negara, boleh mengeluarkan kad dalam masa satu hari. Jadi dalam keadaan sedemikian kita telah mengkaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada Yang Berhormat Senator tadi bahawa kita mengkaji semula sistem ini sama ada kita memerlukan lagi perbincangan di antara jabatan-jabatan polis, pendaftaran dan sebagainya sama ada kita perlukan lagi laporan kepada polis supaya kita boleh mengawal mereka ini siapa yang melaporkan kehilangan. Kalau dia buat laporan palsu, kita boleh tuduh dia di mahkamah. Itu satu.

Kedua, kita meningkatkan caj untuk kehilangan MyKad yang tidak ada bukti-bukti dan penjelasan yang khusus mengatakan dia kena karam, terbakar, kena rompak, kena ragut dan sebagainya. Kehilangan ini berlaku oleh kerana insiden yang tidak boleh dielakkan. Jadi ini kita tengah kaji dan ada juga kita telah menyarankan kepada pihak Peguam Negara beberapa perkara yang belum lagi kita dapat maklum balas daripada Pejabat Peguam Negara.

Kalau ini dipersetujui nanti bahawa ada perubahan-perubahan baru untuk kita menyekat barang siapa yang kehilangan kad ini, boleh kita sedikit-sebanyak memberi mesej yang kita tidak mahu seseorang itu melaporkan kehilangan kadnya. Bahkan ada cadangan yang saya terima banyak daripada masyarakat umum mengatakan jangan bagi kad pengenalan padanya satu tahun. Kalau satu tahun tidak bagi kad pengenalan dia tidak boleh pergi umrah, dia tidak boleh buka bank

akaun, dia tidak boleh pergi mana-mana pun. Tidak boleh buat pasport. Banyak perkara yang dia tidak boleh bagi. Akan tetapi persoalannya, adakah kita mahu perkara demikian kita ambil kepada masyarakat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**5. Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan, senarai jumlah perkahwinan dan perceraian yang didaftarkan di JAIN/ MAIN dan Jabatan Pendaftaran Perkahwinan membabitkan semua kaum dan mengikut negeri dari 2008-2012.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor lima dengan sedikit pembetulan iaitu menyatakan 'senarai', bukan menyatakan 'senaraikan'. Terima kasih.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuuh.* Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bertanggungjawab menguruskan pendaftaran perkahwinan dan perceraian di kalangan pasangan Islam. Sehubungan itu berdasarkan laporan daripada JAIN, jumlah pendaftaran perkahwinan dari tahun 2008 sehingga tahun 2012 mengikut negeri adalah seperti berikut:

#### **Pendaftaran Perkahwinan Mengikut Negeri [Tahun 2008-2012]**

Negeri	Bilangan
Johor	106,503
Kedah	115,288
Kelantan	108,675
Melaka	27,095
Negeri Sembilan	33,717

#### **Pendaftaran Perkahwinan Mengikut Negeri [Tahun 2008-2012] sambung-**

Negeri	Bilangan
Pahang	69,647
Perak	80,880
Perlis	13,408
Pulau Pinang	29,196
Sabah	71,642
Sarawak	39,568
Selangor	108,104
Terengganu	66,427
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	34,744
Wilayah Persekutuan Labuan	3,142
Wilayah Persekutuan Putrajaya	453
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1,220,637</b>

**Jumlah Perceraian / Jumlah Pendaftaran Perceraian [Tahun 2008-2012]**

<b>Negeri</b>	<b>Bilangan</b>
Johor	17,075
Kedah	16,315
Kelantan	15,489
Melaka	6,043
Negeri Sembilan	7,279
Pahang	12,552
Perak	12,309
Perlis	2,864
Pulau Pinang	6,968
Sabah	8,758
Sarawak	7,566
Selangor	28,570
Terengganu	10,918
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	10,690
Wilayah Persekutuan Labuan	639
Wilayah Persekutuan Putrajaya	164
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>210,336</b>

Walau bagaimanapun, perlu difahami pendaftaran perceraian pada tahun semasa tidak semestinya pernikahan itu berlaku pada tahun yang sama. Selain itu, proses permohonan cerai diuruskan di Mahkamah Syariah dan perceraian akan didaftarkan di Jabatan Agama Islam Negeri setelah mendapat perintah cerai tersebut.

Berhubung dengan pendaftaran perkahwinan dan perceraian bukan Islam dan mengikut kaum sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum ia adalah di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Dalam Negeri. Namun, sedikit maklumat yang dibekalkan oleh pihak KDN untuk makluman Yang Berhormat. Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara telah mendaftar perkahwinan orang bukan Islam iaitu:

**Pendaftaran Perkahwinan Orang Bukan Islam [Tahun 2008-2012]**

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan pasangan</b>
2008	65,492
2009	67,493
2010	61,430
2011	69,445
2012	65,349
<b>Jumlah</b>	<b>329,209</b>

Juga direkodkan perceraian yang dimuktamadkan oleh mahkamah adalah seperti berikut:

**Pendaftaran Perceraian Orang Bukan Islam [Tahun 2008-2012]**

Tahun	Bilangan Perceraian
2008	6,704
2009	8,940
2010	10,003
2011	8,831
2012	8,029
<b>Jumlah</b>	<b>42,507</b>

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Daripada statistik yang telah dibentangkan tadi, kita dapat melihat bahawa perceraian di kalangan orang Melayu Islam masih lagi tinggi berbanding dengan bukan Islam dengan Johor, Kedah dan Selangor mencatatkan kadar perceraian melebihi daripada 15% hingga ke 20% daripada apa yang sempat saya catatkan daripada huraiyan Yang Berhormat Menteri.

Kita semua mungkin bersetuju bahawa kalau boleh di Jabatan Agama Islam ataupun Majlis Agama Islam Negeri perceraian hendak kita elakkan walaupun ada yang kahwin muda, tetapi perceraian tetap juga berlaku seperti pasangan Norfazrina dan juga Fahmi yang berkahwin ketika usia 12 tahun dan 19 tahun.

Persoalan saya di sini kepada Yang Berhormat Menteri, kita melihat bahawa prosedur sebelum satu-satu pasangan itu bercerai dan bermasalah, mereka akan diberi kaunseling dahulu oleh pegawai di Jabatan Agama Islam ataupun Majlis Agama Islam. Jadi persoalan saya, berapa orang pegawai yang ditetapkan di jabatan dan nisbah mereka ini mengendalikan kes. Satu pegawai berapa kes yang akan dia pegang dan adakah pegawai-pegawai ini mereka yang benar-benar terlatih dalam bidang kaunseling untuk memberi kaunseling ataupun sekadar mereka yang hanya belajar dalam bidang agama dan memberi kaunseling setakat nasihat sahaja. Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kepada soalan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim. Suka saya jelaskan bahawa beberapa perkara dalam kesempatan yang amat bermakna pada pagi ini sebab proses perceraian ini Tuan Yang di-Pertua, waktu kahwin pun menjadi satu cerita yang menyeronokkan. Kalau kita tengok dalam surat khabar hari ini, ada pasangan artis yang kahwin tajaan berjuta-juta ringgit pun menjadi satu keseronokan juga.

■1100

Perceraian pun juga menjadi suatu perkara yang begitu menghangat ataupun menghambat masyarakat Tuan Yang di-Pertua. Apa yang menghambatnya maksud saya ialah orang selalu sebutkan ini pihak wanita berapa lama digantung tidak diputuskan keputusan dan sebagainya. Macam-macam perkara dan sebenarnya di sebalik perkahwinan itu orang tidak dapat melihat, menyelami masalah-masalah dalaman yang berlaku di antara pasangan. Ada yang terpaksa

berkahwin di luar, ada yang berkahwin secara diam, yang tidak berdaftar dan sebagainya. Bila datang kepada perceraian, barulah sampai kepada tahap tersebut.

Sama juga sebagaimana Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim sebutkan tadi pasangan yang kahwin di Kulim, Kedah yang umur 13 tahun, perempuan dan sebagainya. Ini saya perlu jelaskan sedikit saja Tuan Yang di-Pertua, iaitulah sebab selalu ditimbulkan kenapa dalam Islam pasangan ini tidak ditentukan dengan semudahnya dia berkahwin. Saya suka jelaskan bahawa di dalam peraturan Majlis Agama Islam, sesuatu perkahwinan ia dibenarkan melainkan kalau sekiranya dia berumur di bawah 16 tahun untuk perempuan dan 18 tahun untuk lelaki mesti mendapat kebenaran daripada pihak mahkamah terlebih dahulu. Maknanya yang berkahwin perempuan lebih daripada 16 tahun tidak perlu, lelaki lebih 18 tahun tidak perlu tetapi bawah daripada 18 tahun lelaki dan 16 tahun wanita perlu mendapat kebenaran mahkamah.

Mahkamah juga dia tidak akan membenarkan melainkan setelah mendapat persetujuan daripada pasangan lelaki dan perempuan, kedua-dua ibu dan ayah lelaki dan perempuan. Maknanya bakal bapa mertua, emak mertua dan juga bapa dan ibu kepada pasangan itu memberikan persetujuan. Kalau sekiranya itu, barulah kebenaran diberikan. Maka tidak timbul kenapa begitu longgar untuk perkahwinan itu dibenarkan dan timbul pula persoalan, ada yang timbul yang timbul soalan yang berlaku kes di rogol dan sebagainya terlebih dahulu kemudian berlaku perkahwinan. Itu kes-kes yang melibatkan rogol adalah bawah bidang kuasa polis yang telah pun dilaporkan kepada pihak polis dan juga mahkamah yang sepatutnya bersidang iaitulah mahkamah yang melibatkan kes rogol sivil. Jadi ini satu-satu persoalan yang saya mengambil kesempatan untuk memberikan maklumat dan penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sebab soalan ini selalu dibincang dan dicakapkan.

Berbalik kepada persoalan tentang jumlah perkahwinan, saya ada sebutkan awal tadi ialah jumlah perkahwinan bagi orang-orang Islam sebagaimana data yang telah saya sebutkan ialah sebanyak 1.2 juta orang dan manakala perceraian ialah 210,000 orang di sepanjang tempoh 2008 sehingga 2012 dan begitu juga perceraian 210,000 orang daripada 2008 kepada 2012. Manakala perkahwinan yang bagi bukan Islam dalam tempoh yang sama ialah 329,000 orang dan perceraian ialah 42,000 orang. Jadi maksud saya ialah hendak mengukur dari sudut jumlah penduduk yang agak begitu ramai dan perkahwinan yang tinggi ada mungkin barangkali kita ada dapat melihat semacam ada jumlah perbezaan perceraian yang agak tinggi. Namun balik kepada persoalan tentang mereka-mereka yang ditempatkan untuk bertugas sebagai pegawai kaunseling ataupun yang memberikan, kita ada bila berlaku hendak bercerai sebelum pergi mahkamah, ada kita panggil Majlis Sulu', kita ada yang kita namakan dengan Hakam, kita ada namakan dengan Jawatankuasa Pendamai dan mengikut *step*, dan keperluan kes-kes tersebut untuk di mana mereka ini dirujuk terlebih dahulu.

Jadi untuk maklumat berapa ramai yang ada buat masa sekarang, saya mohon untuk saya beri jawapan bertulis berapa orang dan jumlah mereka yang terlatih dan mereka yang hanya sekadar memiliki kelulusan keagamaan tetapi memainkan peranan di tempat ataupun di kerusi ataupun di pejabat sebagai pemberi kaunseling dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk mengemukakan soalan. Sebelum saya kemukakan soalan ini, saya hendak beri sedikit penjelasan bahawa persoalan ini tidak ada kena mengena dengan peribadi saya ataupun peribadi sesiapa. Soalnya begini. Daripada senarai yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, adakah yang didaftarkan itu pasangan-pasangan yang berkahwin di luar negara, terutama di seberang sempadan Thai. Kalau ada berapa dan apa syarat-syarat untuk mendaftarkan kembali perkahwinan yang dilakukan di seberang negara itu. Terima kasih *[Ketawa]*

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus. Ya lah saya bersetuju sangat kalau Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus pun ada masalah dalam kes ini...

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Fasal sudah bermenantu sudah, saya baca satu penulisan yang ditulis Dato' Dr. Firdaus tentang hubungan kekeluargaan dia, dengan ibu dan sebagainya. So tidak mungkin kalau Dato' Dr. Firdaus ada masalah dalam perkahwinan.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Okey, kita setuju cuma yang kedua saya tidak tahu, ada atau tidak ada. Dalam rekod saya tidak adalah perkahwinan kedua, kan. Tidak ada!...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tidak, yang Dato' Dr. Firdaus. Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pendaftaran perkahwinan di luar negara. Sememangnya termasuk yang bercerai ini pun dalam kalangan yang daripada luar negara dan cumanya untuk peraturan pendaftaran di luar negara oleh kerana ada masalah-masalah perkahwinan. Ini pun juga perlu saya jelaskan sedikit di sini sebelum jawapan tadi ialah selalu orang kata perkahwinan di luar negara ini berpunca kerana peraturan perkahwinan yang ketat di Malaysia.

Sebenarnya peraturan perkahwinan tidak ketat. Dia harus memohon kepada pihak yang berwajib, pihak pejabat agama dan juga proses untuk kebenaran perkahwinan dan selepas daripada itu berkahwin tetapi apa yang jadi masalah kadang-kadang ada pasangan yang tidak direstui oleh ibu dan bapa. Ada pasangan pula yang bukan ibu bapa tidak restui, ibu bapa restui tetapi tidak direstui oleh isteri pertama. Ini pun masalah juga sebab dia hendak menikah kemudian dia tidak berapa hendak berani *habaq* dekat bini.

Sebenarnya dia ada pula pi bawak cerita macam cerita P.Ramlee, dia kata cerita P. Ramlee tengah-tengah malam waktu isteri tidur, ambil tangan, cap jari di situ. Sebenarnya cap jari, sepuluh-sepuluh jari kah, kaki sekali cap pun tidak diterima sebab mahkamah hanya membenarkan berdasarkan kepada pertimbangan mahkamah. Bukan atas keputusan yang dibuat oleh isteri. Maknanya kalau pergi ke mahkamah, mahkamah akan tanya kepada isteri itu, bagi ke tidak, itu bukan persoalan mahkamah. Persoalan mahkamah kemampuan untuk menanggung pasangan yang bakal dikahwini untuk kali yang kedua.

Ini juga oleh kerana hendak pergi ke mahkamah sebab bukan takut hendak berdepan dengan hakim, takut berdepan dengan isteri yang pertama yang duduk dekat hakim juga. Jadi dia tidak berani bawa, maka berlakulah perkahwinan di luar negara. Balik kepada perkahwinan di luar negara tadi, peraturannya maka ada peraturan yang kita benarkan. Sedikit tambah tadi yang had kahwin tadi ini ialah dia pun juga bergantung kepada keputusan hakim sama ada hendak panggil ataupun tidak. Jadi kalau hakim tidak panggil, selamatlah orang tadi. Jadi bila pergi ke luar negara, dia memudahkan.

Jadi sebab itu banyak pasangan yang kahwin di luar negara. Oleh kerana dalam keadaan yang agak sukar untuk menguruskan perkahwinan ini, ada beberapa Majlis Agama Islam yang dibenarkan atas dasar hubungan Malaysia dan juga Thailand, dibenarkan untuk mereka mendaftar di situ dan balik ke Malaysia, mereka daftar semula tetapi bagi mereka yang tidak berkahwin di tempat yang diluluskan pendaftaran dan juga ada di sana peraturan-peraturan, maknanya ada denda yang dikenakan untuk dia bayar dan sebagainya kerana perkahwinan di luar negara tanpa kebenaran, maka kemudian barulah dibenarkan untuk pendaftaran semula dan maklumat lengkap mungkin barangkali Dato' Dr. Firdaus saya akan sampaikan secara bertulis. Terima kasih.

**6. Puan Bathmavathi a/p Krishnan** minta Menteri Pendidikan menyatakan, mewujudkan Unit Pelajar OKU di setiap institut pengajian tinggi (IPT) kerajaan dan swasta, dan juga sekurang-kurangnya satu di setiap daerah untuk sekolah demi memberi perhatian kepada keperluan pelajar OKU di sekolah serta IPT.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi a/p Krishnan atas soalan yang berkaitan dengan keperluan OKU. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sangat prihatin dan tidak pernah mengabaikan aspek kebijakan golongan pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) di institusi pendidikan. Justeru, di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) satu pelan tindakan pengajaran dan pembelajaran telah dirangka di IPTA yang mengandungi empat objektif strategik iaitu berkaitan akses, kualiti, pembangunan diri dan persekitaran.

Antara program yang dilaksanakan seperti program advokasi, program pendidikan, program pembangunan sumber manusia, program penglibatan masyarakat dan program penyelidikan dan pembangunan. Manakala antara tindakan yang telah dijalankan oleh pihak kementerian adalah seperti berikut:

**■1110**

- (i) mewujudkan Jawatankuasa Penasihat Kebajikan Pelajar OKU Universiti Malaya;
- (ii) latihan kepada warga UM iaitu *Program Disability Equality Training* dengan izin kepada kakitangan kolej kediaman dan fakulti bertujuan mewujudkan kaedah dan tatacara pengurusan pelajar OKU;
- (iii) mewujudkan kaedah pemilihan kemasukan ke IPTA melalui laluan kemasukan khas bagi kategori OKU;

- (iv) pengiktirafan JPA bagi program Sijil Kemahiran Khas Politeknik iaitu kursus Sijil Kemahiran/Awam Pembinaan dan Sijil Kemahiran Penyelenggaraan Mekanikal;
- (v) menjalankan kursus bahasa isyarat kepada semua tenaga pengajar yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar OKU di Politeknik Ibrahim Sultan;
- (vi) melatih kaunselor untuk mempelajari bahasa isyarat supaya dapat membantu pelajar kurang pendengaran UM;
- (vii) penglibatan kementerian sebagai ahli tetap dalam Jawatankuasa Pendidikan Bagi Majlis Kebangsaan Orang Kurang Upaya sebagai platform hubungan strategik dengan NGO; dan
- (viii) mewujudkan unit yang mengurus dan menyelaras hal ehwal pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan pelajar OKU di bawah seksyen kaunseling kerjaya dan OKU atau di Bahagian Hal Ehwal Pelajar masing-masing di IPTA.

Di peringkat pendidikan rendah dan menengah pula, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan Unit Pendidikan Khas di setiap Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi memudahkan pengurusan murid berkeperluan khas. Pegawai di PPD ini juga akan bekerjasama dengan pegawai dari Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan dan kebajikan murid berkeperluan khas. Sekian, terima kasih.

**Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya separuh dijawab tetapi berkenaan dengan Unit Pelajar OKU di peringkat IPT. Pada masa ini usaha sendiri dibuat oleh beberapa universiti macam Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa, UKM dan sebagainya. Tetapi apa yang kita perlukan ialah sesuatu dasar, polisi di peringkat kementerian supaya semua IPT tidak kira IPT awam ataupun swasta akan mengikut arahan dan dasar yang ditetapkan oleh kementerian. Jadi kita perlukan satu dasar diwujudkan oleh Kementerian Pendidikan supaya diadakan Unit Pelajar OKU di semua IPT-IPT.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi soalan Yang Berhormat, soalan dia?

**Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan:** Soalan tambahan saya adalah apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk menggalakkan pendaftaran kanak-kanak OKU di sekolah. Misalnya berhubung dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di peringkat daerah, NGO ataupun Kementerian Kesihatan untuk mengenal pasti berapa ramaikah murid OKU yang akan masuk ke Tahun 1 pada sesuatu tahun. Ini adalah memandangkan bahawa kerajaan kita sudah memberikan komitmen kepada objektif UNESCO untuk mencapai *education for all*, dengan izin, menjelang tahun 2015.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan satu dasar yang khasnya untuk menggalakkan pelajar OKU untuk masuk sekolah. Saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat di sini bahawa dalam kita punya Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia memang salah satu keutamaan diberikan kepada pelajar

dengan *special needs*. Memang banyak usaha sedang diambil dan Kementerian Pendidikan Malaysia memang kita ada satu jabatan khas untuk OKU dan kita sudah wujudkan satu jabatan di mana kita panggil itu *Special Education Department*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah adakah tenaga pengajar khusus bagi orang kelainan upaya ini kerana berdasarkan kepada pengalaman mereka yang dikatakan OKU ini dihimpunkan dalam satu tempat sedangkan ada hal-hal ataupun kes-kes tertentu di mana OKU ini berbeza-beza di antara satu dengan yang lain. Minta penjelasan.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat yang berkaitan dengan keistimewaan yang diberikan kepada OKU. Di sini Kementerian Pendidikan Malaysia memang sudah wujudkan 28 buah sekolah rendah untuk OKU dan 5 buah sekolah menengah *specifically* untuk pelajar OKU. Selain daripada itu, guru-guru memang diberi latihan khas untuk *handle* kita punya *student with special needs*, dengan izin. Sekian, terima kasih.

7. **Datuk Dr. Lucas Umbul** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah tindakan pencegahan yang diambil oleh kementerian bagi menangani masalah tragedi berdarah di Pulau Pom Pom, Semporna, Sabah, yang mana pelancong Taiwan maut ditembak dan isterinya dilarikan oleh kumpulan bersenjata baru-baru ini. Apakah perancangan kementerian untuk memperluaskan kawasan ESSCOM di sekitar kawasan-kawasan pelancongan yang terdedah dengan ancaman keselamatan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *Bismillahi Rahmani Rahiim*. Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah pencegahan yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) memperketatkan lagi kawalan perairan khususnya di perairan sempadan. Pasukan Gerakan Udara (PGU), PDRM dan Tentera Udara Diraja Malaysia turut membantu untuk membuat tinjauan udara di kawasan perairan yang kerap dijadikan laluan oleh penceroboh yakni penjenayah untuk memasuki perairan Malaysia secara haram;
- (ii) memperbanyakkan rondaan di perairan pedalaman (*internal waters*) dan pesisir pulau di samping menambahkan kekerapan rondaan berjalan kaki di waktu malam khususnya di kawasan *resorts* yang berada di air oleh pihak polis marin dan Pasukan Gerakan Am (PGA); dan
- (iii) ESSCOM dengan kerjasama PDRM telah meminta pengusaha-pengusaha pusat-pusat pelancongan di pulau-pulau supaya mengambil tindakan proaktif dalam memastikan keselamatan pelancong dari dijadikan mangsa jenayah oleh kumpulan yang bersenjata.

Antara langkah-langkah yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) memperbanyakkan lampu-lampu limpah (*flood light*) dengan izin, di kawasan yang gelap di mana pelancong menginap, yang kita juga meminta supaya mereka memasang CCTV di kawasan luar tempat penginapan pelancong untuk mengesan lebih awal individu yang tidak sepatutnya berada di kawasan tersebut;

- (ii) pihak penguasa *resort* disarankan untuk menyediakan perkhidmatan pengawal keselamatannya sendiri untuk memastikan kawasan *resort* sentiasa selamat dengan kerap membuat rondaan di waktu malam.

Aktiviti-aktiviti risikan yang merangkumi semua aspek keselamatan telah dipertingkatkan. ESSCOM juga telah melancarkan operasi GASAK di pusat-pusat pelancongan, di pulau-pulau yang terdapat ramai pelancong asing. Operasi memeriksa pekerja-pekerja *resort* bertujuan memeriksa ketulenan dokumen-dokumen pengenalan diri dan perjalanan pasport, permit kerja dan juga lain-lain iaitu dan perjalanan mereka. Operasi GASAK ini akan dijalankan secara terus menerus terhadap ke semua *resort* dan di penempatan penduduk di pulau-pulau yang mempunyai *resort* pelancongan dan juga *homestay*.

Buat masa ini kerajaan juga telah menetapkan bahawa kawasan kawalan ESSCOM hanya meliputi sebanyak 10 buah daerah yang terletak di Pantai Timur Sabah iaitu Kudat, Pitas, Kota Marudu, Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau.

#### ■ 1120

ESSCOM bertanggungjawab untuk menyelaras kesemua operasi keselamatan di darat dan juga di perairan kesemua daerah-daerah tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Datuk Dr. Lucas.

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab begitu terperinci sekali. Soalan saya, dalam hal atau perkara yang berlaku di Semporna ini, kita mendapat makluman bahawa pengusaha pelancongan kurang memberi kerjasama kepada pasukan PGA dalam mengawal keselamatan *resort* tersebut. Soalan saya, apakah tindakan dan langkah kementerian agar pengusaha-pengusaha pelancongan *comply* dan mewajibkan keselamatan sebagai keutamaan bagi mengawal kejadian-kejadian yang tidak berlaku seperti ini pada masa-masa akan datang? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sekejap lagi Senator Abdullah Yassin akan tanya soalan. Berhubung dengan soalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator iaitu penguasa-penguasa, tuan punya *resort* kurang memberi kerjasama. Itu adalah tepat. Saya nak bagi tahu bahawa kadang-kadang mereka tidak mahu menampakkan kehadiran anggota keselamatan polis ataupun tentera di kawasan mereka dan ada setengah tempat yang tentera menjaga di belakang gen set, di belakang generator yang sudah pasti kita mendengar bunyi generator dan dalam masa yang sama seolah-olahnya kita tolong jaga generator. Perkara ini tidak lagi boleh berlaku dan saya telah mengarahkan bahawa ESSCOM sekarang ini nak jaga keselamatan di kawasan tersebut dan ESSCOM mesti bertindak untuk memastikan supaya pihak penguasa *resort* mengambil *security guard*. Kita bukan *security guard*, kita ialah anggota keselamatan.

Kedua, nak pastikan supaya kehadiran kita di tempat-tempat yang tertentu di kawasan pelancongan itu kena tunjuk ini ialah kawasan keselamatan dan kalau kita setakat menganjurkan, menyarankan saya ingat tak perlu ESSCOM. Kita akan pastikan mereka mengikut apa yang telah kita arahkan. Ambil *security guard*, pastikan supaya kehadiran anggota keselamatan berada di

mana-mana sebab walaupun berlaku insiden yang sedemikian rupa, kita dapat tahap pelancongan di kawasan yang berkenaan terus meningkat sebab orang masih melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat dan negara yang cantik untuk dilawati.

Saya sedar tentang apa yang berlaku dan saya sedar tentang kekangan yang dihadapi oleh ESSCOM tetapi ESSCOM ditubuhkan dengan matlamat utama untuk menjaga keselamatan dan juga kedaulatan negara. Kita akan arahkan supaya penguasa-penguasa *resort* ambil *security guard* dan pastikan kehadiran anggota keselamatan daripada semasa ke semasa. Kalau saya jadi pelancong, saya nampak ada anggota keselamatan, saya rasa seronok sebab saya rasa selamat berada di situ. Dalam keadaan seperti di Kuala Lumpur ini pun kalau kita tengah berjalan di *Chow Kit Road* tiba-tiba kita tertinggal seorang-seorang, kita nampak orang pakai uniform itu pun kita seronok seolah-olah itu macam polis padahal itu mungkin *security guard* tetapi begitulah kehebatannya uniform itu, boleh bagi *confident* kepada orang. Lebih-lebih lagi ini bukan uniform, ini betul *real* punya anggota keselamatan yang hadir untuk nak pastikan kawasan pelancongan kita selamat daripada penceroboh durjana tersebut.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan keselamatan ini, semua orang memberi keprihatinan supaya tidak berlaku perkara-perkara yang buruk dalam negara kita.

Jadi soalan yang saya ingin kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri ialah ada sebahagian daripada masyarakat kita termasuk juga pegawai kerajaan memberi ungkapan-ungkapan ataupun kenyataan-kenyataan di dalam ucapan termasuk di dada akhbar yang melabelkan satu label kepada golongan atau satu-satu kumpulan yang tidak serasi dengannya dengan bermacam-macam label yang tidak baik. Saya rasa perkara ini boleh membawa ketegangan di kalangan masyarakat kita dan saya ingin tahu apa langkah-langkah yang telah atau akan diambil oleh pihak kerajaan supaya hal-hal seperti ini tidak berlaku pada masa depan. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tak saya dapat maklumat tentang secara khusus label dalam bentuk yang macam mana supaya senang saya jawab secara khusus.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seperti melabelkan bahawa si polan atau yang tidak sealiran dengannya, saya dapat dalam masyarakat kita ini ada yang dituduh orang Wahabi saya kata, sebagai contoh bahawa mereka ini adalah keluar agama. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar sedikit tapi boleh saya jawab tak?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jawabkanlah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sebab kita siaran ini secara terus menerus.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini berkenan dengan ESSCOM ya?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, ini pasal keselamatan. Keselamatan ini kita tahu bahawa kita berharap benda itu tidak berlaku dalam kawasan ESSCOM ya, kalau berlaku dalam kawasan ESSCOM kita akan ambil tindakan.

Dua hari yang lepas saya tengok video berhubung dengan seorang anggota kerajaan yang terlibat untuk menasihati polis dalam bahagian agama mengeluarkan perkataan-perkataan melabelkan orang lain dalam kategori yang disamakan. Contohnya macam Syiah, pluralisme. Pluralisme itu disamakan dengan Wahabi. Dia campur semua, siapa yang tak suka dengannya dan dia menuduh di situ bahawa orang yang terlibat dengan benda tersebut masuk neraka.

Jadi perkara ini tidak patut berlaku dan kerajaan akan menyiasat. Saya telah sampaikan maklumat awal kepada Menteri Dalam Negeri supaya menyiasat mana-mana anggota kerajaan. Kalau dia bekerja dengan kerajaan, dia tidak boleh melabelkan orang tak tentu fasal, yang boleh meletakkan hukum ini hanya JAKIM ataupun Jabatan Agama Islam negeri-negeri bukan pegawai yang semasa bekerja dia bekerja tetapi masa lain berceramah cakap seolah-olahnya dia tidak berpijak di bumi nyata. Kalau ini juga boleh mengancam keselamatan, kita akan ambil tindakan yang sewajarnya.

**8. Tuan Chiew Lian Keng** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, kriteria dan cara untuk mengenal pasti rumah di setiap kawasan Parlimen yang perlukan bantuan membaiki/baik pulih serta apakah komitmen yang perlu diberikan oleh tuan rumah ini.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan nombor 8, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui Program Bantuan Rumah (PBR) di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) menyediakan bantuan membina baru dan membaik pulih rumah untuk keluarga miskin tegar dan miskin di luar bandar. Di bawah bantuan baik pulih rumah, skop bantuan diberi kepada pemohon yang mempunyai rumah yang masih ekonomik untuk dibaiki dan komponen utama yang akan dibaik pulih adalah seperti bumbung, lantai, dinding dan lain-lain serta penyediaan tandas. Selain itu, kriteria dan cara untuk mengenal pasti rumah di setiap kawasan Parlimen yang memerlukan bantuan membaik pulih rumah ditentukan berdasarkan insiden kemiskinan dan senarai keutamaan yang telah diputuskan di peringkat negeri melalui mekanisme *focus group* pembasmian kemiskinan.

Oleh yang demikian, bagi kawasan daerah atau Parlimen yang mempunyai bilangan insiden kemiskinan yang tinggi akan diberikan keutamaan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, setiap penerima bantuan PBR dikehendaki menandatangani surat akuan sumpah di mana kandungan borang tersebut terdapat aku janji yang meminta penerima mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan daripada semasa ke semasa. Antaranya ialah adalah seperti berikut:

- (i) akan patuh kepada sebarang arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan dan undang-undang negara yang dikuatkuasakan.

**■1130**

- (ii) tidak akan campur tangan serta mempengaruhi kontraktor dengan mengubah spesifikasi semasa proses pembinaan rumah dijalankan;
- (iii) hanya akan menduduki rumah PPR selepas pegawai teknikal melakukan pengesahan dan penyerahan rumah secara rasmi dilakukan;

- (vi) tidak akan membuat sebarang tuntutan selepas penyerahan pemilikan rumah PPR;
- (v) akan sentiasa menghargai serta memastikan rumah dalam keadaan bersih, kemas dan selamat sebagai satu tempat kediaman; dan
- (vi) tidak akan menjual tapak atau rumah PPR dalam tempoh 10 tahun selepas menerima bantuan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Chiew Lian Keng:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya mohon Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk menyatakan kos maksimum baik pulih setiap rumah yang dibuat. Adakah kontraktor tempatan diberikan keutamaan dalam kerja pemberaan ini?

*[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]*

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okey. Soalan pertama, kos. Kalau kos maksimum untuk PPR ini ianya di Sarawak dan di Sabah sebab di Semenanjung ia ada kurang sedikit. Jadi saya bagi kos maksimum baik pulih RM12,000 sebuah rumah untuk baik pulih. Untuk bina baru di Sabah dan Sarawak lebih tinggi sedikit RM50,000 dan di Semenanjung RM40,000 untuk bina baru. Jadi soalan yang kedua ini saya tidak pasti. Sila sebut semula.

**Tuan Chiew Lian Keng:** Adakah kontraktor tempatan diberikan keutamaan untuk kerja membaik pulih?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Memang di mana-mana tempat ataupun daerah, kontraktor tempatan memang diberikan keutamaan. Agensi pelaksana kita gunakan kalau ada di tempat itu, kita selalunya menggunakan GIATMARA dan juga FELCRA sebagai agensi pelaksana program ini. Sekian terima kasih.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua soalan saya ialah bagaimana melihat rumah PPR ini berikutnya tentang peningkatan harga bahan binaan. Apakah pihak kementerian berhasrat untuk meningkatkan harga bantuan mengikut harga nilai barang binaan semasa yang mana sebagai contohnya bagi membina tandas curah luar bandar sekarang telah meningkat hampir dua kali ganda dari harga, yang mana daripada harga RM1,200 kepada RM2,400 unit. Sekian terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kementerian Kemajuan Luar Bandar sesungguhnya melihat kepada perkara ini kerana kami tahu di mana-mana sahaja di negara kita memang ada peningkatan barang untuk pembinaan memang juga sudah naik ataupun akan naik. Ini mestilah diambil kira.

Oleh sebab itulah kita sentiasa meneliti bagaimana dan kita memantau dengan rapi dari segi kualiti pembinaan itu dan juga bagaimana kita boleh kalau dapat menambah baik kaedah untuk kita memastikan rakyat terbelia dalam program ini. Sekian terima kasih.

9. **Dr. Syed Husin Ali** minta Menteri Pendidikan menyatakan, sama ada yuran pengajian tinggi akan dikurangkan sebagai langkah untuk membantu pelajar menghadapi peningkatan kos sara hidup.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali atas soalan yang berkaitan dengan yuran pengajian tinggi. Tuan Yang di-Pertua, mengikut amalan semasa, kadar yuran di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ditetapkan berdasarkan faktor-faktor ekuiti sosial untuk meluaskan akses pada masyarakat dan bukan berdasarkan prinsip *cost recovery*, dengan izin.

Penempatan yuran dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk kos langsung dan tidak langsung nilai sepadan pelajar sepenuh masa, nisbah tenaga pelajar atau pelajar, mod kerja khusus atau penyelidikan daya saing dan sebagainya. Malah terdapat IPTA yang menetapkan yuran pengajian berdasarkan semester pakej dan ada juga berdasarkan jam, kredit unit yang diambil.

Pada masa ini yuran pengajian peringkat ijazah sarjana muda di IPTA ditanggung oleh kerajaan sebanyak 80% hingga 90% bertujuan meringankan beban rakyat yang melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi. Kerajaan berpendapat bahawa kadar yuran sekarang adalah munasabah dan kadar tidak dinaikkan sejak beberapa tahun yang lalu.

Pada masa yang sama IPTA digalakkan untuk mempelbagaikan sumber pendapatan dalam seperti *endowment* atau wakaf supaya dapat membantu menyediakan lebih banyak bantuan kewangan kepada pelajarnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha ke arah mengawal selia institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) supaya mampu memberikan perkhidmatan pendidikan tinggi yang berkualiti dengan mengenakan yuran yang berpatutan.

Semua IPTS yang ditubuhkan di negara ini dikawal dan ditadbir urus mengikut Akta Pendidikan Swasta 1996 [Akta 555] termasuk kadar yuran yang dikenakan IPTS kepada pelajar-pelajarnya. IPTS tidak boleh mengenakan yuran kepada pelajar melebihi dari kadar yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Sekian terima kasih.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab. Terbaik ialah kalau misalnya dapat pendidikan percuma daripada peringkat rendah sehingga universiti. Akan tetapi jika ini tidak dapat dilakukan, apakah langkah yang diambil untuk mengurangkan yuran terutama sekali kepada golongan yang berpendapatan rendah. Saya lihat bahawa UiTM misalnya mempunyai kadar yuran yang terendah di kalangan universiti-universiti. Boleh tidak kalau disamakan yuran rendah untuk UiTM bagi semua universiti terutama sekali golongan pelajar yang berpendapatan rendah tadi. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching** Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan pengurangan yuran tadi dan sekiranya Kementerian Pendidikan Malaysia memberi pelajaran percuma makanya ini akan menimbulkan satu *domino effect*, dengan izin. Ini akan membawa satu perubahan dari segi cukai.

Marilah kita melihat apa yang berlaku di Finland apabila Finland memberi memang pendidikan percuma kepada pelajar. Ini akan menimbulkan satu *income tax* yang begitu tinggi.

Saya rasa sekiranya perkara ini berlaku di negara kita, ini akan menimbulkan peningkatan juga dari segi cukai. Ini akan membebankan rakyat Malaysia.

Jadi adalah sangat penting bahawa kita mesti mengambil kira semua faktor di mana kita boleh menggunakan satu Edward De Bono punya *thinking skills*, dengan izin, di mana kita hendak mengambil kira semua faktor yang dari segi kemampuan negara kita dan dari segi *tax increase* dan tambahan cukai. Selain daripada katalah kita hendak kurangkan seperti yang saya sudah jawab bahawa dekat ini memang tidak akan ada rancangan untuk kurangkan yuran kerana dianggap yuran yang dikutip oleh ada pelajar di sini adalah munasabah kerana kerajaan memang sudah menanggung 85% sehingga 95%.

#### ■1140

Saya rasa pelajar atau rakyat Malaysia sepatutnya bersyukurlah kerana kerajaan memang jaga dengan begitu baik. Satu cara untuk menggalakkan lagi pelajar untuk menikmati biasiswa di mana mereka tidak perlu bayar yuran universiti itu adalah dengan menggalakkan mereka untuk mencapai keputusan yang berkualiti, yang cemerlang supaya mereka layak untuk dapat biasiswa. Sekian, terima kasih.

**Datuk Hajah Noriah Binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menggalakkan syarikat-syarikat swasta membantu pelajar-pelajar yang dikenal pasti susah dan tidak mampu dan ini sebagai sebahagian *corporate social responsibility*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang berkaitan dengan mewujudkan satu kolaborasi di mana bahagian swasta atau GLC or NGO mengadakan atau memberi bantuan kepada pelajar-pelajar yang miskin. Memang IPTA mewujudkan atau mengadakan skim atau program *corporate social responsibility*, dengan izin, dengan NGO-NGO atau GLC. Seperti di peringkat sekolah memang kita boleh melihat bahawa *corporate social responsibility* diberi oleh Khazanah, di mana kita ada Sekolah Amanah. Ini menjadi satu cara di mana NGO atau GLC mewujudkan satu kolaborasi dengan pihak sekolah dan IPTA. Kita boleh melihat banyak aktiviti yang dijalankan khasnya dalam pertandingan dan di peringkat IPTA ada banyak pertandingan dalam inovasi dan *entrepreneurship*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab masa tidak mengizinkan, setakat itu sahajalah pertanyaan-pertanyaan lisan buat hari ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014 Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” **[9 Disember 2013]**

#### **11.43 pg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat bahawa pertama sekali, sila kemukakan nama-nama yang ingin berbahas dalam sesi Bajet 2014 kerana untuk senang saya membuat percaturan masa dan bagi peluang sebanyak mana untuk Yang Berhormat semua dapat berbahas. Ini kerana kita ada sehingga 12 hari bulan. Setakat ini kita ada, hari ini, semalam ada tiga orang lagi.

Hari ini ada 13 orang, bermakna ada 16 orang untuk berbahas hari ini. Kalau sekiranya masa tidak cukup, kita akan tambah pada malam nanti. Kita mengikut keadaan, saya akan buat pantau. Pada 11 hari bulan, kita ada 10 orang dan pada 12 hari bulan, hanya lima orang. Akan tetapi saya hendak menarik perhatian semua, sila kemukakan nama bila hendak berucap. Nanti jangan *last minute*, saat-saat suntuk, semua hendak berebut-rebut hendak bercakap, saya akan potong masa itu, saya kira ringkaskan. So, bagi peluanglah kepada semua. Sekarang tanpa membuang masa, saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin.

#### **11.44 pg.**

**Datuk Chin Su Phin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam hormat, salam perpaduan dan salam 1Malaysia, saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan Senator yang telah dan akan mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 ini.

Setelah mendengar, meneliti dan menganalisis secara mendalam isi-isi Belanjawan 2014 yang bertemakan, “*Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksanakan Janji*”, saya amat yakin yang kita mampu menjalankan proses transformasi kerajaan untuk menjadi sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi yang sentiasa mengutamakan dan mendahuluikan rakyat.

Pertamanya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengulang kembali ungkapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana kerajaan sentiasa sedar dan insaf di mana di kala dunia berdepan dengan risiko yang tidak ketentuan iklim politik dan ekonomi global, jika tidak berwaspada dan berjaga-jaga, impaknya boleh terpercik kepada kita.

Kepada ungkapan ini, saya percaya ramai dari sahabat saya dari Dewan Negara bersetuju bahawa Bajet 2014 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita adalah bertujuan untuk mengurangkan defisit fiskal negara, mewujudkan lebihan akaun semasa dan menangani longgokan hutang yang berlebihan ketika ini dan juga bagi jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa membuang masa, izinkan saya untuk memberi sedikit komen pertanyaan dan juga beberapa cadangan yang bertujuan untuk menambah baik Belanjawan 2014 ini.

Pada perhatian saya, keseluruhan bajet 2014 ini cukup menarik kerana ia memfokuskan tiga elemen utama iaitu:

- (i) memperteguh ketahanan ekonomi;
- (ii) memperkasakan transformasi; dan
- (iii) melaksanakan janji.

Saya anggap bahawa belanjawan ini adalah sebuah belanjawan yang sempurna untuk membawa Malaysia ke hadapan dalam arus perdana global yang pantas ini. Pada bajet ini saya melihat bahawa kerajaan komited untuk mewujudkan polisi campuran bagi menangani masalah yang saya sebutkan di awal tadi iaitu pengurusan defisit fiskal dan hutang negara tanpa mengabaikan kadar pertumbuhan negara menjelang tahun 2020.

Walaupun kerajaan telah melaksanakan langkah kurang popular seperti mengurangkan subsidi dan memperkenalkan sistem percukaian baru, saya percaya bahawa kerajaan telah mengkaji impak sosial ekonomi dengan berhati-hati. Penstruktur semula subsidi adalah perlu bagi memastikan golongan sasaran benar-benar dibantu kerana sistem subsidi yang diguna pakai pada masa sekarang masih belum berkesan sepenuhnya dan banyak kelemahan. Kesan daripada penstruktur ini juga, kerajaan akan memperoleh lebihan wang yang akan digunakan untuk kebajikan rakyat dan pembangunan negara.

Mengikut statistik terkini, hanya 6.4 juta daripada 13 juta tenaga kerja yang layak dikenakan cukai membayar cukai. Ini bermakna, mengikut sistem percukaian sekarang, hanya sesetengah tenaga kerja yang membayar cukai. Oleh yang demikian, pelaksanaan GST adalah jalan penyelesaiannya. Cukai keuntungan harta tanah juga ditingkatkan kepada 300% untuk tempoh pelupusan sehingga empat dan lima tahun. Sehubungan dengan itu, perubahan dan pada sistem percukaian negara ini penting bagi meningkatkan hasil pendapatan negara sekali gus mengurangkan defisit fiskal negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani kesan rantaian penstruktur subsidi dan penerangan sistem cukai yang baru, Kerajaan Barisan Nasional sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab telah meningkatkan BR1M dan membuat penstruktur semula kadar cukai pendapatan. Pesara juga akan menerima bantuan kewangan khas RM250 setiap bulan bagi menangani kos sara hidup. Tambahan daripada itu, bagi membendung aktiviti spekulator, kerajaan juga telah meningkatkan jumlah minimum harta tanah yang boleh dibeli oleh warga asing kepada RM1 juta.

**■1150**

Kerajaan juga melalui Bajet 2014 ini akan membina 223,000 unit rumah baru mampu milik yang akan dibina oleh kerajaan dan juga swasta. Ini semua adalah ringkasan pemerhatian saya daripada keseluruhan bajet kali ini walau pun saya tidak menyebut banyak perkara. Izinkan saya memberi pendapat dan juga cadangan dalam beberapa perkara yang terkandung di dalam bajet ini secara spesifik.

Pertamanya adalah mengenai GST. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana setelah hampir tujuh tahun cadangan pelaksanaannya. GST akan mula dilaksanakan pada April 2015. GST ini jelas bukanlah perkara baru dan asing bagi masyarakat dunia kerana hampir 160 buah negara telah melaksanakannya. Kita juga sedar akan kebaikan GST ini dan kita juga maklum akan kelemahan sistem percukaian sedia ada iaitu *sales and service tax*. Terlalu banyak kelebihan dan kebaikan yang bakal rakyat Malaysia peroleh melalui GST kelak.

Sebelum saya pergi lebih jauh mengenai GST ini, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan, sejauh manakah persediaan jentera kerajaan dalam memastikan kejayaan sistem GST ini? Adakah kerajaan telah mengenal pasti faktor kejayaan GST pada masa akan datang? Ini kerana pada pendapat saya antara faktor kejayaan GST adalah persiapan kemudahan logistik dan perjawatan agensi yang terbabit. Ianya penting agar *collection on GST data* dapat dibuat dengan lebih berkesan. Aspek *accuracy on GST data* untuk mengelak *tax division* dengan mempertingkatkan sistem audit dan kerajaan juga perlu memperluaskan dan melanjutkan tempoh mendidik pihak yang terlibat dan terus memberi insentif kepada peniaga dan profesional yang terbabit.

Saya amat berharap agar tempoh 16 bulan dari sekarang kerajaan telah sepenuhnya bersedia melaksanakan sistem percukaian baru ini. Jika tidak, ia akan mendatangkan banyak masalah dan pelbagai pihak akan mengambil kesempatan mengatakan kerajaan ini seolah-olah hendak mengenakan rakyat selepas pilihan raya. Saya rasa perlu kita mengikis tanggapan ini. Kalau tidak, ia akan menjadi satu perkara yang tidak baik kepada kerajaan yang memerintah.

Seterusnya saya ingin bertanya mengapa kadar GST ini diletakkan pada kadar 6%? Bukankah sebelum ini kerajaan menyatakan bahawa kadar GST yang akan ditetapkan kelak hanya pada kadar 4%? Saya dengan ini mencadangkan agar kerajaan membuat kajian semula kadar GST yang dikenakan pada kadar yang lebih rendah. Mungkin 3% atau 4% seperti mana negara-negara yang baru memulakan sistem percukaian ini. Menurut pakar analisis kewangan Jesse Colombo iaitu seorang *columnist* di majalah *Forbes*, beliau menyatakan nisbah hutang isi rumah berbanding GDP di Malaysia adalah 83% dan ini adalah satu rekod yang sangat membimbangkan. Dengan kehadiran GST, maka rakyat Malaysia akan mengurangkan wang mereka untuk berbelanja melebihi pendapatan mereka. Ini jelas merupakan satu petanda yang buruk di mana negara kita memiliki 41% daripada jumlah penduduk terdiri daripada mereka yang berumur 25 tahun hingga 45 tahun.

Saya juga ingin meminta kerajaan menjelaskan dengan lebih terperinci tentang pengecualian cukai GST kepada barang keperluan asas. Saya memberi contoh baju dan seluar *jeans* di pasar malam dan *shopping mall*. Dimaklumkan bahawa barang yang di pasar malam

adalah dibeli oleh orang yang kurang berkemampuan dan di *shopping mall* adalah sebaliknya dan harganya juga jauh berbeza. Adakah barang di pasar malam ini akan dikenakan GST juga? Saya juga ingin bertanya, mengapakah barang keperluan asas bayi dan makanan bayi tidak disenaraikan dalam pengecualian GST? Buah-buahan juga tidak ada.

Seterusnya kalau kita lihat kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala mengatakan bahawa dengan diperkenalkan GST itu, ia akan menjadi pendapatan bertambah RM27 bilion. Saya ingin mendapatkan gambaran yang jelas dengan pemansuhan cukai jualan dan cukai perkhidmatan, berapakah jumlah keseluruhan cukai yang akan terkumpul setiap tahun? Secara keseluruhannya saya melihat GST ini oleh kerana telah dipraktikkan di 160 buah negara, kita kena mengambil iktibar masalah yang berlaku apabila bermulanya pelaksanaan GST.

Sebagai contoh apabila bermula GST, bagaimana cukai-cukai yang telah terlebih bayar atau pun dibayar dahulu itu dapat dipulangkan dan berapa lamakah ia dapat dipulangkan kepada golongan yang memerlukan wang tersebut untuk tujuan *cash flow* atau aliran tunai? Saya rasa perkara ini perlu diperjelaskan oleh Kementerian Kewangan. Saya juga berpendapat pengurangan cukai pendapatan individu sebanyak 1% hingga 4% dan cukai pendapatan koperasi sebanyak 1% hingga 2% selepas pelaksanaan GST tidak cukup dan perlu dikaji dengan lebih teliti untuk memastikan rakyat mempunyai pendapatan boleh guna atau pun *disposable income* yang cukup untuk membayar GST.

Saya juga berhasrat membidas golongan tertentu yang memandang sinis terhadap pelaksanaan GST ini yang mana mereka menyatakan bahawa semua barang dan perkhidmatan akan naik. Bukan semua barang dan perkhidmatan naik, cukai berganda yang dikenakan dalam industri perhotelan dan F&B melalui sistem percuakan sebelum ini akan menjadi satu cukai sahaja, secara automatik harga akan berkurangan. Selain itu bagi sektor automotif pula, pada masa sekarang cukai jualan kereta adalah sebanyak 10%. Apabila dikenakan GST, cukainya hanya 6%. Sudah tentu harga kereta menjadi lebih rendah dan kita pun ada masa untuk melaksanakannya pada tahun 2015. Jadi saya rasa pihak yang tidak bertanggungjawab ini cuba untuk mensensasikan isu ini dengan terlalu mengelirukan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sekarang menuju ke arah berpendapatan tinggi dan saya percaya yang kita mampu untuk mencapai status menjelang tahun 2020. Akan tetapi penekanan terhadap kemajuan dan pendapatan tinggi sahaja tidak menjamin kejayaan negara kita untuk mencapai status negara maju. Banyak aspek yang perlu kia lihat. Oleh itu hari ini saya tertarik untuk mengulas mengenai kesan rasuah pada negara terutamanya pada negara kita yang sedang menuju ke arah negara maju ini.

## ■1200

Sebelum pergi lebih jauh, saya ingin mengulas sedikit bagaimana Kerajaan Greek boleh mengalami muflis ataupun bankrap. Negara ini mengamalkan sistem cukai seperti GST atau dikenali cukai nilai tambah pada kadar 4.5% dan 23%. Menurut seorang penulis dari Fakulti Ekonomi dari Universiti Glasgow Scotland iaitu antara universiti terkemuka dalam bidang ekonomi. Masalah yang utama yang menyebabkan Greek diisyiharkan bankrap pada tahun 2011 adalah kerana rasuah. Beliau mengatakan bahawa wang yang begitu banyak telah disalahgunakan atau

masuk ke poket yang salah. Kos pembangunan infrastruktur dilaporkan tiga empat malah enam kali lebih mahal berbanding kos sama di negara Eropah yang lain. Adakah kerana kos tinggi ini kerana Greek adalah negara yang mahal? Tidak, tetapi oleh kerana untuk mendapatkan projek besar anda perlu memberi bayaran istimewa. Itu apa yang ditulis oleh beliau dalam satu majalah terbitan universiti tersebut.

Ini dikuatkan dan disokong lagi dengan indeks persepsi *last year* 2012 keluaran *Transparency International* di mana Greek adalah negara paling kolot antara 27 negara Kesatuan Eropah. Pendapat peribadi saya dengan kewujudan GST di negara kita ia boleh membantu negara dari mengalami bankrap. Ini kerana menurut Ketua Penyelidikan, Perundingan Kluster Ekonomi dan Kewangan Majlis Profesor Negara, Profesor Dr. Shazali Abu Mansor. Apabila GST dilaksanakan pendapatan negara mungkin akan meningkat lebih kurang RM20 bilion hingga RM30 bilion. Adakah mungkin dengan jumlah ini dapat menyelamatkan negara daripada bankrap sedangkan perbelanjaan tahunan kerajaan mencecah ratusan bilion ringgit setahun. Seperti yang dapat dilihat dalam pembentangan bajet setiap tahun, saya percaya bahawa GST berfungsi memberi nilai tambah sekali gus memantapkan lagi ekonomi negara, memandangkan cukai ini diperoleh secara berterusan berbanding pendapatan kerajaan melalui hasil minyak dan kelapa sawit.

Rasuah dan pembaziran perlu dihapuskan seiring dengan pengenalan sistem cukai yang lebih cekap seperti GST membuktikan kepada ada banyak dimensi lain dalam isu ini berbanding hanya mengharapkan GST menjadi penyelamat negara. Saya kisah pihak pembangkang mahupun kerajaan menyelesaikan masalah rasuah, pemborosan, pembaziran dan ketirisan yang dianggap sebagai penyebab utama sesebuah negara bankrap. Pengurusan kewangan yang lemah juga adalah penyebab utama kemerosotan keyakinan pelabur luar yang boleh membawa kepada muflisnya sesebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli Dewan Negara dari Sabah saya memuji peruntukan RM386 juta untuk menyeragamkan harga barang di Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia melalui Program Penyeragaman Harga dan Pemberian Subsidi termasuk kos pengangkutan yang melibatkan perbelanjaan RM331 juta. Langkah ini akan meringankan beban rakyat di wilayah-wilayah timur ini. Perkhidmatan kesihatan dititik beratkan dalam Belanjawan 2014. Namun di Pantai Timur Sabah hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan nampaknya tidak diberi perhatian.

Di sini saya ingin mengingatkan bahawa hospital di Lahad Datu, Tawau dan Sandakan telah memberi sumbangan yang banyak semasa Operasi Daulat dalam bulan Februari hingga bulan April pada tahun ini. Ancaman keselamatan di Pantai Timur Sabah masih wujud mengakibatkan penubuhan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM). Justeru itu saya mencadangkan kemudahan dan kepakaran di hospital-hospital di kawasan ini dipertingkatkan keperluan, kemudahan kesihatan yang berkualiti, yang disediakan oleh kerajaan lebih mendesak di Pantai Timur. Ini memandangkan tiada hospital swasta di sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi komen sedikit berkenaan Laporan Audit Negara. Kita sering dituduh mentadbir negara dengan penuh ketirisan, pembaziran, rasuah dan sebagainya.

Mengikut Laporan Audit Negara 2012, Ketua Audit Negara mendedahkan sebanyak RM5.7 bilion atau 300 peratus daripada jumlah peruntukan belanjawan telah hilang akibat ketidakcekapan kerajaan dalam mengendalikan perbelanjaan awam. Justeru itu saya berpendapat agar kerajaan hendaklah dengan kadar segera menetapkan Unit Pelaksana dan Penyelarasaran agar lebih berkesan bagi meminimumkan kebocoran atau ketirisan yang selama ini berlaku. Sekiranya kerajaan dapat mengatasi masalah ini perbelanjaan awam akan dapat dimaksimumkan untuk kebaikan rakyat sekali gus defisit negara akan dapat dikurangkan. Sedih saya untuk menyatakan bahawa sekiranya masalah kebocoran dan ketirisan ini tetap berlaku pada masa yang akan datang. Maka segala-galanya inti pati yang terdapat di dalam bajet ini akan terjejas dan ini akan berterusan pada bajet-bajet yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cadangan serta komen yang diberikan tadi saya berharap agar cadangan-cadangan saya dapat diambil perhatian dan dipertimbangkan dengan sewajarnya. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya memberi sokongan penuh kepada Belanjawan 2014 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan. Dengan ini saya menamatkan ucapan saya, perbahasan saya. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim.

#### **12.08 tgh.**

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang dan sedikit ruang untuk membahaskan rang undang-undang pembentangan bajet pada kali ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pembentangan bajet yang dibuat baru-baru ini. Secara keseluruhannya Bajet 2014 menyaksikan kira-kira peningkatan kira-kira RM31 bilion berbanding bajet tahun lalu iaitu RM232.8 bilion dengan RM201.9 bilion untuk Perbelanjaan Mengurus dan RM49.7 bilion bagi Perbelanjaan Pembangunan. Dengan bertemakan, “*Memperteguhkan Ketahanan Ekonomi, Memperkasakan Transformasi dan Melaksanakan Janji*”, Bajet 2014 merupakan bajet pertama selepas Kerajaan Barisan Nasional sekali lagi diberi mandat dalam Pilihanraya Umum Ke-13 baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh beberapa kementerian yang saya rasa harus diberi perhatian. Pertamanya adalah Kementerian Perumahan dan Kesejahteraan Bandar.

#### **■1210**

Ada juga beberapa perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Senator yang lain tetapi saya ingin menyentuh dari aspek yang berlainan sedikit. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan kerana menjadikan perumahan ini sebagai satu asas utama keperluan rakyat. Saya rasa sejak pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional ini, kita amat mementingkan kesejahteraan rakyat kita. Akan tetapi, untuk makluman Dewan yang mulia ini, mengikut *Alliance Research* harga harta tanah tempatan agak perlahan pada kadar 7.8% pada suku kedua 2013 berbanding 12.2% suku keempat 2012.

Walau bagaimanapun, ianya masih tinggi kalau dibandingkan dalam sepuluh tahun yang lalu. Ini khususnya kalau di kawasan bandar, kita dapat lihat bahawa kenaikan harga rumah masih ketara dan begitu tinggi. Salah satu puncanya adalah mengenai spekulasi hartanah yang masih tidak dikawal dengan lebih efektif. Saya ingin menarik perhatian Dewan ini yang mana kejadian yang saya kenal pasti apabila saya berbincang dengan beberapa syarikat pemaju dan juga pembeli-pembeli, di mana sekarang kita dapat pemaju yang menjual secara blok. Maknanya bila dia buat projek perumahan itu, dia menjual kepada seorang individu secara satu blok itu. Maknanya, dia membeli secara blok dan kemudiannya individu itu menjual pula kepada tangan yang kedua pada harga yang lebih tinggi. Jadi, ini akan menyebabkan spekulasi, yang pertama.

Kedua, ada juga syarikat perumahan, apabila dia lancarkan projeknya khusus di bandar, kakitangannya membeli. Ada kalanya GM, MD dia membeli hingga satu deret rumah teres, satu blok kedai dan kemudian mereka ini menjual kepada orang di luar pada harga yang dua, tiga kali ganda. Saya mempunyai bukti-bukti yang saya dapat yang boleh dikongsi bersama kementerian. Sebagai contoh di Pulau Pinang, kita ada projek rumah kedai yang dijual pada harga RM500,000 dan dijual semula pada kadar RM2 juta.

Jadi, saya rasa kenaikan yang begitu tinggi akan menyebabkan spekulasi. Jadi, soalan saya kepada kementerian, bagaimana kementerian dapat menangani masalah *block buying*, dengan izin dan juga masalah pembelian di kalangan kakitangan ini yang saya rasa perlu diambil perhatian. Memang kita mempunyai banyak cara untuk pengawalan, tetapi sebagai contoh kakitangan mampu membeli tetapi janganlah membeli sehingga satu blok, satu deret. Jadi, saya rasa kita mempengaruhi kenaikan harga pada hartanah.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya mengalu-alukan kenaikan RPGT iaitu Kadar Cukai Hartanah bagi mengekang spekulasi dan juga pengenalan kepada beberapa inisiatif oleh kerajaan yang baru dalam Bajet 2014 termasuk Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*) yang akan membantu dalam pengurangan harga rumah. Persoalannya kalau kita lihat dari aspek RPGT ya, walaupun RPGT ditingkatkan tetapi kita masih juga gagal menyekat spekulasi secara lebih efektif. Sebagai contoh, pada tahun 2007, sekiranya ada penjualan rumah kurang dari dua tahun, 30% RPGT dikenakan dan sekiranya kurang dari empat tahun adalah 20% RPGT.

Pada tahun 2007 hingga tahun 2010, RPPGT dikecualikan kerana masa itu kita ingin menggalakkan pasaran hartanah. Tahun 2011, kurang dari lima tahun, 5% RPPGT dikenakan. Terbaru tahun 2013, sekiranya penjualan kurang dari lima tahun, 15% RPPGT yang dikenakan. Saya ingin minta pandangan dan juga cadangan kepada kementerian sama ada kementerian perlu mengkaji semula dan bercadang untuk menaikkan balik RPPGT seperti dahulu yang dikenakan di mana 30% saya rasa ia akan menjadi lebih efektif dan dapat kita mengelakkan spekulasi.

Soalan saya juga kepada kementerian sama ada adakah kaedah-kaedah lain di bawah kementerian bagi mengelak spekulasi hartanah dan juga perlu kah syarat-syarat pembelian oleh pembeli asing diperketat lagi? Ini saya lihat sebagai contoh di Kuala Lumpur, di Johor Bahru dan juga di Pulau Pinang, banyak pembelian rumah warga asing seperti *Singaporean* membeli, *Hongkies* membeli, jadi sama ada kita harus mengetatkan lagi syarat-syarat pembelian oleh warga asing.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kerajaan juga memperkenalkan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*) sebagai langkah menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana rendah. Saya rasa ini amat baik yang mana skim ini menawarkan RM30,000 seunit kepada pemaju swasta mengikut lima kriteria:

- (i) pemaju harus membina sekurang-kurangnya 20% rumah kos rendah dan 20% rumah kos sederhana dalam satu projek perumahan;
- (ii) harga jualan maksimum RM45,000 kos rendah dan RM170,000 untuk kos sederhana;
- (iii) keluasan minimum rumah kos rendah 800 kaki persegi dan kos sederhana 1,000 kaki persegi dengan kemudahan tiga bilik tidur dan dua bilik air;
- (iv) menyediakan ruang seperti tempat letak kereta, surau, taman permainan dan lain-lain; dan
- (v) tawaran juga dibuka pada pembeli rumah pertama dengan pendapatan isi rumah masing-masing tidak melebihi RM3,000 bagi kos rendah dan RM6,000 bagi kos sederhana.

Persoalan yang ingin saya soal kepada kementerian adalah sama ada kerajaan memperincikan semula kaedah pemberian RM30,000 subsidi ini di bawah skim *MyHome*. Ini kerana rakyat perlu tahu agihan subsidi itu diserahkan kepada pemaju atau pembeli. Kita juga khuatir sekiranya timbul orang tengah ataupun orang lain yang mengambil kesempatan dari pemberian subsidi berkenaan kerana kita tidak mahu kebaikan dan kelebihan yang diberi oleh kerajaan untuk golongan sasaran tidak mencapai disebabkan oleh pelaksanaan yang kurang efektif.

Seterusnya, saya juga ingin mengesyorkan kepada kementerian sama ada RM30,000 ini bolehkah ditawarkan kepada pemilik-pemilik tanah persendirian atau kepada tanah-tanah wakaf yang boleh dimajukan khususnya di kawasan bandar. Kalau kita lihat di kawasan-kawasan bandar, kita mempunyai banyak tanah-tanah wakaf yang boleh kita bangunkan sama ada adakah subsidi ini boleh juga diberi kepada pemilik-pemilik tanah wakaf yang ingin membangunkan projek-projek kos rendah dan sederhana rendah dan juga kepada individu yang mempunyai tanah yang dia ingin membangunkan enam buah, lapan buah yang boleh membantu kepada golongan yang kurang berkemampuan sama ada mereka ini boleh dipertimbangkan untuk diberi subsidi.

Tuan Yang di-Pertua, masih lagi dalam perumahan. Pada Bajet 2014, kerajaan menubuahkan Majlis Perumahan Negara. Saya difahamkan ia ditubuhkan dengan strategi dan pelan tindakan bagi memastikan nilai harga dan penyediaan rumah dilaksanakan dengan lebih cepat dan cekap. Jadi saya ingin bertanya, apakah di bawah Majlis Perumahan Negara itu akan bertanggungjawab memantau pasaran harta tanah? Saya pun juga ingin tahu siapa yang menganggotai majlis tersebut. Adakah keanggotaannya membabitkan agensi persekutuan dan negeri, Jabatan Perumahan Negara, PR1MA atau Suruhanjaya Perumahan Negara Berhad (SPNB)?

Untuk makluman Dewan Negara, laporan yang dikeluarkan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara menunjukkan 4.67 juta unit rumah dibina sehingga Jun 2013 lalu termasuk rumah teres,

teres dua tingkat, rumah berkembar dan lain-lain. Jadi, ini menunjukkan bahawa masa depan hartanah negara kita terutamanya di kawasan bandar adalah umpama nilai emas. Jadi, harganya sentiasa naik walaupun ekonomi berkembang secara perlahan. Jadi, saya mohon kerajaan menjelaskan lebih lanjut supaya tidak nanti rakyat memandang serong mengenai peranan Majlis Perumahan Negara yang akan dilihat seperti tidak berfungsi.

Kementerian yang kedua yang ingin saya sentuh adalah Kementerian Alam Sekitar. Untuk makluman Dewan yang mulia, baru-baru ini di Pulau Pinang dikejutkan dengan satu laporan *World Applied Science Journal* yang berpangkalan di US yang menerbitkan hasil kajian mengenai toksik yang dikenal pasti di perairan Juru dan di Prai. Tahap toksik yang tinggi ini boleh menyebabkan penyakit seperti barah, kelemahan IQ dan kelahiran bayi pramatang.

Jadi, kemudiannya malangnya sebenarnya kajian ini dibuat oleh Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Pertanian Malaysia pada tahun 2012. Namun, ia tidak diambil perhatian oleh kerajaan negeri dan juga jabatan yang berkenaan. Oleh yang demikian, benda ini di biar begitu sahaja sehingga apabila keluar kajian daripada US, barulah kerajaan negeri kelam kabut dengan masalah ini yang mana ikan-ikan di laut Pulau Pinang sudah tidak selamat untuk dimakan katanya. Jadi, apabila akhbar mula mempersoalkan benda ini, barulah Jabatan Alam Sekitar dan juga kerajaan negeri mengeluarkan arahan agar kawasan laut ini tidak boleh dibenarkan orang berenang atau mandi.

Akan tetapi sehingga ke hari ini, kita masih lihat lagi orang masih mandi di laut di Pulau Pinang *especially*, dengan izin, di kawasan-kawasan Sungai Juru dan juga di Prai.

## ■1220

Jadi saya ingin bertanya kepada Kementerian Alam Sekitar, apakah status tindakan terhadap masalah ini dan kenapa penguatkuasaan yang begitu lemah hingga menyebabkan perkara ini tidak diambil perhatian. Jadi saya rasa ini amat membahayakan, jadi kita harus melihat dengan lebih serius kerana pencemaran hidrokarbon petroleum di perairan Pulau Pinang adalah amat kronik. Akan tetapi kita juga sering mendengar bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang heboh mengatakan *Penang cleaner, greener and safety*. Akan tetapi sebenarnya di sebaliknya. Jadi saya rasa perkara ini saya mintalah kementerian ambil perhatian dengan serius sekiranya ia tidak dapat ditangani oleh peringkat negeri, maka kementerian harus mengambil tindakan yang sewajarnya.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Saya ingin penjelasan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah. Ya, silakan.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Senator, adakah Yang Berhormat Senator sedar bahawa pencemaran Sungai Juru ini berlaku lebih daripada 20 tahun berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh Sahabat Alam Malaysia dan juga *Consumer Association of Penang*? Adakah Yang Berhormat Senator sedar tentang hal ini?

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Sebenarnya kalau kita cakap mengenai pencemaran, boleh katakan setiap kawasan perairan mempunyai pencemaran. Akan tetapi sejak tahun 2012, pencemaran ini menjadi begitu kronik dan membahayakan. Jadi daripada 2012 sehingga ke saat ini tiada tindakan yang diambil. Mungkin sebelum ini memang mempunyai pencemaran, tetapi bukan

di tahap yang merbahaya. Sehingga 2012 baru, kajian mengeluarkan bahawa ia di tahap yang amat membahayakan dan boleh memberi kesan kepada rakyat khusus di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit mengenai taska, dan saya amat berterima kasih kepada kerajaan kerana memberi bantuan dan subsidi kepada yuran taska. Yang ini saya rasa adalah amat baik sebab sebagaimana kita amat mengetahui khususnya kepada kaum wanita dan juga ibu di sini, kita mempunyai ramai graduan dan juga wanita-wanita yang berkelayakan dan mempunyai pengalaman dan kebolehan yang amat baik tetapi tidak dapat menyumbang kepada pembangunan kerajaan disebabkan kekangan tugas sebagai seorang ibu.

Jadi dengan kaedah kerajaan memberi bantuan kepada wanita dan juga keluarga ini, maka wanita akan lebih dapat berkhidmat dengan lebih efisien. Cuma saya melihat pada statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan setakat ini ada hanya 90 buah taska tempat kerja yang disediakan oleh agensi kerajaan berbanding 400 agensi kerajaan di seluruh negara. Jadi jumlah ini dianggap masih kecil, jadi saya rasa ia harus dipertingkatkan lagi dan saya mencadangkan satu kerjasama atau jaringan strategik perlu diadakan bagi menambah bilangan taska.

Mungkin agensi kerajaan termasuk di Parlimen Malaysia ini sendiri boleh *link*, dengan izin, dengan PERMATA Negara. Saya percaya PERMATA Negara mempunyai pelan tindakan yang dibentuk berdasarkan beberapa teras termasuk pendidikan dan latihan kesihatan, ekonomi, sukan dan kebajikan dalam usaha memperkuuh tadbir urus dan mempertingkatkan rangkaian strategi.

Kita juga sering mendengar sejak akhir-akhir ini, masalah penderaan kanak-kanak di taska-taska. Ini juga semakin lama semakin banyak, dan saya rasa kita harus memikirkan inisiatif bagaimana kita dapat meminimumkan masalah penderaan di taska-taska. Jadi saya ingin bertanya kepada kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk menetapkan atau memberi subsidi atau mensyaratkan agar taska-taska ini perlu diletak CCTV? Supaya kita dapat mengawal selia dan melihat aktiviti-aktiviti yang berjalan dalam taska itu supaya kita dapat memastikan kes-kes penderaan ini dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal mengangkat peniaga dan usahawan wanita dalam memartabatkan ekonomi wanita. Jadi di sini saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan Majlis Tindakan Ekonomi Wanita, Konsortium Kontraktor Wanita dan Bank Wanita bagi memperkasakan kuasa wanita dalam pembangunan ekonomi negara. Saya rasa tidak sah kalau wanita tidak memperjuangkan untuk wanita. Jadi saya rasa kalau kita mempunyai NTEW ini Konsortium Kontraktor dan Bank Wanita, ia bukan sahaja akan membantu usaha mencapai status negara maju tetapi membawa penyelesaian lain seperti terhadap masalah ibu tunggal yang menjadi kumpulan miskin tegar.

Oleh sebab sebagaimana yang kita lihat, pada masa ini kita mempunyai ramai sebenarnya korporat-korporat wanita, usahawan wanita, kontraktor wanita yang berkelayakan dan berkemampuan tetapi apabila mereka masuk untuk mendapatkan tender projek-projek sama ada kerajaan atau swasta wanita sering ada kalanya diketepikan. Jadi saya rasa sekiranya kita boleh mewujudkan konsortium, maknanya akan ada satu pengawal selia, *monitoring* dengan izin, untuk memastikan bahawa wanita juga mendapat kesaksamaan dari segi projek atau segala bentuk *business* yang digalakkan, yang diberi oleh kerajaan. Jadi saya berharap NTEW sekiranya ada

boleh bertindak sebagai badan penyelaras dan mengkaji keperluan wanita mengikut kategori dan keupayaan.

Usaha ini harus lebih menyeluruh bagi menangani pelbagai pembangunan usahawan sama ada latihan, bantuan, pemantauan dan pembangunan berterusan usahawan terbabit secara teratur dan berstruktur. Malahan NTEW perlu mewujudkan pangkalan data pengurusan hubungan pelanggan supaya pemantauan dapat dilakukan terhadap pembangunan usahawan wanita di samping juga mesti mewujudkan satu sistem komunikasi yang efektif yang boleh menyampaikan maklumat ke akar umbi dan memastikan bilangan membuat keputusan kita meningkat.

Jadi saya rasa itulah beberapa cadangan yang ingin saya utarakan kepada kementerian dan saya mengalu-alukan jawapan daripada pihak kerajaan. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan.

#### **12.26 tgh.**

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan bajet tahun 2014. Seperti yang dinasihatkan Tuan Yang di-Pertua semalam pagi, saya akan pergi terus kepada isu-isu yang saya ingin menyentuh. Mungkin dua atau tiga isu yang saya akan menyentuh di dalam perbahasan saya ini.

Pertama, isu keperluan untuk kerajaan lebih bertanggungjawab dalam menyediakan bajet dari segi keseimbangan di antara perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan, seperti pernah dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali semalam. Dari segi keseimbangan kalau kita tengok pada bajet tahun 2014 ini, dia berat sebelah kepada perbelanjaan mengurus. Lebih kurang 82% kepada perbelanjaan mengurus manakala hanya hampir 17% sahaja untuk perbelanjaan pembangunan.

Amalan seperti mana yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali semalam. Kalau kita tengok biasanya, negara-negara yang membangun nisbah yang biasanya digunakan ialah sebanyak 60% dan 40%. 60% kepada pengurusan dan 40% kepada pembangunan. Di sini kita tengok dia lain sikit, dan kalau kita tengok trend ini baru kebelakangan ini sahaja kita nampak trend sedemikian. Jadi apa yang saya hendak menyeru kerajaan ialah supaya kita lebih bertanggungjawab. Kena ambil sikap lebih positif, kalau kita meneruskan trend ini, saya rasa kesannya yang akan ada kepada masa depan negara ialah kesan negatif untuk generasi-generasi yang akan datang.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh celah sikit?

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Ya.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Tentang belanjawan pengurusan, jadi di perundangan negeri Selangor, kenaikan *allowances* itu memanglah belanjawan pengurusan atau kita cakap begini, di negeri Selangor, infrastruktur sudah cukup sudah tetapi saya dapati air bersih tidak mencukupi. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Senator tentang ini?

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Sebenarnya saya ada dua pilihan tadi itu, atau dua keputusan yang perlu saya buat. Satu, sama ada saya hendak membenarkan rakan-rakan untuk mencelah.

■ 1230

Lagi satu sama ada saya hendak menjawab soalan itu. Keputusan pertama, okey, mencelah. Soalan macam ini saya tidak mahu jawab pasal ia tidak berkaitan secara *direct* dengan apa yang saya timbulkan dalam tajuk saya.

Tuan Yang di-Pertua, tadi isu yang pertama berkenaan dengan masa depan. Isu masa depan keseimbangan bajet, saya tidak hendak menyentuh banyak pasal benda ini pernah di cakap oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin.

Isu yang kedua yang saya hendak cakap ialah berkenaan dengan- kalau tadi masa depan, ini masa lalu kita. Berkenaan dengan pemusnahan Tapak Warisan di Lembah Bujang di Sungai Batu baru-baru ini, sebulan setengah. Isu Lembah Bujang ini saya rasa semua orang tahu daripada segi nilainya, kepentingan sejarah, warisan dan sebagainya, kita semua tahu. Lebih dari 2,000 tahun sejarahnya dan sebagainya. Ini saya tidak hendak sentuh pasal *history* Lembah Bujang. Apa yang saya hendak sentuh ialah pasal kemusnahan ataupun pemusnahan Candi 11 di Sungai Batu. Isunya ialah sama ada pemusnahan ini dilakukan secara *accidental* atau dengan sengaja.

Pada saya, saya harap benda ini berlaku secara *accidental* tetapi di luar sana macam-macam tuduhan sedang berlaku. Pada saya, saya tidak buat apa-apa tuduhan berkenaan dengan pemusnahan tetapi saya cuma rasa kita kena bersikap lebih positif daripada segi tapak-tapak warisan. Kalau kita tengok kejadian ini, sampai sekarang kita pun tidak berapa jelas macam mana boleh berlaku pemusnahan. Sekarang kita tengok pihak-pihak berkenaan sama ada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, badan-badan warisan semuanya macam main Tai Chi, semuanya tolak.

Semuanya cakap kita pun tidak tahu macam mana benda ini boleh berlaku. Antaranya ada orang yang cakap kita pun tidak tahu benda ini macam *developer* juga, dia cakap kita tidak tahu tapak ini satu tapak yang bersejarah. Alasan-alasan macam ini pada saya kita tidak boleh terima alasan-alasan macam ini. Ini kerana kalau kita tengok Candi 11 ini, Candi 11 ini sebenarnya was *reselected* oleh Jabatan Muzium pada- dia *re-stop* pada tahun 1974.

Pada saya semua orang tahu, semua orang tahu tapak ini Tapak Warisan. Saya tidak pandang ini dari sudut agamakah, keagamaan Hindu dengan sengaja hendak apa ini- bukan isu itu. Saya hanya hendak sentuh dari sudut warisan sahaja. Kenapa kita boleh *just* mengabaikan sahaja isu-isu macam ini berlaku? Saya mengalu-alukan jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Kedah. Begitu juga dengan Kerajaan Persekutuan melalui Menteri Pelancongan yang mana dia cakap *corrective action* akan diambil dan dia akan ambil langkah-langkah untuk gazet tempat itu sebagai Tapak Warisan dan sebagainya. Akan tetapi isu yang saya hendak bangkitkan di sini ialah *effectiveness* of jaminan sedemikian. Ini kerana sebelum ini pun, langkah-langkah pernah diambil untuk menggazet tempat itu, kalau bukan keseluruhan tempat itu, ada satu, dua tempat itu yang digazet sebagai tapak bersejarah termasuk Candi 11 ini. Akan tetapi apa yang kita nampak, kita tengok candi itu telah dimusnahkan.

Sekarang kalau kita dengar janji-janji yang dibuat, tetapi kalau janji-janji itu kita tidak tunaikan, mana-mana pihak sama ada kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan dan ia akan jadi janji kosong. Ini kerana di Dewan Rakyat kalau tidak salah, pada tahun 2011, Timbalan Menteri Pelancongan, *I think* pada masa itu ialah Yang Berhormat Datuk Maglin Dennis D'Cruz, pernah memberi satu jaminan bahawa Kerajaan Persekutuan akan membeli kawasan berhampiran atau kawasan keseluruhan Lembah Bujang itu supaya, hendak menghalang pemaju daripada *develop* kawasan itu. Akan tetapi apa yang kita nampak selepas dua tahun, selepas tiga tahun, benda ini masih berlaku. Pada saya, saya rasa kerajaan perlu melakukan satu siasatan untuk mendapat tahu macam mana benda macam ini boleh berlaku walaupun tempat itu telah digazet dan walaupun ada jaminan. Kita perlu lakukan satu siasatan untuk dapat tahu.

Ini kerana kalau- *I still remember*, dengan izin, saya pernah baca satu artikel, satu *statement* yang pernah dibuat oleh Abdul Kalam, residen India yang mana bercakap, “*The world suffers a lot not because of the violence of people. The world suffers a lot because of the silence of the good people. Not because of the violence of bad people*”.

Jadi, pada saya, kita kena siasat benda ini. *If we do not* pergi dan siasat, kita tidak boleh menghalang benda-benda macam ini berlaku. Kalau kita tengok tapak Lembah Bujang, daripada segi *historical significantnya*, antaranya *oldest man made structure* dalam *South East Asia*, dengan izin, daripada segi *historical significantnya*, sama nilainya dengan Borobudur atau dengan Angkor Wat, kita boleh kalau kita ambil langkah-langkah yang serius, kita boleh mempromosikan tempat ini sebagai satu *tourist attraction*.

Kalau kita dapat buat itu, ia selaras dengan apa yang disebutkan dalam bajet kita, salah satu teras atau teras pertama kalau tidak salah dalam bajet ialah kita hendak merancak aktiviti ekonomi melalui mempromosikan *tourism*. Kalau kita *develop* kawasan-kawasan berwarisan macam ini, mungkin ia akan membantu kita mencapai matlamat-matlamat yang terkandung dalam bajet. Ini berkenaan dengan isu Lembah Bujang. Jadi saya harap kita boleh dapat satu jawapan daripada Menteri nanti masa dia menjawab isu ini sama ada bukan sahaja niat, tetapi langkah-langkah kerajaan untuk mempromosikan Lembah Bujang sebagai satu Tapak Warisan.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketiga yang saya ingin sentuh ialah kenaikan kadar *electricity*, cadangan menaikkan kadar *electricity* pada bulan Januari sebanyak hampir 15% di Semenanjung Malaysia dan 17% di Sabah dengan Labuan. Kalau kita tengok kenaikan ini, ini kenaikan yang kedua dalam tempoh tiga tahun. Sebelum ini pada tahun 2012, tahun 2011 ada satu kenaikan sebanyak 7.11% kalau tidak salah. Jadi, dalam tempoh dua tahun ini kita ada satu kenaikan yang agak tinggi sebanyak 22%, 23% dalam tempoh tiga tahun. Ini belum campur lagi GST pada tahun 2015.

Kita telah mendengar banyak alasan atau banyak sebab kenapa kenaikan ini berlaku seperti program merasionalisasikan subsidi dan sebagainya. Akan tetapi pada saya, kalau kita tengok daripada segi kadar, bukan daripada segi kenaikan itu, ia bukan- kadar itu lebih tinggi daripada jumlah yang *you* perlu untuk menampung kenaikan subsidi. Seolah-olah kadar ini dibuat untuk menjamin keuntungan kepada Tenaga Nasional Berhad. Saya pernah baca dalam satu *Economic Report*. Kalau kadar *electricity* meningkat sebanyak 1%, ia akan bawa pulangan

sebanyak tujuh sen daripada segi *earning per share*. Kalau sekarang kita tengok, TNB ia punya keuntungan sudah berbilion-bilion ringgit dan masih ia menaikkan kadarnya. *Last year* ia punya dividen sudah *15 cent per share*. Jadi, seolah-olah kenaikan ini dibenarkan bukan hanya untuk menampung *withdrawal of subsidy* daripada segi gas dan sebagainya tetapi untuk menjamin keuntungan Tenaga Nasional Berhad.

Saya akui bahawa kos TNB telah meningkat. Akan tetapi salah satu sebab mengapa kos TNB meningkat ialah kontrak yang TNB ada dengan penjana kuasa bebas, *independent power producers* yang mana TNB *contractually bound* untuk beli tenaga daripada IPP.

#### ■1240

Ini meningkatkan kosnya, sedangkan saya tidak pasti apa kadar simpanan tetapi pada satu masa, dari segi *reserve* TNB adalah sebanyak 38%. *So you* ada satu *reserve* yang tinggi dan untuk menjana *reserve* yang tinggi, *you* pakai satu kos yang tinggi tetapi *you* tidak menggunakan *reserve* yang *you* ada dan *you* pergi beli kuasa dari IPP. Oleh kerana *contractually bound*. So dengan ini dalam isu kontrak ini pada saya, saya rasa kerajaan lebih bertanggungjawab dari isu kontrak-kontrak dengan IPP ini semua, *I* rasa kerajaan kena kaji semula kontrak ini. Ini kerana implikasinya bukan sahaja dari pengguna biasa tetapi implikasi dia juga kepada ekonomi Malaysia dari segi impak dia atas daya saing negara.

Contoh semalam kalau *I* baca dalam surat khabar, kenaikan kadar ini akan *directly affect* dalam kita punya produklah iaitu dari segi produk yang kita hendak eksport. So kalau harga dia meningkat kerana kos dia meningkat dan maka kita akan hilang daya pesaing kita dan ini akan membawa satu kesan yang lebih *permanent* kepada ekonomi kita. So dalam segi ini, saya memohon kepada kerajaan supaya mengkaji semula cadangan untuk menaikkan kadar tarif dan kalau betul-betul perlu kenakan satu kenaikan, kenaikan satu kenaikan yang lebih munasabah yang satu kenaikan yang boleh diterima oleh rakyat. Tiga *point* sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya teruskan kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan nama untuk berbahas pada hari ini iaitu ada berjumlah 14 orang semuanya. Saya hendak maklumkan kalau sekiranya hendak berucap lagi sila kemukakan untuk senang – kalau ramai kita boleh tambah masa hingga ke malam pun tidak ada masalah. Ini kita hendak beri peluang. Kalau tidak ada, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan. Ini orang baru, kita hendak dengar *maiden speech* dia. Persilakan Yang Berhormat.

#### 12.43 tgh.

**Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat tengah hari, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan inilah kali pertama saya menyertai persidangan di Dewan yang mulia ini, saya memohon diberi masa yang cukup untuk menyampaikan ucapan ulung saya. Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak kerana melantik

saya sebagai senator. Pelantikan saya ini sebagai seorang wanita, sebagai seorang OKU dan dari kaum minoriti untuk mewakili seluruh rakyat Malaysia adalah satu manifestasi prinsip *inclusive* yang diperjuangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam usaha membentuk suatu negara bersifat 1Malaysia.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana mencalonkan saya sebagai senator. Saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada keluarga saya yang telah memberi saya sokongan dan dorongan sepanjang 38 tahun saya menjadi seorang OKU. Tanpa pengorbanan dan kasih sayang mereka, tidak mungkin saya mencapai ke tahap yang saya berada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tanggungjawab atas bahu saya ini amat berat. Namun demikian, saya sanggup menjalankan tugas dengan penuh dedikasi untuk menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan kepada saya. Walaupun saya dilantik mewakili seluruh rakyat Malaysia, saya akan lebih menumpukan perhatian kepada golongan orang kurang upaya di Malaysia.

Golongan OKU ini terdiri dari mereka yang mengalami kecacatan fizikal, pendengaran, penglihatan, masalah pelajaran, pertuturan, mental dan juga yang mengalami pelbagai kecacatan. Misi dan visi saya dalam tempoh sebagai Ahli Dewan Negara ialah untuk berusaha sedaya upaya untuk mengarusperdanakan keperluan golongan OKU dalam rancangan pembangunan negara demi mempertingkatkan lagi tahap kualiti hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut *World Report on Disability 2011* yang diterbitkan oleh *World Health Organization* dan juga *United Nations*, dilaporkan bahawa 15% dari jumlah penduduk sesebuah negara adalah terdiri daripada orang kurang upaya. Peratusan ini amat signifikan dan harus diberi perhatian oleh mana-mana kerajaan di dunia. Di negara Malaysia yang mengamalkan sistem *first past the post*, dengan izin, dalam pilihan raya umum, ada kemungkinan yang golongan OKU ini boleh menjadi penentu kerajaan dalam PRU Ke-14 nanti. Walaupun pada masa ini tidak nampak kesamaan rata dalam beberapa aspek seperti kemudahan, peluang-peluang dan juga hak-hak antara OKU dan bukan OKU, tetapi dalam pilihan raya, nilai undi seorang OKU adalah sama nilainya dengan orang yang bukan OKU. Jadi mereka mempunyai kuasa untuk menentukan kerajaan dalam pilihan raya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kami akur bahawa pihak kerajaan prihatin terhadap golongan OKU dan telah pun mengadakan beberapa kemudahan untuk meningkatkan kualiti hidup mereka, namun demikian masih banyak lagi perkara perlu dilakukan oleh pihak kerajaan dan sektor swasta untuk mewujudkan satu masyarakat yang *inclusive* di mana OKU boleh memainkan peranan bukan sahaja sebagai penerima atau pelanggan sahaja tetapi juga sebagai penyumbang dan pembina dalam pembangunan negara.

Parlimen telah menggubal Akta OKU pada tahun 2008. Dengan adanya akta ini, bagi kali pertamanya OKU di Malaysia diberi pengiktirafan bahawa mereka juga ada hak yang sama seperti orang lain. Akta ini mengiktiraf kepentingan kerjasama antara kerajaan dengan sektor swasta dan juga pertubuhan bukan kerajaan dalam memastikan penyertaan dan penglibatan penuh dan

berkesan OKU dalam masyarakat. Akan tetapi berapa ramaikah antara 29 juta orang penduduk di Malaysia, mengenal ataupun tahu tentang akta ini?

Tuan Yang di-Pertua, jumlah penduduk Malaysia sudah pun mencecah 29 juta orang. Golongan OKU walaupun dianggap minoriti tetapi mereka adalah signifikan minoriti. Mereka juga mempunyai hak sebagai rakyat Malaysia dan keperluan mereka harus diambil kira dalam rancangan pembangunan negara dan tidak lama lagi kerajaan akan mula menggubal Rancangan Malaysia Kesebelas. Memandangkan keperluan OKU bukan sahaja terhad kepada isu-isu kebaikan semata-mata, saya menyeru supaya selain dari memberi peruntukan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kerajaan harus juga membuat pengagihan peruntukan yang sewajarnya di bawah sektor-sektor lain seperti pendidikan, pengangkutan, perumahan, kesihatan sumber manusia, sukan dan rekreasi dan sebagainya untuk rancangan pembangunan OKU dalam sektor-sektor tersebut.

#### ■ 1250

Tuan Yang di-Pertua, kos sara hidup sudah jadi topik hangat dibincangkan pada masa ini. Dalam perhimpunan UMNO baru-baru ini ketua pemuda UMNO Tuan Khairy Jamaluddin telah mengenal pastikan bahawa kos sara hidup adalah isu yang paling penting bagi golongan pemuda di negara ini. Dalam hal ini juga saya ingin menyatakan juga bahawa kos sara hidup bagi seorang OKU adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan orang bukan OKU.

Bagi keperluan-keperluan asas seperti makan minum dan juga tempat tinggal yang sesuai bagi OKU adalah tinggi dan misalnya keperluan untuk menjaga kanak-kanak OKU. Pembayaran-pembayaran untuk menggaji pembantu OKU bagi kanak-kanak dan juga untuk orang dewasa, peralatan-peralatan yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari orang kurang upaya, perbelanjaan perubatan khusus, tambang teksi untuk ulang-alik ke hospital dan untuk rehabilitasi atau pun untuk urusan-urusan sehari-hari. Kos untuk mengubah suai kenderaan semuanya memerlukan wang tambahan.

Tambahan pula GST yang akan diperkenalkan tahun depan juga ada implikasi ke atas kehidupan dan perbelanjaan bagi OKU. Kenaikan tarif elektrik juga akan melibatkan kos yang lebih banyak kepada keluarga atau pun kepada OKU sendiri. Ada antara OKU yang menggunakan peralatan yang memerlukan kegunaan elektrik dan diminta supaya mungkin OKU yang menggunakan alat-alat ini, yang menggunakan elektrik dikecualikan kenaikan tarif ini dan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Bagi OKU yang bekerja, elauan pekerja cacat EPC yang sekarangnya di bayar RM300 amat tidak mencukupi memandangkan kos minyak petrol dan tol yang makin meningkat. Bantuan am sebanyak RM150 yang diberi kepada OKU yang tidak bekerja dan juga bagi kanak-kanak OKU yang bersekolah memang tidak cukup. Pembayaran EPC harus ditambahkan kepada RM600. Manakala bantuan am harus ditambahkan kepada RM300.

Dalam Bajet 2014, sejumlah RM441 juta diagihkan bagi pembangunan dan kebaikan OKU di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Di minta dana tambahan di agihkan pada KPWKM untuk membayar bantuan EPC dan bantuan am tambahan yang lebih seperti yang saya cadangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 1990 yang memerlukan penyediaan kemudahan bagi golongan OKU di bangunan-bangunan baru dan juga lama telah diluluskan oleh Parlimen. Ianya telah pun diwartakan di semua negeri di seluruh Malaysia. Akan tetapi walaupun sudah 23 tahun sudah berlalu namun terdapat kebanyakan bangunan-bangunan baru dan lama masih tidak mematuhi undang-undang seragam ini. Penguatkuasaan undang-undang kecil ini tidak efektif oleh kerana tiada suatu badan untuk memantau penguatkuasaannya. Urusan penguatkuasaan adalah tanggungjawab PBT-PBT yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Jadi kementerian KPPT tidak dapat menjalankan tugas memantau pelaksanaan dan penguatkuasaan Undang-undang Kecil Seragam ini. Jadi suatu mekanisme harus dikenal pasti dan diwujudkan supaya setiap negeri dan setiap dari 149 PBT di seluruh negara mematuhi undang-undang seragam bangunan ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kemudahan pengangkutan awam merupakan suatu penghalang besar bagi OKU. Walaupun terdapat usaha kerajaan dalam menyediakan bas Rapid dan juga LRT yang mesra OKU, namun ramai OKU yang menggunakan kerusi roda dan alat bantuan untuk pergerakan dan juga yang cacat penglihatan iaitu OKU penglihatan masih mengalami pelbagai halangan di persekitaran apabila hendak bergerak dari rumah ke tempat-tempat perhentian bas dan perhentian LRT.

Aspek *last mile* dalam menyediakan pengangkutan yang *barrier free* harus diberi perhatian. *Last mile* itu ialah dari rumah ke tempat perhentian. Ini adalah masalah besar yang dihadapi OKU. Bagi OKU pendengaran, masalah utama ialah masalah komunikasi. Dalam aspek pengangkutan mereka tidak dapat mendengar pengumuman lisan yang diberi dalam LRT atau pun dalam bas mengenai pertukaran jadual atau pun pengumuman untuk menurunkan penumpang.

Perkhidmatan teksi juga tidak munasabah oleh kerana ada pemandu yang masih enggan membawa penumpang yang berkerusi roda. Ada juga kes di mana teksi bermeter menipu penumpang yang cacat penglihatan oleh kerana mereka tidak nampak meter dan tambang teksi. Kita boleh mengadakan beberapa undang-undang tetapi undang-undang untuk menukar minda orang ramai tidak dapat dibuat, dengan izin, *we cannot legislate to change the attitude of people*.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2014 diisyiharkan tahun melawat Malaysia. Adalah disyorkan supaya sebahagian dari jumlah RM2 bilion yang diperuntukkan di bawah perkara 50 Bajet 2014 untuk tabung khas infrastruktur pelancongan dapat digunakan untuk membuat pengubahsuaian berciri mesra OKU di hotel, tempat-tempat peranginan, taman tema dan tempat-tempat tumpuan pelancong yang lain supaya golongan OKU juga boleh menikmatinya bersama.

Dalam bidang pendidikan pula disyorkan supaya unit pelajar OKU di wujudkan di setiap institusi pengajian tinggi awam dan juga swasta. Juga sekurang-kurangnya satu di setiap daerah negeri untuk sekolah, untuk mengendalikan kemudahan dan perkhidmatan bagi pelajar OKU. Di minta digubal dasar di peringkat Kementerian Pendidikan untuk tujuan ini. Tuan Yang di-Pertua, ramai keluarga yang mempunyai anak OKU atau warga emas dan juga OKU yang hidup berseorangan amat memerlukan bantuan pembantu iaitu *carer*, dengan izin.

Saya mengesyorkan supaya Jabatan Perkhidmatan Awam mewujudkan satu jawatan baru di bawah gelaran pembantu atau pun *carer* untuk menjaga ahli keluarga warga tua dan OKU supaya rakyat Malaysia sendiri boleh memohon dan memenuhi jawatan ini. Sebaliknya dapat mengelakkan pengaliran luar wang dari Malaysia yang kini seperti mana yang kita gunakan untuk menggaji tenaga asing untuk memenuhi jawatan pembantu ini.

Tuan Yang di-Pertua OKU penglihatan sering menghadapi masalah apabila hendak menggunakan kemudahan pelbagai...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kerana masa sudah tepat jam 1 tengah hari, Yang Berhormat boleh sambung nanti jam 2.30 petang ya. Sekarang saya tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang ini.

**Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah saya minta Yang Berhormat Puan Bathmavathi sambung kembali Yang Berhormat.

## 2.32 ptg.

**Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. OKU penglihatan sering menghadapi masalah apabila hendak menggunakan kemudahan perbankan. Pihak Bank Negara harus mengkaji semula dasar bagi bank-bank tempatan yang kini menghalang warga OKU penglihatan membuka akaun dan menggunakan kemudahan lain perbankan seperti memohon kad ATM. Bank antarabangsa seperti Standard Chartered dan HSBC yang beroperasi di Malaysia tidak mengenakan sebarang halangan.

Pelajar OKU penglihatan di sekolah rendah, menengah dan IPT kini menghadapi masalah kekurangan buku teks dalam bentuk Braille untuk bertahun-tahun lamanya. Kementerian Pendidikan harus menubuhkan unit pengeluaran bahan Braille dengan segera demi mengatasi masalah ini. Selagi masalah ini tidak diselesaikan objektif menaikkan taraf pendidikan sekolah khas di bawah *Malaysian Education Blueprint 2013* hingga 2025 itu tidak akan tercapai. Mesin Braille yang juga dipanggil Brailler adalah alat yang paling berguna kepada OKU penglihatan terutama sekali pelajar. Terdapat beratusan mesin Braille Perkins yang rosak dan diabaikan begitu sahaja oleh kerana tiada tenaga mahir untuk memperbaikinya. Disyorkan supaya ditubuhkan satu unit memperbaiki mesin Braille ini untuk menangani masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, OKU pendengaran juga menghadapi masalah dan masalah mereka adalah masalah komunikasi apabila berurus dengan orang yang tidak memahami bahasa isyarat. Lebih ramai lagi jurubahasa perlu dilatih dan ditempatkan di kaunter-kaunter perkhidmatan pelanggan, di pusat-pusat perkhidmatan kerajaan termasuk UTC atau *urban transformation centre*

dan juga di RTC atau *rural transformation centre* dan juga di bank, di pejabat pos, di klinik-klinik kesihatan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang sukan bagi OKU ramai atlet negara telah mengharumkan nama Malaysia di persada dunia dengan memenangi pingat emas, perak dan gangsa dalam pelbagai sukan antarabangsa. Dalam Bajet 2014, Kementerian Belia dan Sukan harus mengagihkan peruntukan khas bagi membangunkan sukan OKU serta rancangan jangka panjang untuk mencungkil bakat baru di peringkat akar umbi untuk dijadikan pelapis bagi menggantikan atlet OKU elit yang lanjut usia.

Tuan Yang di-Pertua, wanita kurang upaya terutama sekali mereka yang menghadapi dengan izin *intellectual disability* mudah menjadi mangsa gangguan seksual dan jenayah seksual. Kebanyakan kejadian seperti ini tidak dilaporkan oleh keluarga atau pengurus pusat-pusat jagaan di mana ia berlaku. Hanya satu atau dua dari kes-kes ini sampai ke mahkamah untuk dibicarakan. Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengambil berat perkara ini dan mengambil langkah yang sewajarnya untuk melindungi golongan wanita OKU ini yang langsung tidak dapat mempertahankan diri mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2010 Malaysia telah meratifikasi *UN Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD)*. CRPD adalah satu perjanjian antarabangsa yang mengenal pasti hak OKU dan juga tanggungjawab negara-negara yang menandatanganinya untuk menggalak, melindung dan menyediakan hak-hak tersebut. Akan tetapi Malaysia masih belum lagi menandatangi dan meratifikasi *optional protocol* yang merupakan mekanisme pemantauan yang membenarkan petisyen terhadap perlanggaran hak OKU atau *enquiry* terhadap ketidakpatuhan konvensyen CRPD tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, adalah disyorkan supaya kerajaan menandatangani *optional protocol* ini untuk memastikan CRPD dapat dilaksanakan secara efektif di negara ini dan dari semasa ke semasa kerajaan-kerajaan di bawah United Nations akan berjumpa untuk memberi *review* dalam Universal Periodic Review (UPR). Di sini akan dianggarkan sejauh mana sesebuah negeri melaksanakan ataupun melindungi hak asasi manusia di negara masing-masing. Jadi dengan menandatangani *optional protocol* ini untuk CRPD negara kita akan diletakkan di tempat yang lebih tinggi di dalam UPR yang akan dilaksanakan kemudian.

Sekian sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Syed Shahir. Silakan Yang Berhormat.

## 2.38 ptg.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama membahas Belanjawan 2014 seperti mana yang di bentang oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semalam. Saya ingin mengambil pendekatan makro pada mulanya dan lebih mengkhusus selepas itu. Seperti mana yang disebut oleh rakan-rakan sebelum ini bahawa belanjawan ini merupakan satu belanjawan yang dikatakan belanjawan defisit. Hal ini telah berlaku sejak tahun 1998. Ertinya sudah 17 tahun kita memang

membentangkan belanjawan defisit. Pada hemat saya ini adalah satu amalan yang perlu diperbaiki. Usaha hendaklah dibuat supaya belanjawan di masa hadapan tidak lagi berupa belanjawan yang berbentuk seperti ini.

■1440

Seperti yang disebut oleh rakan-rakan sebelum ini bahawa Belanjawan 2014 mencatat angka RM264.2 bilion di mana belanja pengurusan melebihi daripada belanja pembangunan yang disebut sebagai untuk pengurusan RM217.7 bilion yakni mewakili 82.4%, manakala bakinya sebanyak RM46.5 bilion yakni 17.6% untuk pembangunan.

Isunya adalah kita diuar-uarkan akan berada dalam kelompok negara maju menjelang tahun 2020. Ertinya ada kurang lebih tujuh tahun daripada sekarang atau lebih singkat lagi. Soalnya adalah apakah mungkin dengan keadaan *deficit budget* ini dengan izin ataupun belanjawan defisit ini bahawa menjelang tahun 2020, negara ini boleh setanding dengan negara-negara lain yang berada dalam kelompok negara maju? Secara ringkas Tuan Yang di-Pertua ialah saya katakan tadi bahawa defisit fiskal berlarutan selama 17 tahun. Ini satu tempoh masa yang panjang. Ertinya kalau defisit fiskal ini dapat dikurangkan dari semasa ke semasa, maka sudah tentulah apa yang saya katakan tadi mungkin boleh menjadi kenyataan.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua adalah hutang pemerintah persekutuan atau dengan izin *Federal Government*, mencecah 54.8% yakni kurang sedikit 0.2% daripada silingnya iaitu 55%. Ada Senator tadi yang menyebut tentang pengalaman di Greece. Ini satu hal yang sangat mengerikan. Barang dijauhkan bahawa kita akan juga terjerumus seperti mana yang berlaku di Greece, apa yang mungkin berlaku di Sepanyol, apa yang dialami oleh Ireland dan sebagainya. Ini merupakan manifestasi daripada pengurusan kewangan yang lemah yang menyebabkan sebuah negara menjadi porak-peranda akibat daripada keadaan ekonomi yang tidak menentu itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga ngeri apabila melihat bahawa hutang isi rumah mencecah 83%, manakala kadar hutang isi rumah kepada pendapatan boleh guna (*disposable income*) dengan izin, mencecah 140%. Demikian juga pada akhir Jun 2013, hutang luar negeri mencecah 28.8% sementara nisbah khidmat hutang luar negeri ialah pada kadar 10.7%. Kita mungkin berbangga ataupun bertuah atas kurniaan llahi bahawa bumi ini dilimpahkan dengan hasil bumi. Antara lain, kita ada minyak, kita ada gas dan sebagainya. Namun apa yang kita gali, apa yang kita sedut tidak akan bertambah, malah akan mengurang. Apa berlaku selama ini kita bangga bahawa minyak dan gas di pesisir pantai sama ada di barat ataupun di timur Malaysia ini boleh dijadikan seolah-olah semacam kantung kepada negara. Kita tidak takut oleh sebab ada simpanan minyak, ada simpanan gas. Akan tetapi seperti mana yang kita maklum bahawa ia berkurangan dari tahun ke tahun.

Kita telah melihat bagaimana simpanan gas dan juga simpanan minyak kita semakin berkurangan. Kalau misalnya tidak diurus dengan baik, maka satu hari nanti tidak mustahil bahawa kita juga akan mengimport gas dan akan mengimport minyak untuk kegunaan. Walaupun sekarang ini kita menggunakan kaedah kita import, tetapi ada timbal balas. Maksud saya ialah ia nanti akan terus berkurangan dan kalau berkurangan, ia merugikan negara ini. Sumbangan sumber petroleum sebagai hasil pemerintah persekutuan semakin menurun dan melepas paras 30% iaitu menurun

pada kadar 29.8% pada tahun 2013 dan 28.1% dijangka pada tahun 2014. Walaupun peratusan ini dikira kecil, namun kalau diterjemahkan dalam mata wang, ia adalah agak tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, banyak diperkatakan mengenai GST. Ini adalah satu isu yang sekarang ini bukan sahaja di dalam Dewan ini malah di luar Dewan, orang bercakap mengenai GST. Soalnya adalah apakah ia benar-benar memberikan manfaat atau sebaliknya? Kita dengar sebentar tadi bahawa ada digunakan contoh di Singapura bagaimana GST dilaksanakan. Namun barang diingat bahawa di Singapura ia bermula dengan 3%, bukan 6% seperti mana yang cuba diperkenalkan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian, kita berharap bahawa belanjawan di masa hadapan mengambil kira aspek-aspek seperti mana yang telah pun disuarakan oleh rakan-rakan Senator sebelum saya. Di samping itu, kita juga berharap bahawa pada tahun 2014 dalam tiga sidang yang berikut, jika ada lagi peruntukan tambahan yang diminta oleh Menteri Kewangan dan dihadapkan atau dibentangkan di hadapan kita di Dewan ini, dalam kata lain, ertiya belanjawan ini mesti mengambil kira semua aspek kecualilah kalau kita berada dalam keadaan darurat, perang, bencana alam yang cukup luar biasa misalnya, yang tidak memungkinkan kita menggunakan belanjawan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, secara spesifik saya ingin pergi kepada soal, saya tidak pergi kepada poin-poin seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Namun, terus kepada isinya.

#### ■1450

Perkara yang pernah dibangkit di dalam Dewan yang mulia ini adalah mengenai bayaran persaraan kepada pegawai-pegawai awam atau kakitangan awam. Saya pernah secara *direct*, secara langsung menanyakan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Tidakkah ada usaha untuk menaikkan pencen minimum kepada pesara-pesara ini? Pencen minimum yang ada sekarang ialah RM820, sedangkan gaji minimum yang telah diluluskan oleh kedua-dua Dewan ini ialah RM900.

Secara bergurau kita katakan anak muda yang semalam masuk kerja dapat RM900, orang yang sudah berusia 60 tahun RM820. Keperluan orang yang 60 tahun jauh lebih tinggi berbanding dengan anak muda secara relatif. Saya mencadangkan supaya pemerintah menaikkan pencen minimum ini kepada RM900 paling tidak terutama bagi golongan sokongan. Mereka yang mempunyai pencen yang lebih besar itu perkara yang lain tetapi kepada golongan sokongan ini, golongan perkeranian, golongan teknikal misalnya mereka-mereka ini adalah kakitangan yang sepatutnya dinaikkan pencen minimum.

Perkara kedua dalam soal persaraan ini ialah soal umur tamat tempoh perkhidmatan. Saya berbeza pandangan seperti mana yang saya pernah sebut dalam Dewan ini. Bagi pekerja sektor swasta tidak ada siapa yang menyara mereka melainkan mereka sendiri. Jadi bila disebut persaraan itu, ia didasarkan kepada kata dasar sara. Saya cenderung untuk menggunakan usia tamat tempoh perkhidmatan bagi mereka dalam sektor swasta. Apa yang jadi hal ialah hingga kini masih terdapat syarikat-syarikat, pengusaha-pengusaha yang berdolak-dalik sepanjang mengenai usia tamat tempoh perkhidmatan ini. Apa yang kita mahu ialah kementerian yang berkenaan

menguatkuasakan secara serius hal mengenai usia tamat tempoh perkhidmatan ini. Yang Berhormat Menteri sewajarnya bertanggungjawab atas akta yang dibawa ke Dewan ini dan melaksanakan mengikut apa yang telah pun diputuskan sepanjang mengenai akta usia tamat tempoh perkhidmatan ini ataupun *minimum retirement age*, dengan izin.

Saya juga ingin bercakap mengenai hak pekerja di Malaysia ini. Kita sentiasa berbangga dan mengatakan bahawa Malaysia mempunyai tenaga kerja yang terlatih, tenaga kerja yang rajin, tenaga kerja yang produktif berbanding dengan beberapa negeri-negeri lain yang menjadi jiran kita. Secara relatif kita dibanding dengan Indonesia, Thailand, Vietnam dan sebagainya. Namun, apakah sumbangan pekerja-pekerja Malaysia ini dihargai atau dihormati? Mengapa saya katakan demikian?

Tuan Yang di-Pertua, usaha di kalangan pekerja untuk menuju kesatuan pekerja. Ini selaras dengan apa yang ada dalam teks ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Apakah mereka boleh dengan selesa dan mudah menuju kesatuan pekerja? Jawapannya tidaklah begitu memberangsangkan. Sikap negatif oleh para majikan yang mempunyai prasangka terhadap kesatuan pekerja atau *great union* di Malaysia ini sangat mengecewakan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Sumber Manusia sewajarnya memandang serius hal yang berkaitan dengan hak berkesatuan hak untuk aktif dalam kesatuan pekerja diraikan sebaiknya sesuai dengan semangat Perlembagaan Persekutuan, sesuai dengan undang-undang yang ada khususnya Akta Kesatuan Sekerja tahun 1959, Akta Perhubungan Perusahaan tahun 1967 dan sebagainya.

Demikian juga halnya dengan hak untuk bernegosiasi. Saya pernah membangkitkan hal yang sama di Dewan yang mulia ini iaitu Malaysia memberi ratifikasi kepada Konvensyen 98, konvensyen teras Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Yakni memberi hak kepada kesatuan pekerja dalam sektor awam untuk bernegosiasi, *the right to negotiate* dengan izin berbeza dengan soal perundingan atau *consultation*. Ini ada dua benda yang berbeza. Masih lagi belum benar-benar dilaksanakan di Malaysia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh berhenti sementara. Saya hendak beri ruang untuk Yang Berhormat Menteri buat satu usul ya.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**2.58 tgh.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 11 Disember 2013”.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Terima kasih. Saya juga ingin bertanya mengenai pembangunan koridor ekonomi atau *economic corridor* yang telah diperkenalkan Utara, di Timur, Selatan dan sebagainya. Apa yang ingin saya tanyakan ialah setakat ini apakah manfaat kepada negara sepanjang koridor ini sebab hal ini penting. Ia merupakan satu pelaburan besar. Mungkin ada yang menyatakan bahawa ia koridor ini akan disertai oleh pihak swasta. Namun, jangan kita lupa bahawa infrastruktur itu juga merupakan tanggungjawab pemerintah dalam menyediakan dan ia merupakan kos kepada negara.

■1500

Jadi, soalan saya sekali lagi ialah apa jadi dengan koridor-koridor ini? Adakah ianya masih tinggal begitu atau bagaimana? Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tanya mengenai sejauh ini apakah Dasar Penswastaan yang diperkenalkan kurang lebih 30 tahun dahulu sewaktu zaman pemerintahan, zaman Perdana Menteri yang ke-4. beliaulah yang membawa satu dasar yang dipanggil *Look East Policy* dengan izin ataupun Dasar Pandang Ke Timur antara lain adalah mengenai penswastaan.

Perkara yang ingin saya tanyakan ialah apakah hasilnya dan apakah kesannya daripada projek-projek penswastaan itu? Sebagai contoh misalnya, apa yang berlaku ke atas syarikat-syarikat bekalan air yang diswastakan, syarikat-syarikat telekom yang diswastakan misalnya sebagai contoh. Jadi, manfaatnya apa kepada rakyat? Manfaatnya apa kepada negara ini?

Selain itu, saya juga ingin menanyakan soal berapa kos sejak misalnya perusahaan automobil yang dibanggakan dari tahun 1983-1984 sehingga sekarang ini? Dari segi pelaburan, bukan sahaja pelaburan modal tetapi juga dari segi pelaburan tenaga kerja. Bolehkah misalnya

sekarang ini kita katakan setelah hampir 30 tahun Malaysia boleh menghasilkan sebuah motokar yang dibuat di sini? Ini bukan memasang. Memasang dengan membuat dua hal yang berbeza. Ertinya, kalau memasang kita import *Completely Knocked Down part* (CKD) dengan izin dan kita pasang di sini.

Kalau begitu kita boleh pasang – *Bentley* pun kita boleh pasang, *Aston Martin* pun boleh pasang dan sebagainya. Akan tetapi, yang penting ialah setelah 30 tahun, bolehkah kita buat acuan kita sendiri? Bolehkah kita buat *stamping machine* kita sendiri? Bolehkah kita buat *dye* kita sendiri? Ini patut ditanya selepas 30 tahun, dengan modal, dengan wang yang digunakan atas cukai yang dikenakan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu apakah Kereta Api Tanah Melayu akan diswastakan? Siapa hendak jawab saya tidak tahu, tetapi apakah Kereta Api Tanah Melayu akan diswastakan? Inilah satu-satunya yang ada Tanah Melayu lagi. Jadi, kalau ertinya diswastakan, apa kesan kepada - seperti yang saya katakan kepada negara ini? Saya berharap khazanah-khazanah negara ini tidak dengan mudah diswastakan hanya atas pertimbangan keuntungan untuk segelintir manusia tetapi lebih kepada menjaga identiti negara ini.

Saya pindah kepada soal yang disebut dalam teks ini dalam bahasa Inggeris disebut *flexible work arrangement* - waktu bekerja ataupun susunan kerja yang anjal yang telah dikemukakan oleh *Talent Corporation* Malaysia Berhad. Saya juga ingin tahu apa sebenarnya *Talent Corporation* Malaysia Berhad ini. Siapa dia dan apa gunanya kepada kita?

Saya juga ingin menyatakan bahawa *flexible work arrangement* dengan izin Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang boleh membawa mudarat kepada golongan pekerja. Dalam kata lain, pihak majikan akan menggunakan dengan mudah *flexible work arrangement* untuk kesesuaian majikan. Dalam kata lain, kadang-kadang dia hantar kerja itu ke rumah pekerja. Elektrik, air, sewa dibayar oleh pekerja dan barang akhir atau *finish product* itu dihantar kepada majikan. Ini perlu penjelasan. Kita bimbang bahawa kononnya dengan niat yang baik untuk menolong pekerja tetapi pada akhirnya nanti pekerja akan tertindas akibat daripada kita terlalu ghairah dengan saran-saran yang dikemukakan oleh para penasihat ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga halnya dengan...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh celah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Tentang *flexible hours* dan ini khusus untuk wanitalah. Jadi, I dapat fikiran Yang Berhormat agak negatif. Oleh sebab bila kerajaan ada idea, ada program yang ingin memberikan faedah atau kesesuaian kepada rakyat, jangan sebelum dilaksanakan, kita sudah berpendapat yang negatif. Jadi, kalau begitu *nothing can be done*. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Cukuplah, duduklah. Itu menunjukkan bahawa Yang Berhormat Senator tidak mengikuti perkembangan. Saya sebut tadi dua hal. Pertama, kita kena kaji dan kena lihat dengan teliti hal ini. Keduanya, sudah berlaku pun, eksplorasi terhadap golongan wanita yang bekerja di rumah. Itu sudah berlaku. Hanya kadang-kadang golongan ini

tidak memaklumkan kerana dia bimbang dari segi kerjanya, dari segi kontrak yang dia dapat dan sebagainya. Ini sudah berlaku. Ini bukan perkara baru. Jadi, saya minta Yang Berhormat Senator kalau boleh – tidak apalah, selepas ini kalau perlu saya boleh bagi satu penerangan di luar nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Ya. perlindungan SOCSO juga penting. Perlindungan SOCSO adalah merupakan satu perlindungan bagi golongan pekerja yang berpendapatan rendah. Buat masa ini memang perlindungan itu adalah sewaktu bekerja dan sewaktu dari perjalanan daripada tempat kerja ke rumah dan sebaliknya. Akan tetapi dalam keskes tertentu misalnya, katalah dia melenceng sedikit sebagai contoh, maka pihak PERKESO tidak akan mengambil tanggungjawab.

Lebih malang lagi kadang kala ialah apabila PERKESO ataupun Pertubuhan Keselamatan Sosial ini dia lawan kes terhadap pencarum SOCSO itu. Contohnya katalah pencarum itu memfailkan kes di Jemaah Jawatankuasa Rayuan SOCSO. Pihak PERKESO ini atau SOCSO ini dia akan lawan balik sedangkan wang PERKESO itu adalah wang daripada majikan yang didasarkan kepada pekerja yang bekerja di tempat kerja tersebut. Ini tidak sepatutnya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa banyak kes yang berhubungan atau berkaitan dengan perburuhan di negara kita ini tidak selesai di peringkat Mahkamah Perusahaan, tidak selesai di peringkat Mahkamah Buruh, maka dibawa ke mahkamah lebih tinggi.

#### ■1510

Misalnya dibawa ke Mahkamah Tinggi sama ada di Kuala Lumpur, di Kota Kinabalu, Kuching dan sebagainya. Akan tetapi yang ingin disarankan di sini ialah dalam Mahkamah Tinggi tersebut hendaklah diadakan satu mahkamah khusus untuk membicarakan kes-kes yang berkaitan dengan hal pekerja, hal perburuhan dan sebagainya. Hakim yang mengadili kes-kes tersebut mestilah seseorang yang benar-benar mempunyai pengalaman, mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai hal perburuhan, hal perhubungan perusahaan dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada empat minit lagi Yang Berhormat.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Ya. Maka oleh hal yang demikian adalah diharapkan pemerintah mengadakan sebuah mahkamah ini walaupun sebelum ini pernah dicadangkan supaya ada Mahkamah Rayuan Perhubungan Perusahaan tetapi oleh beberapa sebab, ianya tidak dapat diadakan tetapi lebih baik diadakan satu mahkamah yang khusus membicarakan kes-kes yang berkaitan dengan perburuhan, pekerjaan, perhubungan perusahaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon supaya syarikat-syarikat di mana pemerintah ada kepentingan di mana dalam bahasa Inggeris disebut *government-linked company* mengambil sikap yang lebih proaktif sepanjang mengenai pekerja yang saya katakan tadi. Saya kaitkan sedikit dengan hal-hal yang berkaitan dengan kesatuan, hal-hal yang berkaitan dengan perhubungan perusahaan dan sebagainya. Mereka tidak boleh mengambil sikap yang bertentangan dengan semangat seperti mana yang disarankan dalam teks ucapan Menteri Kewangan ini.

Saya berharap saranan-saranan ini didengar dan diberikan perhatian dan kita ingin melakukan sesuatu yang terbaik, melakukan sesuatu yang adil untuk 28 juta umat yang ada di Malaysia ini. Orang Minang ada pepatah tertentu yang panjang mengenai adil ini:

*Mendapek samo melabor,  
Kehilangan samo merugi.*

*Mengukur sama panjang,  
Membilai sama laweh.  
Barageh sama banyak,*

*Gadang kayu gadang bahannya,  
Gedek kayu gedek bahannya.*

*Nan ado samo dimakan,  
Nan indak samo dicari.*

*Hati gajah samo dilapah.  
Hati tungau samo dicacah.*

*Gadang agih ngumpok,  
Gadang agih bacalah.*

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Saat Haji Abu.

### 3.14 ptg.

**Datuk Haji Saat bin Haji Abu:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya membahaskan Bajet 2014, saya ingin merakamkan di Dewan yang mulia ini rasa simpati pada mangsa-mangsa banjir di negeri Pahang, di negeri Terengganu dan di negeri Johor dan turut berdoa agar mangsa banjir di negeri tersebut di lindungi oleh Allah SWT dari sebarang malapetaka.

Di samping itu saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada presiden UMNO yang juga Perdana Menteri Malaysia yang telah memartabatkan agama Islam sebagai agama persekutuan dan menyatakan secara terbuka bahawa agama Islam di negara ini adalah berlandasan fahaman Ahli Sunah Wal Jamaah dan menjadikan agenda memperkasakan ekonomi bumiputera sebagai agenda nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada kerajaan kerana telah dapat menggubal Bajet 2014 yang bertemakan “*Memperteguh Ketahanan Ekonomi dan Memperkasakan Transformasi dan Melaksanakan Janji.*” Sesungguhnya Bajet 2014 ini sebagai penerus tradisi terbaik Kerajaan Barisan Nasional dan memakmurkan negara dan membawa kesejahteraan kepada semua rakyat iaitu manifestasi sebuah janji yang ditepati.

Saya ingin mengambil peluang menyertai perbahasan di Dewan yang mulia ini dengan menyentuh beberapa fokus yang diterjemahkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ketika membentangkan Bajet 2014 di Dewan Rakyat pada 25 Oktober 2013.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2014 adalah untuk rakyat daripada rakyat. Jikalau sekiranya penduduk atau rakyat di negara ini beriman, bersyukur dan bertakwa pastilah Allah SWT akan melimpahkan kepada mereka barakah dari langit dan dari bumi. Akan tetapi jika mereka mendustakan ayat-ayat kami itu maka Allah SWT akan menyeksa mereka disebabkan perbuatannya sendiri. Surah Al-Aaraf ayat yang ke- 96.

Untuk itu bajet tahun kerajaan, *annual bajet* adalah instrumen utama dalam terus tadbir fizikal negara dan memperincikan unjuran pendapatan dalam perbelanjaan kerajaan bagi tahun mendatang. Komponen utama sebuah belanjawan adalah sumber pendapatan cukai, bukan cukai, pinjaman dan agihan perbelanjaan, pengurusan, pembangunan dan pembayaran hutang.

Demi mencapai objektif utama dasar ekonomi negara iaitu memacu pertumbuhan *gross* mengawal kenaikan harga *inflation*, dengan izin dan mengurangkan kadar pengangguran *unemployment*. Justeru setiap instrumen dalam belanjawan dirangka mengikut keutamaan dan matlamat sosioekonomi negara dengan mengambil kira keperluan dan pertimbangan faktor dalam dan luar negara. Prinsipnya adalah sama tanpa mengira sama ada seseorang Perdana Menteri yang mengetuai sebuah kerajaan atau seorang bapa yang mengetuai sebuah keluarga iaitu berbelanja mestilah mengikut kemampuan dan keperluan bukan ikut kemahuan.

Rumusannya saya menyifatkan Bajet 2014 sebagai komprehensif dan holistik dengan memberikan perhatian utama. Saya mulakan dengan teras bajet yang pertama iaitu merancakkan ekonomi. Bajet tahun 2014 melindungi kestabilan kewangan dengan mengukuhkan asas ekonomi, melindungi kemapanan fizikal dan kestabilan kewangan. Bajet ini juga mengekalkan penerapan gred kredit pelaburan yang tinggi walaupun telah 17 kali berturut-turut negara mengalami perbelanjaan defisit. Defisit bajet ini akan menyusut pada tahun kelima pada RM37.1 bilion atau 3.5% daripada Kadar Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2014.

Negara dalam laluan betul untuk mencapai sasaran 3% deposit defisit bajet menjelang 2015 dan mencapai bajet seimbang menjelang 2020. Ini kerana pasakan kewangan sangat mengalu-alukan penegasan terhadap sasaran bajet defisit daripada 4% kepada 3.5% daripada KDNK untuk tahun 2014.

#### ■1520

Saya juga memuji langkah Kementerian Kewangan yang akan menujuhkan Pejabat Pembangunan Usahawan (PPUN) bertujuan menyelaras aktiviti pembangunan keusahawanan sejarar dengan penubuhan Unit Pembangunan Bumiputera (UPB).

Pada pendapat saya, penubuhan PPUN yang terkandung dalam Bajet 2014 dapat melahirkan sasaran kira-kira 5,000 usahawan muda dan baru bagi memenuhi agenda pembangunan ekonomi bumiputera. Peluang melalui PPUN supaya lebih ramai golongan usahawan dapat dilahirkan dalam pelbagai bidang ekonomi untuk menjadi sebuah negara maju,

Malaysia perlu melahirkan lebih ramai usahawan dan pengeluaran pelbagai produk bukan sahaja dalam negeri malahan memenuhi permintaan global.

Bidang keusahawanan pada hari ini saya dilihat sebagai agenda penting yang dibentangkan di dalam Bajet 2014. Dengan berbagai dana dan tabung yang disediakan bagi membantu mereka yang berminat, saya berharap dana dan tabung yang disediakan di bawah PPUN adalah meliputi semua peringkat daripada pengusaha pasar malam sehingga golongan yang terlibat dalam aktiviti import dan eksport.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, nilai tambah usaha pertanian juga perlu dilakukan kerajaan dengan memberi penekanan kepada pembangunan tanah-tanah terbiar yang dijadikan ladang kontrak untuk pelbagai tanaman kontan dalam usaha menambah pendapatan petani mahupun pekebun sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada eksport makanan dari luar negara.

Bagi terus memperkasakan teras bajet yang pertama, saya mencadangkan kerajaan terus menambah hasil dankekayaan dengan menumpukan kepada *well creation* dan projek-projek yang mempunyai kesan masa sasaran penerimanya. Pusat-pusat pengembangan pertumbuhan ekonomi, *new dispute growth centre*, dengan izin perlu ditambah. Taburan pembinaan seperti membina kilang berteknologi tinggi di luar bandar, maka dengan ini ia bukan sahaja merancakkan ekonomi di lokasi terbabit tetapi juga memberi peluang kepada penduduk setempat dan sekali gus mengurangkan penghijrahan masyarakat desa ke bandar dan mengatasi masalah kemiskinan di bandar.

Selain itu pusat-pusat bandar baru hendaklah berjaya menempatkan semua kaum dengan sokongan harta tanah mampu milik dan memberikan pulangan politik kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperbanyakkan dan memperluaskan berbagai-bagai bantuan terutama kepada IKS, mengimbangi tumpuan kepada projek-projek mega, memang benar kerajaan terus memberikan bantuan kepada golongan terbabit sekarang tetapi ia seperti membuang batu di lautan luas. Kita harap penukaran pendekatan pemberian subsidi kepada kumpulan sasar daripada peringkat pengeluaran kepada teras penggunaan.

Saya juga ingin menyentuh mengenai teras bajet yang kedua berkaitan dengan memperkuatkannya pengurusan fiskal. Ini kerana dalam memperkuatkannya fiskal negara, kerajaan memandang serius isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Bagi teras kedua, ini semestinya umum mengetahui bahawa dalam teras ini terkandung pelaksanaan cukai barang perkhidmatan yang kita panggil GST yang kini menjadi topik hangat diskusi bagi ahli-ahli akademik dan pakar-pakar ekonomi serta turut untuk menjadi bahan kumpen dari sesetengah ahli politik. Walaupun tarikh pelaksanaan bermula pada 1 April 2015, tetapi pelaksanaan dan perancangan mendapat kritikan dan ulasan dari banyak pihak.

Mengenai GST, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberikan penjelasan yang luar biasa mengenainya, hingga ada pihak yang tidak langsung membantah kerana mereka sedar bahawa GST perlu dilaksanakan. Saya menyifatkan sekarang adalah masa yang sesuai untuk melaksanakan GST dan pelaksanaan cukai ini wajar disambut baik oleh rakyat. Ini kerana

apabila inflasi rendah, beban rakyat juga tidak tinggi, maka ia adalah masa sesuai untuk melaksanakan pendekatan ini. Justeru, langkah penjelasan perlu dilaksanakan sebaik mungkin bagi memastikan rakyat faham mengenai GST dan tidak mudah dipengaruhi dengan maklumat salah yang mungkin disebabkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini harus dilihat dalam konteks holistik dan saya yakin faedah kepada rakyat adalah lebih baik. Saya harap rakyat tidak akan mudah dipengaruhi oleh beberapa pihak yang akan memanipulasi insentif ini sebagai membebangkan rakyat. GST yang ditetapkan pada kadar 6% merupakan cukai baru dan ia tidak dikenakan ke atas barang makanan asas termasuk beras, gula, garam, minyak masak, perkhidmatan kesihatan, pengangkutan dan jual beli harta tanah.

Pelaksanaan GST tidak akan memberikan kesan besar daripada rakyat kepada rakyat. Malah kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai bantuan sokongan semasa peringkat pilihan rayanya termasuk bantuan tunai sekali bayaran RM300 kepada penerima isi rumah, BR1M dan pengurangan kadar cukai pendapatan 1% hingga 3% untuk semua pembayar cukai daripada menambah pendapatan boleh guna.

Kepada kesan kelompok ini yang berpendapatan rendah dan sederhana adalah neutral dan ia adalah satu pendekatan realistik untuk memastikan sistem cukai baru ini dapat dilaksanakan. Saya berpendapat, pendekatan baru ini mampu mengukuhkan ekonomi dalam jangka masa panjang selain memberikan keyakinan kepada pelabur asing untuk melabur di negara ini, sekali gus memastikan *rating* Malaysia akan terus ke tahap yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perkara mengungguli modal insan. Semasa pembentangan Bajet 2012 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak menyatakan bahawa fokus kedua yang diberi penekanan kepada lima fokus utama Bajet 2012 adalah mengungguli modal insan, merencana kreativiti dan mencetus inovasi. Mengungguli modal insan terus menjadi keutamaan bila ianya teras ketiga dalam pembentangan Bajet 2012.

Kepada pembangunan modal insan, sememangnya merupakan satu usaha yang berterusan bagi memastikan ketamadunan bangsa terus kekal lama. Saya menyokong dasar memperkasakan pendidikan kebangsaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Namun kita harap, dasar dan pelan tindakan yang telah digariskan benar-benar difahami dan dilaksanakan oleh para pelaksana dasar dan garis panduan yang telah disusun.

Apa yang terjadi pada masa kini bila sebahagian daripada pelaksana dasar yang terdiri daripada setengah kalangan penjawat awam di peringkat pelaksana yang menjadi duri dalam daging kepada usaha murni kerajaan. Dari ketua jabatan, institusi pendidikan, guru-guru, IPG, pegawai di peringkat daerah turun kepada sebilangan pengetua, guru besar dan guru-guru, kita menghadapi situasi seolah-olah ketirisan dalam usaha menjayakan pelaksanaan dasar ini.

#### ■1530

Ini kerana mereka ini terdiri daripada golongan yang tidak begitu menyokong kepada kerajaan yang memerintah hari ini. Budaya berpolitik cara ini amat berbahaya dan merunsingkan. Ini kerana bagi mereka apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan adalah tidak betul dan

membebankan, serta sentiasa mencari dan merancang segala bentuk kelemahan yang ada pada kerajaan. Kami menyokong kepada kerajaan supaya menyedari, mengakui permasalahan ini kerana ketika ini sering pada pelantikan ketua-ketua jabatan dan agensi dilihat tidak memihak kepada mereka yang benar-benar tulen menyokong dasar kerajaan. Ramai yang bermuka-muka demi menyelamatkan kedudukan dan jawatan masing-masing dan berjaya mempengaruhi orang bawahan, yang lebih parah mempengaruhi orang ramai agar menolak kepimpinan kerajaan yang memerintah pada hari ini. Kita lihat salah satu bukti yang terjadi seperti mana Laporan Ketua Audit Negara bila mana terjadi ketidakpatuhan peraturan, kepincangan dan pentadbiran kerajaan. Jika dikaji dan diteliti, mereka inilah sebenarnya dari golongan yang tidak sehaluan dengan kerajaan yang memerintah pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, setiap insan perlu meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran, melipatgandakan usaha bagi melahirkan modal insan yang berilmu, kreatif dan inovatif. Untuk mengisi keperluan ini dan masa hadapan, usaha murni berterusan oleh warga penjawat awam dalam melahirkan modal insan yang dihasratkan akan berupaya meningkatkan daya saing negara, melonjakkan pertumbuhan ekonomi dan sekali gus menjadikan negara ini sebagai sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Saya pohon agar kerajaan melihat dalam memberikan galakan kepada kakitangan awam yang berjaya mempertingkatkan kemahiran dan taraf pendidikan masing-masing. Sebagai contoh, mereka yang berjaya meningkatkan pencapaian akademik kepada sarjana dan doktor falsafah. Kalau di kalangan pensyarah universiti, mereka yang berjaya menamatkan pengajian PhD terus dinaikkan ke jawatan DS51 atau DS52.

Namun bagi kalangan kakitangan pendidikan atau pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG), tidak ada galakan motivasi yang dalam kenaikan gred perjawatan mereka ini. Sewajarnya dilihat dan diselaraskan, lebih-lebih lagi masing-masing sekarang di bawah kementerian yang sama. Dalam aspek pembangunan fizikal, saya pohon dalam kawasan Parlimen Bukit Katil, sebuah pembinaan sekolah rendah yang telah dijanjikan dalam PRU ke-12 yang masih lagi belum dapat dilaksanakan wajar diberi perhatian serius selaras dengan tema ‘Janji Ditepati’ benar. Tapak dan acara pecah tanah telah pun dilakukan, disebabkan masalah teknikal ianya tertangguh. Hari ini terdapat pula keperluan yang mendesak mengenai sebuah lagi sekolah menengah yang sangat diperlukan. Ia penting agar pelaksanaan PPPM yang dimaksudkan di atas tidak tergugat disebabkan oleh masalah infrastruktur fizikal.

Penularan kefahaman untuk membangkitkan kelemahan kerajaan dan akhirnya kepada pihak penyokong kerajaan di kalangan penjawat awam patut dicegah dan diambil tindakan tegas. Penyebaran pengaruh agar membenci kepada kerajaan patut tidak berlaku dalam struktur kerajaan bila penjawat awam yang sepatutnya menyokong dan melaksanakan dasar-dasar kerajaan tidak ikhlas dan tidak bertanggungjawab bagi menjayakannya. Kita mahu agar generasi yang bawal mewarisi negara Malaysia yang tercinta adalah generasi yang mempunyai nilai-nilai kemanusiaan yang murni, bersyukur dan mempunyai adab ketimuran serta nilai-nilai duniawi dan ukhrawi. Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, di samping kerajaan melantik anggota seperti di setiap kementerian bagi memperkasakan Unit Pengurusan Integriti, saya juga ingin mengesyorkan kepada kerajaan supaya mengambil tindakan-tindakan pemutihan di setiap kementerian jika terdapat sebarang pegawai-

pegawai awam yang tidak sehaluan dengan kerajaan dan tidak cekap, tidak amanah dan melakukan rasuah. Maka mereka ini wajib diberhentikan dari jawatan yang disandangnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin menyampaikan beberapa perkara yang berkaitan dengan kemudahan-kemudahan asas yang terdapat di dalam negeri Melaka. Bagi menjaga kesejahteraan rakyat dan memperkasakan pasukan keselamatan negeri, Polis Diraja Malaysia (PDRM). Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia kerana telah memperuntukkan RM13.3 bilion bagi tujuan mempertingkatkan pertahanan negara terutama sekali selepas peristiwa Lahad Datu yang menggemparkan negara sedikit masa lalu. Maka itu, peruntukan RM8.8 bilion untuk menyelesaikan dan mempertingkatkan perlindungan PDRM kepada negara bagi menjaga kepentingan, kesejahteraan dan keselamatan rakyat dalam negara ini termasuk di negeri Sabah dan di negeri Sarawak amat-amatlah dialu-alukan.

Namun demikian, masih banyak lagi keperluan-keperluan asas yang perlu dipertingkatkan. Di atas kesempatan ini saya sarankan dalam Dewan yang mulia ini, beberapa infrastruktur yang masih belum dapat diselesaikan terutamanya di negeri Melaka. Diharap Kementerian Dalam Negeri dapat mengambil perhatian di atas perkara yang saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini. Seperti maklum di Dewan yang mulia ini, penempatan kuarters kakitangan Polis Diraja Malaysia di sekitar kawasan perindustrian Kerubung Melaka untuk kakitangan dan keluarga-keluarga mereka terletak berhampiran dengan pusat pembuangan sampah bagi kawasan Melaka Tengah. Ini mengakibatkan kakitangan PDRM dan keluarga mereka tidak mahu ditempatkan di kuarters tersebut disebabkan ketidakselesaan, kerisauan, pencemaran bau dan berbagai-bagai pencemaran berlaku di kawasan perindustrian tersebut.

Banyak aktiviti perniagaan seperti perniagaan pengumpulan bahan-bahan boleh kitar semula diusahakan. Keadaan ini dikhuatiri boleh menyebabkan masalah penyakit berjangkit atau masalah kesihatan yang teruk. Haiwan-haiwan pembawa faktor kuman berbahaya yang boleh datang daripada pusat pembuangan sampah dan virus-virus berbahaya boleh menjangkiti kakitangan dan keluarga mereka. Inilah sebab utama mengapa kakitangan PDRM daripada IPD Melaka Tengah serta keluarga mereka enggan dan tidak mahu berpindah ke penempatan yang terdedah risiko tinggi jangkitan penyakit.

Di kesempatan ini saya juga ingin bertanya kepada pihak Kementerian Dalam Negeri, apakah tindakan susulan yang wajar diambil oleh Kementerian Dalam Negeri bagi menyelesaikan masalah-masalah tersebut sedangkan projek penempatan berkenaan telah siap 100% dalam tempoh selama dua tahun.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada lima minit lagi Yang Berhormat. Ada lima minit lagi.

**Datuk Haji Saat bin Haji Abu:** Saya cuba selesaikan secepat mungkin. Dikhuatiri sekiranya tidak ada sebarang tindakan diambil sewajarnya, penempatan kuarters kakitangan tersebut akan menjadi seperti projek gajah putih. Saya difahamkan penempatan kuarters tersebut telah menelan belanja sebanyak RM50 juta untuk menyiapkan bangunan tersebut dengan kemudahan yang sempurna dan lengkap.

Perkara kedua ialah berkaitan dengan hal yang berkaitan dengan permohonan menggantikan bangunan lama IPD Melaka Tengah yang terlalu tua dan telah lama beroperasi sejak merdeka lagi.

■1540

Diharap pihak KDN dapat mengambil perhatian kerana masyarakat melihat pencapaian negeri Melaka menjadi negeri maju pada tahun 2010. Ketika ini masih lagi terdapat bangunan-bangunan dan pejabat yang kurang selesa dan kurang sesuai digunakan lagi. Pada masa ini orang ramai dan kaki tangan PDRM berurusan dalam mendapatkan perkhidmatan yang bagus, selesa dan berketerampilan seperti berimej tinggi di mata masyarakat.

Perkara yang ketiga yang ingin sampaikan Tuan Yang di-Pertua, negeri Melaka adalah negeri pelancongan yang popular dan dilawati hampir 12.5 juta pelancong dari dalam dan luar negara setiap tahun. Apa yang saya ingin sampaikan di sini ialah kemudahan balai polis bergerak didapati tidak mencukupi dan kebanyakannya balai polis bergerak ini tidak dapat beroperasi dengan sebaik-baiknya. Maka dengan ini mohon pihak Kementerian Dalam Negeri dapat mengambil langkah-langkah terbaik untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung serba sedikit lagi perbahasan pada petang ini yang berkaitan dengan memperkasakan teras kelima iaitu Mensejahterakan Kehidupan Rakyat. Saya ingin menyentuh berhubung dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang menerima peruntukan sebanyak RM779 juta bagi Bajet 2014 termasuk peruntukan RM20 juta bagi aktiviti pembangunan insan. Saya ingin mendapat penjelasan apakah objektif dan matlamat program pembangunan insan? Dalam konteks pembangunan keluarga Islam, pembangunan sosial, JAKIM berperanan memastikan ajaran Islam tersebar luas kepada seluruh masyarakat dan membantu kepimpinan yang berwibawa.

Saya ingin mendapat penjelasan apakah program-program yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam gerakan dakwah secara bersepadu kepada golongan termasuk melalui media cetak, media elektronik dan media baru. Berhubung dengan JAKIM saya ingin menyentuh berhubung dengan penyebaran ajaran Syiah di negara ini. Fahaman Syiah jelas menyeleweng daripada pegangan akidah *Ahli Sunnah Wal Jamaah* serta bertentangan dengan hukum syarak. Pengikut Syiah ibarat musang berbulu ayam, malah mereka ini lebih zalim dan jahat daripada Yahudi kerana mempergunakan dan bertopengkan Islam untuk menyesatkan umat Islam khususnya melalui fahaman *Imamiyah* yang mengatakan bahawa imam yang...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada satu minit lagi Yang Berhormat. Ada satu minit lagi.

**Datuk Haji Saat bin Haji Abu:** *Insya-Allah* saya cuba selesaikan. Bahawa imam yang 12 lebih afdal daripada Nabi dan Rasulullah SAW malah mereka mengkafirkan Abu Bakar, Umar dan Uthman serta sahabat yang lain serta kewajipan *al-taqiyah* iaitu menyembunyikan akidah dan dasar tipu muslihat yang merupakan ciri golongan munafik. Golongan Syiah juga menjadikan nikah mutaah sebagai identiti utama golongan Syiah bagi memuaskan nafsu serakah dan merendahkan martabat wanita. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah JAIN bagi menangani penyebaran ajaran Syiah ini khususnya di kalangan pensyarah, pelajar IPT yang dikatakan terus menular dan membimbangkan. Kehadiran lebih 150,000 pelancongan Iran ke

Malaysia setiap tahun juga membimbangkan. Begitu juga dengan bilangan pelajar Iran yang terus meningkat juga membimbangkan.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan khususnya JAKIM dan Kementerian Dalam Negeri, sejauh manakah kerajaan menyedari bahawa golongan Syiah mempunyai agenda untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat penyebaran ajaran Syiah di Asia Tenggara? Apakah langkah kerajaan bagi membendung agenda ini seterusnya dapat dipatahkan? Berhubung dengan ajaran Syiah, langkah yang bersepada terus diambil. Selain daripada Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri, JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), saya ingin mendapat penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Luar Negeri, apakah langkah diplomasi dan diplomatik yang telah diambil oleh kerajaan Malaysia dan Kerajaan Iran bagi membendung penyebaran ajaran Syiah di negara ini serta memastikan rakyat Iran menghormati undang-undang negara ini.

Saya ingin mendapat penjelasan, apakah tindakan tegas yang telah diambil ke atas rakyat Iran yang menyebarkan ajaran Syiah di negara ini termasuk yang datang sebagai pelancong dan pelajar IPT. Adakah kerajaan bercadang mengenakan tindakan mengusir rakyat Iran yang didapati secara terang-terangan menyebarkan ajaran Syiah di negara ini? Apakah kerajaan bercadang mengenakan syarat kemasukan yang lebih ketat kepada warga Iran sama ada pelancong atau pelajar memasuki negara ini kerana sebahagian daripada mereka didapati terlibat dengan penyebaran ajaran Syiah, malah pengedaran dadah secara besar-besaran? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, apakah tindakan terhadap penyebaran kitab...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Gulung Yang Berhormat .

**Datuk Haji Saat bin Haji Abu:** Dua minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Datuk Haji Saat bin Haji Abu:** Tuan Yang di-Pertua, dua minit lagi. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, apakah tindakan terhadap penyebaran kitab dan buku Syiah yang cuba disebarluaskan ke seluruh negara seperti buku bertajuk *"Meniti Titian Kebenaran"*, *"Menyiapkan Kebenaran Mazhab"*, *"Menyingkap Kebenaran Mazhab Rasul dan Al-Ubair"* dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, penyebaran ajaran Syiah di negara ini amat membimbangkan. Kita tidak mahu negara ini menjadi satu konflik kepada yang berlaku di Iraq dan Iran juga Syria. Saya menggesa kerajaan mengambil tindakan yang tegas bagi membendung ajaran Syiah ini. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang berjanji akan memerangi ajaran Syiah habis-habisan dan berharap nama pengikut Syiah didedahkan segera.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan terima kasih. Dengan ini saya turut menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin. Silakan Yang Berhormat.

### 3.47 ptg.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, *alhamdulillah* saya walau pun

dalam keadaan yang kurang sihat akan mengambil bahagian untuk perbahasan Bajet 2014 yang memakan belanja lebih daripada RM260,000 juta untuk tahun 2014.

Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah pesanan yang dibuat oleh ulama yang tersohor iaitu Imam Al-Ghazali rahimahullah kepada pemerintah. Ada 10 pesanan dan saya pun tidak berhasrat untuk hendak sampai ke-10 itu, memakan masa. Pertama sekali pesanan ini ditujukan kepada Sultan Muhammad Ibn Malek-Shah dan termaktub di dalam kitab *Al-Tibr al-masbuk*. Saya pun tidak pernah tengok kitab ini.

Pertama sekali Imam Ghazali berpesan kepada pemerintah supaya Sultan ataupun pemerintah memahami tugas sebagai pentadbir serta bertanggungjawab dan melaksanakan tugas sebaik-baiknya. Penyediaan bajet ini adalah termasuk dalam bidang. Ini satu prosedur yang wajib. Siapa pun jadi kerajaan, dia kena buat bajet. Persoalannya, bagaimana dia hendak memastikan supaya bajet itu tidak tiris ataupun lebih teruk lagi bocor? Seperti mana yang disebut oleh seorang Ahli Yang Berhormat, Laporan Audit Negara mengatakan lebih RM5.7 bilion hilang kerana salah urus. Ini bukan rasuah lagi. Ketua Setiausaha Negara pernah menyebut bahawa daripada peruntukan itu RM10 bilion yang masuk. Itu dapat dikesan. Yang tidak dapat dikesan lagi?

Jadi dalam hal ini bajet yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri, kita kena faham. Semua pihak kena faham termasuk Perdana Menteri, Menteri-menteri, Ahli Dewan Negara dalam Dewan yang mulia ini.

#### ■1550

Bajet ini adalah perolehan daripada yang dibentangkan daripada lima sumber. Tiga daripada cukai iaitu cukai pendapatan, cukai tak langsung, cukai langsung, aset negara dan pendapatan-pendapatan lain. Pendapatan daripada cukai sudah menjangkau 65.6%, itu bajet yang dapat. Jadi, itu duit rakyat, yang kita kutip cukai daripada rakyat, yang kita nak belanjakan. Mestilah kita belanja dengan berhemah, dengan menepati kehendak semasa dan ianya dibuat dengan ikhlas. Tidak ada diambil kesempatan kepada peribadi, terutama orang yang menguruskan bajet itu. Kesimpulannya, apa yang dibelanjakan oleh kerajaan itu bila sebut kerajaan itu, bila sebut Perdana Menteri, termasuk Perdana Menteri saya. Kalau sebut Presiden UMNO, saya tak terlibat. Maknanya, bajet ini untuk semua rakyat, daripada rakyat kepada rakyat.

Jadi, kita tak boleh ataupun ada suara-suara yang menyatakan, macam baru ini ada menyatakan, bantuan BR1M tidak harus diberi kepada penyokong Pakatan Rakyat. Ini cukup salah kerana ini bukan wang parti, ini bukan wang Pakatan Rakyat, ini bukan wang PAS, ini bukan wang UMNO, wang Barisan Nasional. Wang daripada sumber yang saya sebutkan tadi, pemahaman ini kita nak betulkan dulu.

Sebab itu semasa di Kedah, kerajaan yang diterajui oleh PAS, Allahyarham Menteri Besar banyak orang tak suka. Bila dia jadi Menteri Besar, orang nak minta itu, nak minta ini. Dia kata saya bukan Menteri Besar kepada orang PAS, saya Menteri Besar kepada rakyat negeri Kedah. Yang berhak, saya bagi. Yang tak berhak, *sorry*. Walaupun orang kuat. Kalau ini kita dapat lakukan, *insya-Allah* suasana dan keadaan ketirisan, kebocoran dapat diatasi. Dalam hal ini, dalam memahami tugas. Saya nak sebut baru-baru ini dalam satu majlis mengenai dengan Seminar Majlis Profesor Negara, ucaptama Yang Mulia Raja Nazrin. Baginda menyebut, sudah sampai masanya

*federalism* yang di dalam perlembagaan daripada Perkara 73 hingga 95E diperhalusi. Apabila sekarang ini Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri sudah ada negeri-negeri yang berbeza parti yang mana ini boleh menimbulkan konflik, yang jika tak kena akan menyebabkan kesusahan kepada pegawai kerajaan...

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Saya dah lepas beberapa perkara tetapi saya teringat, siapa yang kata BR1M ini jangan bagi kepada PKR ini, Pakatan Rakyat dan di mana? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Perwakilan UMNO Wilayah Persekutuan, Datuk Mohamad Shafei Abdullah menggesa Putrajaya mengkaji semula pelaksanaan Bantuan Rakyat 1Malaysia supaya ia tidak diberikan kepada penyokong pembangkang Pakatan Rakyat yang turut menerimanya. *Check* baliklah, saya pun baru dapat juga.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Datuk boleh celah?

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Yang Berhormat, saya minta laluan sikit.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh?

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Nanti sat, sat. Ini sahaja maklumat yang saya dapat dalam *internet*.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Saya nak tanya maklumat itu Yang Berhormat, dapat daripada mana?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Itu bukan kerajaan, itu individu.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Saya pun tak sebut kerajaan tadi.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Buat apa sebut?

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Saya tak sebut kerajaan, ada pihak.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tak apa, kira semua...

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Duduklah Yang Berhormat, duduk. Bagi saya habis dahulu isu ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu Yang Berhormat, duduk.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Yang Berhormat, minta laluan sedikit.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Saya nak perabis takat ini, panjang lagi.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, BR1M siapa bagi?... *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Kalau Tuan Yang di-Pertua boleh bagi masa dekat saya, tak apa.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Yang Berhormat, Yang Berhormat saya nak tanya satu.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Isu Yang Berhormat cakap tadi telah menyinggung perasan orang lain. Isu Yang Berhormat cakap tadi soal duit BR1M hanya diberi

kepada orang UMNO, itu tidak betul. Saya sebagai Ketua UMNO Bahagian Batu, saya tidak mengamalkan soal macam itu.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Tak. Yang Berhormat duduk dulu, saya terang.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Mana boleh duduk.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Macam mana tak boleh duduk? Ini *floor* saya.

Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Duduk dulu Yang Berhormat, duduk dahulu.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Sepatutnya Yang Berhormat, kalau nak buat kenyataan, kena berhati-hati dalam soal ini.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Tak apa, nanti saya jelas.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Biar kita jelas dahulu Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Ha. Saya jelas. Saya diberi maklumat ini, apa yang tertera di dalam, cuma saya tak rakam ucapan ini. Akan tetapi saya sudah bagi *info* siapa yang buat kenyataan ini dalam Perhimpunan Agung UMNO. Jadi, kita boleh siasat balik. Kalau tak betul, saya tak ada masalah boleh tarik balik, kalau tak betul. Ini hanya berdasarkan maklumat yang saya dapat..

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, laluan, laluan. Ini Yang Berhormat cakap dalam Dewan kah di 'kopi kedai'? [*Ketawa*] [*Tepuk*] Boleh, tolong?

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Duduk, duduk. Jangan bagi saya marah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Baik, yang keduanya mengenai *federalism*. Oleh kerana kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan sudah berbeza yang mana kadang-kadang boleh menimbulkan masalah kepada pegawai kerajaan untuk melaksanakan tugas. Saya pun dahulu ada pengalaman dalam hal ini tapi di Kedah, kita tak menjadikan satu halangan kepada pegawai-pegawai kerajaan. Saya ambil satu contoh, katalah dalam satu majlis di negeri Kedah yang ketika diperintah oleh Pakatan Rakyat. Perdana Menteri nak merasmikan Pusat Pentadbiran Persekutuan di Anak Bukit. Maka, kerajaan negeri kena bagi kerjasama, kena bagi arahan-arahan kerja kepada pegawai-pegawai untuk melaksanakan program itu. Ini kerjasama yang diperlukan. Sebab itu sudah sampai masanya saya menyarankan supaya bagi melicinkan pentadbiran negeri-negeri yang ditadbir di bawah Pakatan supaya ada satu jawatankuasa khas untuk mengkaji perlembagaan yang berkaitan dengan kerjasama antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Yang kedua, Imam Ghazali menegaskan perlunya selalu berbincang serta mendengar nasihat dan tunjuk ajar daripada ulama-ulama yang berwibawa bukannya ulama 'sup', ini pesan Iman Ghazali. Dalam hal ini, terutama dunia di akhir zaman, di dalam keadaan hiburan yang sekarang ini melampau di mana remaja anak muda kita tak boleh kawal lagi. Yang masalah keluarga yang bercanggah, yang bertaburan dan sebagainya. Bukan saya nak salahkan kerajaan ataupun nak salahkan sesiapa. Akan tetapi kalau hal ini tidak dapat kita perbetulkan, kita tak dapat luruskan haluannya, masalah negara kita pada masa akan datang mungkin menghadapi masalah.

Oleh kerana itu saya mencadangkan supaya dalam bentuk *maqasid syariah*, dalam bentuk pelaksanaan Islam, menjaga Islam dalam negara ini supaya tidak ada pihak yang boleh mengganggu gugat kedudukan Islam sebagai agama rasmi, saya mencadangkan supaya ada jawatankuasa khas yang dilantik oleh kerajaan. Orang itu bukan daripada mewakili parti politik dan sebagainya, yang orang itu kita anggap bebas dan boleh memberi teguran yang membina kepada kerajaan. Supaya sesuatu pelaksanaan program yang dijalankan oleh kerajaan itu tidak bercanggah dengan Islam. Termasuklah pelaburan-pelaburan daripada Tabung Haji dan agensi-agensi kerajaan yang lain dan sebagainya supaya ada jawatankuasa khas.

#### ■1600

Walaupun sekarang kita ada JAKIM, kita ada Majlis Fatwa tetapi ia tidak mempunyai tugas khas untuk melaksanakan tugas-tugas ini. Itu cadangan saya. Ketiga, pemerintah dikehendaki jangan melakukan kezaliman. Di samping menjaga, mengawasi pegawai-pegawai serta mencegah mereka daripada melakukan kezaliman terhadap rakyat kerana pada hari kiamat dia yakni pemerintah akan ditanya mengenai apa yang telah dilakukan oleh pegawai-pegawai di bawahnya. Ini yang Allahyarham Ustaz Azizan kata dekat saya, dia paling takut masuk neraka kerana menjadi Yang Berhormat Menteri Besar. Apabila pegawai-pegawai buat salah, pegawai-pegawai menyeleweng dia yang akan bertanggungjawab. Bukanlah satu perkara yang mudah.

Oleh sebab itu pemerintah kena pastikan pegawai-pegawai ini betul-betul yang berkelayakan, yang tidak boleh menyeleweng. Ini kerana banyak juga dalam insiden apa yang dilakukan oleh pegawai, orang politik yang kena bertanggungjawab. Orang politik yang menerima akibat. Yang melaksananya ialah pegawai tanpa dirujuk kepada bos-bosnya terlebih dahulu.

Keempat, perlu menjauhkan diri daripada perasaan marah atau sompong. Ini pemerintah, tidak boleh marah Yang Berhormat Senator Dato' Nallakaruppan. Tidak boleh sompong, macam saya ini baik.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Boleh? Apa marah? Apa sompong? Siapa sompong? Saya tidak sompong pun. Saya tanya soalan semua. Mana ada sompong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat Senator tidak sompong. Tidak ada yang sompong sini, semuanya baik belaka. Okey, silakan Yang Berhormat.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Jangan cakap itu macam la Yang Berhormat, tidak baik. Itu pun *you* sebut saya punya nama. Betul? Baik, Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Itu bukan sebut contoh yang tidak baik. Saya cuma...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat teruskan, teruskan, teruskan.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Cuma sebut pemerintah ini dia tidak boleh sompong, tidak boleh marah. Kalau Dewan yang mulia ini kita tanya soalan, kadang-kadang kita dapat maklumat. Kita tanya, Yang Berhormat Menteri jawab marah, inilah pembangkang, pembangkang. Sakit juga itu. Jadi tidak bolehlah marah.

Kelima, perlu ada kesanggupan untuk menimba bangkit suasana dan keadaan orang lain. Itu pemerintah, pemerintah dia tidak boleh fikir dia sahaja. Dia tidak boleh kelompok dia sahaja, kerana dia pemerintah kepada semua rakyat. Macam dalam Dewan Negara lah. Saya Ahli Dewan Negara

dua penggal sudah, RM400,000 tidak dapat pun. Ini kena pertimbang. Ini hak saya sebagai seorang Ahli Dewan. Contoh saya bagi itu.

Kita kira sekarang ini gaji polis, banyak yang bagi tahu pada kita gaji polis lebih rendah kalau dibandingkan dengan pegawai-pegawai kerajaan yang lain. Anak lari cari polis, lemas dalam sungai cari polis, kena rompak cari polis tetapi gaji polis rendah. Kita kena timbang, dengan kerja yang dia buat. Semalam saya tengok warta berita, seorang sarjan polis 59 tahun kena hukum satu tahun penjara, RM10,000 denda hanya menukar air kencing dapat RM500. RM500 jahanam segala perkhidmatan dia 30 tahun. Mungkin dia ambil RM500 dia perlu kerana gaji tidak cukup dan sebagainya. Gaji anggota tentera masih rendah dibandingkan dengan pegawai kerajaan yang lain, yang mana mereka itu bekerja boleh kata kalau *emergency* yang macam sekarang ini 24 jam.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh beri laluan sikit? Itu kah alasan untuk rasuah dan disetujui oleh Yang Berhormat?

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Ada juga banyak pandangan mengatakan oleh kerana dia penguat kuasa, tetapi apabila dia gaji tidak cukup dengan kesempatan dia sebagai penguat kuasa dia ambil rasuah. Ini kerana gaji tidak cukup. Itu yang saya sebut benda itu. Jadi, makna kata kita kena timbang. Begitu juga pegawai penjara. Mereka gaji masih rendah kalau hendak dibandingkan dengan penjawat awam yang lain. Bukan saya suruh naik gaji tinggi melambung, serupa gaji Ahli Dewan Negara ini. Tidak naik pun tidak apa, tidak ada masalah. Saya sudah lambung tidak naik juga.

Keenam, perlu cepat melaksanakan kehendak rakyat. Ini pesan Imam Ghazali, cantik Islam ini. Cepat melaksanakan kehendak rakyat, kita kata macam banjir baru-baru ini. Kita tidak perlu kira PAS, tidak perlu kira UMNO lah. Banjir ini ialah satu bencana. Satu bala diturunkan oleh Allah SWT. Tidak perlu kira hendak letak bendera parti sudah. Ini hendak pergi kena letak gambar semua besar. Hari ini amal PAS, hari ini Pemuda UMNO, hari ini Kelab Penyayang. Kawan itu makan pun tidak ada, rumah tenggelam habis sudah. Kita hendak kempen politik apa lagi masa itu? Kena segera, yang MKN ini kena segera. Tidak perlu tunggu arahan. Fasal maklumat yang kita dapat ada tentera, ada PGA kata kami tidak dapat arahan. Ini lambat. Jadi itulah benda-benda yang perlu disegearkan.

Macam di dalam Perlembagaan kita sebut, dalam keadaan sekarang ini sekolah-sekolah agama contohnya termasuklah sekolah agama rakyat, yang paling banyak di Kedah. Saya tidak ingat jumlahnya, lebih kurang 100 lebih sekolah agama rakyat. Kita kadang-kadang tidak faham peruntukan, sedangkan di dalam Perlembagaan ada menyebut, saya tengok ini dalam Perkara 12(2) Perlembagaan Negara. 12(2) di dalam Perlembagaan Negara, dengan jelas menyebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perlembagaan artikel berapa Yang Berhormat?

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan kah atau Perlembagaan?

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Perlembagaan, perlembagaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam Perlembagaan Negara menyebut 12(2), "tiap-tiap kumpulan agama adalah berhak menubuhkan dan menyelenggara institut-institut untuk pelajaran kanak-kanak dalam agama kumpulan itu sendiri." Tidak kira agama apa, "dan tidak boleh ada perbezaan semata-mata oleh

sebab agama dalam mana-mana undang-undang berkaitan dengan institut-institut itu, atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang itu, tetapi adalah sah bagi peruntukan atau sesuatu negeri menubuhkan atau menyelenggara institut-institut Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa pemindaian sebagaimana yang perlu bagi maksud itu.”

Ini untuk Islam sahaja, Perlembagaan sebut. Di peringkat negeri kerajaan negeri boleh buat institusi agama. Rakyat boleh buat, dan kerajaan negeri, kerajaan pusat boleh bantu. Ini yang saya minta kerajaan bagi perhatian. Sekarang ini banyak kelas-kelas tafhib yang dilakukan oleh individu dan banyak yang berjaya. Supaya bantuan diberikan oleh kerajaan dalam hal ini terutama daripada pihak JAKIM. Ini kerana mereka sebenarnya telah menyelamatkan kerajaan di mana kanak-kanak ini dilatih oleh mereka, kanak-kanak ini tidak pergi ke sekolah kebangsaan. Belajar dengan mereka yang akhirnya kanak-kanak ini berguna kepada masyarakat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada dua minit lagi Yang Berhormat.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Tidak sempat habis sudah. Ketujuh, jauhkan maksiat serta jangan tenggelam timbul dalam syariat yang boleh mengaibkan diri dari menunaikan tanggungjawab. Ini yang ketujuh. Cerita masalah hudud di Kelantan. Saya dengar cerita Yang Berhormat Menteri Besar pun sudah jumpa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekarang ini kita fikir macam mana kita hendak cari jalan untuk laksana, jangan cari jalan untuk hendak tolak. Begitu juga dengan rasuah. Rasuah sekarang ini sudah naik balik.

#### ■1610

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Yang Berhormat, minta laluan sedikit pasal hudud. Kerajaan Pusat sebenarnya telah memberi seluas-luasnya peluang kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Baru-baru ini pun hakim telah membuat keputusan supaya hukum hudud dapat dilaksanakan di negeri Kelantan. Akan tetapi sampai sekarang tidak buat pun. Hanya cakap sahaja. Sampai sekarang pun tidak buat. Sudah berpuluhan tahun tidak buat pun... *[Disampuk] Ambo pun ore Kelante boh. Ambo tahu keadaan itu. Terima kasih.*

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Apa yang saya sebutkan sekarang ini ialah supaya mendapat kerjasama semua pihak. Ini kerana baru minggu lepas Menteri Besar Kelantan berjumpa dengan Perdana Menteri dalam hal ini. Saya pun tidak tahu perkembangannya apa. Jadi, sokongan semua pihak haruslah diberikan supaya benda ini, rakyat boleh tengok contoh pelaksanaannya kelak. Saya pun hendak tengok *lagu* mana, nak jadi *lagu* mana...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** *[Bangun]*

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada dua orang di belakang Yang Berhormat itu bangun.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Beri dua-dualah.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan kenyataan yang dikeluarkan tadi, kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Syarie Kelantan pada Majlis Perasmian Kompleks Mahkamah Syariah Kelantan, beliau menyatakan bahawa daripada sudut prasarana, bangunan, logistik, kita telah bersedia untuk melaksanakan

hudud. Akan tetapi, daripada sudut bidang kuasa, dia tidak menyatakan sedemikian kerana banyak lagi bidang kuasa di dalam hudud yang bukan menjadi bidang kuasa kerajaan negeri tetapi bidang kuasa Kerajaan Pusat. Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Ada lagi soalan Yang Berhormat?... *[Bertanya kepada seorang Ahli]* Oh, sama ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, satu minit sahaja lagi, Yang Berhormat *[Ketawa]*

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Tidak apa. Itulah maksud saya tadi macam Yang Berhormat bangkitkan supaya kerjasama kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat, kita boleh melaksanakan benda itu sebab rakyat hendak tengok. Bukan rakyat di Malaysia sahaja hendak tengok, rakyat dunia pun hendak tengok macam mana hudud ini. Jadi, dia tidak dapat elak. Kalau Kelantan sahaja hendak buat, memang dia tidak mampu, memang dia tidak boleh kerana kerajaan negeri. Dia kena kerjasama Federal. Ia balik kepada yang saya katakan tadi ini, *federalism* itu, kerjasama itu dia kena bercantum balik.

Eh! Saya banyak lagi Tuan Yang di-Pertua ini. Kalau saya hendak sentuh *hok nu kot tu*, mana pun tidak kena. Jadi saya rasa setakat itulah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Ezam Mohd Nor.

#### 4.13 ptg.

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan ruang kepada saya untuk membahaskan bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan bersama-sama rakan-rakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Pertamanya kita mengucapkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana masih diberikan kekuatan dan kemampuan untuk membentangkan satu bajet yang cukup baik. Kita ucapkan syabas kepada Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan kerana telah dapat menyampaikan satu bajet yang bukan sahaja merangkumi persoalan bajet bagi tahun 2014 tetapi yang lebih penting untuk mempersiapkan prasarana dan segala elemen yang penting untuk kita menuju kepada sebuah negara maju.

Disebut di dalam ucapan ini tentang memperkuatkkan dasar transformasi nasional semasa dibentangkan Bajet 2010 sebagai paksi pengukuhan dan pemangkin untuk mencapai wawasan 2020. Ini yang disebut oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Memang seharusnya bajet kita menjurus soal negara maju sebab ia hanya tujuh tahun daripada tahun 2020. Jadi, mesti ada *sense of urgency* dan memang selayaknya kita memberikan sepenuh perhatian secara khusus, fokus yang jelas apatah lagi pilihan raya pun sudah selesai.

Sebelum pilihan raya selesai memang tidak boleh hendak fokus. Macam-macam cerita ada. Dahulu kita biasa cerita Hindustan sahaja, sekarang cerita Bangla pun ada. Tapi cerita Bangla dah selesai dah. Dan macam-macamlah, ramalan ahli nujum. Ada yang sampai tidak sempat bersumpah di Istana Negara, bersumpah atas pentas pun ada. Akan tetapi sebenarnya patut

sumpah dalam masjid. Yang itu dia tidak mahu, dia sumpah atas pentas. Tidak apalah. Itu semua sudah selesai.

Sekarang kita hendak tumpukan kepada Bajet 2014 dan yang lebih penting ialah bajet ke arah sebuah negara maju untuk mencapai status negara maju dalam tempoh hanya tujuh tahun dari sekarang. Oleh sebab itu, orientasi kita harus berbeza. Tidak hanya cukup dengan bajet yang lengkap, yang sempurna, *alhamdulillah*, dengan kekuatan daripada Allah SWT, kita masih makmur lagi, ada kekuatan itu, tetapi ia tidak akan memberi makna dan akan memberi masalah kepada kita sekiranya kita tidak betul-betul fokus. Saya sebutkan ini sebab sebelum bajet ini, kita ditampilkan dengan peristiwa-peristiwa yang tidak membayangkan kita menuju ke arah itu. Contoh tentang Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012.

Saya berkesempatan, *alhamdulillah* juga diberikan kesempatan untuk duduk dalam Jawatankuasa Khas Mencegah Rasuah yang dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri dan juga Timbalan Yang di-Pertua Dewan pun ada dalam jawatankuasa itu. Saya bertuah ada Tuan Yang di-Pertua yang cukup terbuka, memberi ruang- ini bukan pasal membodek di depan ini, tapi memang betul dan kita *elaborate* dan saya rasa semua ada laporan JKMR ini yang disediakan kepada kita semua dan kita perhalusi beberapa masalah yang penting.

Soal Laporan Ketua Audit Negara, contohnya, Perkara 2.1. Jelas masalah ini terus berulang. Mengapa ia terus berulang? Banyak kali, sudah bertahun-tahun. Apakah masalahnya? Jawapan yang diberikan selalunya salah laku, ia bukan soal jenayah, ia hanya salah laku kecuaian, tidak boleh dikenakan hukuman atas *the criminal offence*. Kalau itu alasannya, mengapa tidak diubah?

Oleh sebab itu dalam JKMR, kita mencadangkan dengan jelas, harus ada perubahan. Kalau perlu kita ubah Perlumbagaan, undang-undang, kita buat dan ini yang dicadangkan. Akan tetapi kita mahu komitmen dan fokus daripada pihak-pihak yang terbabit. Kita tidak mahu lagi ada alasan-alasan sehingga saban tahun, masuk lagi tahun yang lagi satu ada lagi Laporan Ketua Audit Negara, perkara yang sama berulang. Kita bertanya dalam mesyuarat, penjelasan yang kita minta daripada SPRM dan sebagainya, mengapa perkara ini berlaku.

Ada skru ataupun satu alat yang berharga daripada puluhan ringgit jadi ribuan ringgit. Bukan ratusan ringgit, jadi ribuan ringgit, ribu, *percent*. Mengapa ini berlaku? Penerangan diberikan, contohnya, kerana ini tender pukal katanya. Jadi tender pukal ini kalau contohnya tender RM10 juta, dia yang terendah, jadi dia ambil yang terendah tetapi dia tidak mensegmenkan, diteliti satu-persatu. Jadi dalam tender yang terendah secara total itu, dalam beberapa alat yang dalam tender yang pukal ini, ada harga yang jauh lebih tinggi. Itu menyebabkan mereka terlepas pandang perkara ini.

Oleh sebab itu harus ada perubahan. Harus dilakukan perubahan. Kita perlu ubah, tidak hanya fokus kepada tender pukal contohnya. Ini kita cadangkan dan kita perlukan penjelasan daripada pihak-pihak terbabit. Kementerian Kewangan khususnya harus beri penjelasan macam mana mahu dirubah secara mikro.

Saya sebutkan tadi, sekarang kita sudah hendak masuk negara maju. Tujuh tahun sahaja lagi. Kita tidak boleh lagi bercakap soal makro, cerita yang enak-enak sahaja. Kita harus betul-betul

serius selesaikan perkara ini kerana kalau kita tidak betul-betul fokus, inilah jadinya. Tender pukal ini bukan pertama kali berlaku. Sudah banyak kali berlaku. Bertahun-tahun berlaku.

■1620

Persoalan kita mengapa tidak ada satu penjelasan yang jelas kepada Dewan ini dan juga kepada jawatankuasa yang terbabit untuk memperbetulkan keadaan ini. Dari sudut undang-undang macam itu juga, sudah ada cadangan yang pernah dibuat supaya diubah. Kita mengikut apa yang dilakukan di Hong Kong tentang- pada muka surat 23, saya rujuk kepada laporan ini. Tentang bagaimana dicadangkan supaya bagi kes-kes yang tidak boleh disabitkan hukuman sebagai *criminal offence* yang selama ini hanya disabitkan atas dasar kecuaian, tatatertib dan sebagainya.

Ada cadangan supaya diubah perlunya satu undang-undang iaitu *misconduct in public office* diwujudkan segera, bagi mendakwa individu-individu yang terlibat dalam salah laku awam dan ketidakpatuhan sistem dan prosedur ke mahkamah kerana melibatkan kerugian yang besar kepada negara dan memberi imej yang buruk kepada perkhidmatan awam. Ini dinyatakan dengan jelas. Sebab itu perlu ada agensi seperti saya tekankan sekali lagi, perlu ada *the sense of agency*. Cadangan dibuat, laporan ada, peneliti dibuat dan kita bahaskan tetapi saya rasa kita harus tekankan *the sense of agency* kerana seperti yang saya sebutkan tadi, kita hanya tujuh tahun sahaja menuju ke arah negara maju tahun 2020.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Minta...

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor:** Jadi Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Mohon mencelah.

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor:** Sila, sila.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini, pada pendapat Yang Berhormat, tidakkah ada undang-undang yang boleh mengambil tindakan seumpama ini? Saya fikir memang sudah ada undang-undang untuk kita mengambil tindakan terhadap sama ada dari- cuba saya tidak tahu sama ada undang-undang yang boleh kita bawa mereka itu ke mahkamah oleh sebab salah guna kuasa. Terima kasih.

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim. Kalau setakat yang kita diberikan penerangan oleh Jawatankuasa Pencegahan Rasuah oleh pihak Jabatan Audit Negara sendiri dan oleh pihak SPRM memang tidak cukup dari segi undang-undang untuk mensabitkan mereka yang melakukan kesalahan ini dari sudut jenayah, *to get them to implicate* mereka di dalam mahkamah sebagai a *criminal offence*. Itu tidak ada. Sebab itu mereka hanya dikenakan tindakan tatatertib, digantung, amaran dan mungkin paling tinggi dibuang kerja. Itu tidak cukup untuk memperbetulkan keadaan. Mengapa kita kata tidak cukup, sebab keadaan berulang. Jadi itu membuktikan tidak cukup. Orang tidak takut dan sebab itu kita harus faham. Kita harus ada *the political will* dan ada keberanian untuk merubah. Ini berlaku dan sudah ada cadangan yang dilakukan oleh pihak terbabit. SPRM sudah cadangkan dan hari ini kita dalam Jawatankuasa JKMR yang dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri, kita mempertegaskan.

Oleh sebab itu kita mahu dapat sokongan daripada Dewan Negara ini untuk kita mendesak supaya ada *sense of agency* untuk benar-benar lakukan sesuatu, sebab soal Laporan Ketua Audit Negara ini satu soal yang setiap tahun menyebabkan kita sampai naik muak dan naik jijik pun ada. Sebab itu kita perlu kepada satu pendekatan, orientasi, sikap yang ada *the sense of agency* itu. Ia sesuai dengan semangat yang dilakukan oleh Menteri Kewangan dan Perdana Menteri untuk membawa Malaysia kepada sebuah negara maju dalam hanya tempoh tujuh tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil satu lagi contoh tentang soal ketirisan ini yang disebut dan juga kita perhalusi dalam jawatankuasa ini tentang apa yang berlaku dalam kes *soft loan*, pinjaman mudah dalam kes *National Feedlot Corporation* (NFC), dengan izin. Ia disebutkan dalam laporan ini pada muka surat 12. Namun isu ketirisan dan penyelewengan berkaitan dengan Projek NFC ini telah dilihat memberi tamparan yang besar kepada negara dalam usaha mentransformasikan kerajaan agar menjadi lebih efektif dalam penyampaian perkhidmatan mengenai ketirisan penyalahgunaan pinjaman mudah, *soft loan* oleh NFC. Dalam melaksanakan projek NFC adalah merupakan refleks kepada kelemahan amalan dan sistem tata cara kerja projek besar di bawah kendalian Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ini kenyataan yang disebut oleh SPRM setelah mereka melakukan siasatan. Kita tahu tentang kes ini. Kita tidak mahu melihatnya sebagai satu isu politik atau isu nasional. Kita dapatkan pandangan daripada SPRM dan SPRM mempertegaskan.

JKMR tampilan ini sebagai salah satu daripada perkara yang kita bawa dalam laporan yang dipersembahkan kepada Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan juga di Dewan Rakyat. SPRM setelah di sebut di sini telah menjalankan pemeriksaan berkaitan projek NFC di mana SPRM telah mengenal pasti beberapa kelemahan yang melibatkan undang-undang, dasar serta sistem dan prosedur kerja. Tiga bab itu iaitu undang-undang, dasar serta sistem dan prosedur kerja. JKMR menerima dan meneliti juga menyokong cadangan penambahbaikan oleh SPRM. Dicadangkan di sini 12 cadangan. Saya sebut satu atau dua sahaja. Pertama tentang proses pinjaman mudah, *soft loan*. Apa yang didapati, kelemahan- SPRM mendapati tidak ada sebarang tatacara yang khusus berhubung keseluruhan proses pinjaman mudah. Jadi cadangan SPRM ialah mencadangkan kepada Kementerian Kewangan untuk menyediakan satu garis panduan yang standard, jelas serta telus berhubung dengan pinjaman mudah untuk memastikan perkara ini jelas dan mudah difahami bagi mengelakkan persepsi negatif atau keraguan. Terdapat banyak lagi, 12.

Kedua, garis panduan penetapan jumlah dan faedah pinjaman mudah. Kelemahan SPRM sebut tentang kelemahan tiada garis panduan sekali lagi. Cadangan menyediakan kriteria yang jelas untuk menentukan jumlah sesuatu pinjaman. Terdapat 12 cadangan, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh rujuk muka surat 12, 13, 14, 15, 16, 17 dan 18 cadangan. Persoalannya ialah sejauh mana cadangan SPRM ini diambil serius oleh kementerian-kementerian yang berkenaan dan ditampilkan sebagai satu penambahbaikan yang jelas. Kita tidak mahu cadangan-cadangan ini hanya tinggal cadangan sebab kita tidak mahu ada pula lagi yang selain daripada NFC jugalah pada masa yang akan datang. Sebab itu saya sebutkan tadi, masa kita sekarang ialah untuk fokus kepada isu-isu seperti ini dan dapatkan penjelasan dan komitmen yang serius daripada pihak yang berkenaan...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli: [Bangun]**

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor:** Dalam kes ini disebut beberapa kali, tentunya Kementerian Kewangan sebab ia membabitkan *soft loan* yang diproses yang di peringkat akhirnya di Kementerian Kewangan. Sebelum itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kita tanya kepada pihak SPRM, sudah ada beberapa mesyuarat yang dilakukan. Kita tanya ada mesyuarat? Ya, sila, sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohamad Ezam. Untuk makluman Dewan sekalian, projek NFC adalah salah satu daripada projek yang diluluskan di bawah satu jawatankuasa khas, projek berimpak tinggi yang dipengerusikan ketika itu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Kita difahamkan sebelum daripada ini sudah dijelaskan ada prosedur-prosedur tertentu bagi sebarang projek berimpak tinggi yang diluluskan oleh jawatankuasa ini untuk pengeluaran wang atau dana bantuannya. Akan tetapi dalam projek NFC ini, ianya tidak mengikut sama sekali aturan ataupun garis panduan yang sudah ditetapkan oleh jawatankuasa ini.

■1630

Adakah Yang Berhormat bersetuju, untuk projek ini dan juga mana-mana projek lain yang tidak mengikut garis panduan ini yang menimbulkan sedikit keraguan dan ketidakmunasabahan tentang prosedur ini, mereka yang diberikan tanggungjawab meneruskan projek ini juga harus disiasat dan diambil tindakan. Terima kasih.

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sebelum Yang Berhormat jawab saya hendak jelas sikit lah. Saya harap semua Yang Berhormat baca laporan itu. Laporan itu betul-betul ikhlas, tidak ada bias dan diwakili oleh semua parti. Parti DAP ada, parti PAS ada, parti PKR ada. Sekarang ini kita sudah buat laporan itu, saya rasa kalau Yang Berhormat baca itu, jawapan sudah ada di situ itu. Maknanya kes fidlot ini keputusan sudah dibuat.

Sekarang ini kita kaji segala kelemahan-kelemahan itu prosedur, peraturan, pengeluaran, itu tadi kalau baca saya rasa jawapan semua ada dekat sana. Apa yang penting sekali dalam perkara ini ialah pindaan yang kita cadangkan. Undang-undang SPRM 2009 diluluskan oleh dua Dewan iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Bermakna undang-undang itu sudah berjalan tetapi apabila berjalan didapati ada kelompong-kelompong, kelonggaran yang patut kita tambah baikkan, menutup segala kelemahan-kelemahan.

Seksyen 23 jelas menyatakan di situ bahawa kuasa-kuasa yang - contohnya kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk memperoleh apa-apa suapan sama ada untuk dirinya, saudaranya atau sekutunya. So, di sini kalau dulu, orang akan boleh *declare* dia punya *rights* tetapi dia keluar. *This is legally right morally wrong.* So, dengan kesedaran itu maka kita cadangkan supaya ini diubah, buat satu pindaan.

Jikalau ini dapat kita laksanakan Seksyen 23 dan Seksyen 36, masalah fidlot masa akan datang tidak akan berlaku lagi. Itu lah maksudnya kalau kaji, saya harap Yang Berhormat baca elok-elok, teliti dapat agaknya sama-sama kita dan ini terbuka. Saya rasa, yang penting sekali bila

kita hendak ubah ini. Hendak pinda undang-undang ini. Sekarang ini apabila melibatkan perlombagaan, *don't forget* dengan izin kita perlukan dua per tiga kalau apa-apa pindaan dalam Dewan Rakyat. Kalau tidak mendapat sokongan dua per tiga, minta maaf, tidak akan jadi apa-apa.

Sekarang ini kerajaan kita tidak ada dua per tiga, bermakna Ahli-ahli Yang Berhormat semua tanpa mengira apa parti sekali pun mari lah kita bekerjasama khusus untuk kebaikan. Itu dia punya tujuan apa yang kita maksudkan. Kalau ini dapat *it is a test, it is going to be a precedent of the whole country for the first time*. Maknanya kalau pihak kerajaan saja, ia tidak cukup dua per tiga. Maknanya pindaan tidak boleh buat.

Kita sedar inilah kelemahan-kelemahan untuk kebaikan. Maka jawatankuasa yang semua itu, mewakili parti-parti, mereka sudah menyatakan persetujuan. Akan tetapi agaknya tidak dapat meyakinkan ahli-ahli parti, itu terpulang kepada Yang Berhormat semua lah. Baca baik-baik, apabila sampai masanya, agaknya, apa yang patut kita ubah, kita ubah. Demi untuk kebaikan tetapi jangan sesekali dipolitikkan perkara ini, itu yang penting. Sekian saja lah terima kasih. Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana tolong jawab tadi. *[Ketawa]* Pada pandangan Senator Saiful sahabat saya. Saya nampak dia ke arah Perdana Menteri itu. Tidak mengapa lah hendak ke arah mana-mana pun tetapi ini saya akan bawa kepada seksyen 23 dan seksyen 36 itu. Ini soalnya. Saya hendak memperlihatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kawan-kawan betapa proses untuk menghukum atau memperbetulkan sesuatu keadaan itu bukan mudah. *It is not that simple.*

Sebab itu dia perlukan komitmen semua, soalnya sekarang yang saya lihat ya, komitmen itu tidak menyeluruh. Sebab itu ada masalah-masalah seperti ini, dalam kes NFC, SPRM kalau kita lajui proses ini, kita bersama-sama dengan mereka berhari-hari, Tuan Yang di-Pertua sebagai penggerusi, wakil-wakil daripada semua parti, parti pembangkang pun ada, ada wakil PAS, wakil DAP, wakil PKR, yang tentunya lah daripada Barisan Nasional. Tidak ada yang disorokkan di situ, semuanya terbuka. Kita berhari-hari meneliti satu persatu dan memang kita lihat ada kelompongan daripada undang-undang. Sebab itu kita tidak dapat sabitkan dan bawa beberapa individu untuk menerima hukuman. Sebab itu lah ada - ini bawa kepada perubahan kepada pindaan undang-undang yang membabitkan keperluan untuk mendapat majoriti dua per tiga.

Dalam kes seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah yang membabitkan soal kesalahan yang menggunakan jawatan atau kedudukan untuk memperoleh apa-apa suapan sama ada untuk dirinya, saudaranya atau sekutunya. Ini berlaku dan ini dinyatakan. Ini bukan dinyatakan tahun ini. Kalau kita kaji laporan-laporan sebelum ini, ianya telah dinyatakan setahun dua tahun yang lalu. Akan tetapi tidak ditampilkan secara konkret dan dijadikan undang-undang sebab ada beberapa jabatan yang bertanggungjawab dalam soal untuk mempersiapkan legal *framework* yang jelas untuk di bawa ke Dewan. Itu tidak ditampilkan. Ini soalnya.

Kita menuju ke arah negara maju. Kes rasuah lebih *sophisticated*. Sekarang orang tekan SPRM, saya bukan hendak pertahankan SPRM tapi ini realiti. Sekarang tekankan SPRM, kata Komisi Pembanterasan Korupsi di Indonesia itu jauh nampaknya lebih hebat daripada SPRM. Memang mereka lebih hebat, memang mereka dapat banyak tangkapan, sebab apa? Sebab

pemimpin-pemimpin, orang-orang besar yang melakukan korupsi di Indonesia itu dia baru belajar rasuah ini. Buat korupsi, jadi dia tidak berapa reti, sebab itu kena tangkap, *red-handed* kena tangkap. Sila-sila.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Sedikit penjelasan ya daripada kenyataan Tuan Yang di-Pertua dan juga jawapan Yang Berhormat Ezam tadi. Berkennaan dengan dua per tiga, sefaham saya untuk pinda perlombagaan, kita perlu dua per tiga tetapi untuk pinda akta, hanya *simple majority* dan untuk kita adakan sebarang garis panduan *rules and regulation* tidak perlu di bawa ke Dewan yang mulia ini. Jadi kalau tujuannya untuk kita lebih perkemasan usaha pencegahan rasuah, saya fikir tidak perlu dua per tiga, hanya *simple majority* seperti mana yang kita...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ya kalau Yang Berhormat tengok semua itu ada beberapa cadangan itu agaknya bukan itu saja, ia berkait iaitu yang ada, yang ada perlukan berkaitan dengan perlombagaan. Contohnya mencadangkan supaya Ketua Pesuruhjaya SPRM itu, kuasanya itu, maknanya itu kita masuk kena pinda dalam perlombagaan, kalau tidak perlombagaan tidak ada menimbulkan dan sebagainya. Kena baca semuanya itu, maknanya ada berkait-kait.

Akhir sekalinya ada perlukan - saya sedar bahawa kalau sekiranya akta itu saja, pinda akta itu saja lah, tidak perlukan dua per tiga, *simple majority* pun tidak mengapa. Akan tetapi apabila ada berkaitan, dengan perlombagaan kena ada dapat dua per tiga. Tidak mengapalah Yang Berhormat kita boleh bincang lagi agaknya fasal kalau *time* ini ambil masa saja. Yang Berhormat saya persilakan datang dan kita bincang betul-betul melibatkan Yang Berhormat tahu dari segi undang-undang, legal itu boleh kita sama-sama kita menghayati, kita terbuka ya. *I welcome you* dengan izin. [Ketawa] Okay.

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Boleh mencelah sikit?

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor:** Sila-sila.

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ada kes dulu iaitu Yang Berhormat di Perak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya-ya.

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Dia kata kalau dia jadi Yang Berhormat, satu inci tanah pun dia tidak mahu. Dengar-dengar dia dapat 10,000 ekar tanah dari negeri Kelantan, sedangkan jawatan dia Yang Berhormat juga. Adakah itu pun boleh disabit atau tidak dengan kes SPRM?

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor:** Dia kalau hendak sabit ini macam-macam orang kita sabitlah. Akan tetapi saya hendak melihat perkara ini secara lebih menyeluruh. Mana-mana individu, kita memang *we are very serious here*.

#### ■1640

Kita memang dipandu oleh Pengerusi yang kebetulan Tuan Yang di-Pertua masa kita memperhalusi dan menyampaikan kalau diperhalusi betul-betul, kalau dibaca betul-betul laporan ini kita akan dapat diperlihatkan dengan satu komitmen yang jelas mahu perbetulkan dan mahu menghukum setiap yang melakukan rasuah. Sebab itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tadi mencelah banyak masa Yang Berhormat termakan ini. ada tiga minit lagi Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor:** Okey, okey. Tiga minit lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya terpaksa adil kepada semua. Bila saya kata 30 minit, 30 minit semua. Buat ringkas Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor:** Sebab itu dalam kes macam NFC disebut juga di sini dalam kes Ling Liang Sik PKFZ, banyak wang yang terbabit.

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Kalau boleh saya minta tolong Yang Berhormat bagi laluan.

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor:** Ya, ya sila.

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Dekat Selangor pun ada satu kes ada tanah dahulu saya dengar tanah itu air sahaja. Selepas itu Kerajaan Negeri Selangor beli RM280 juta lebih bawa exco lepas itu hendak *endorse* bawa Dewan Negeri luluskan. Saya pernah tanya yang ini masuk tidak kes SPRM kes rasuah. [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul Yang Berhormat. ini orang lama semua ingat ini... dahulu Datuk Ruslim.

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor:** Ini tanya macam saya pesuruhjaya. Tuan Yang di-Pertua, ini soalan macam saya jadi pesuruhjaya SPRM petang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah, Yang Berhormat teruskan berbahas.

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor:** Akan tetapi yang saya hendak tampilkan ialah memang ada usaha kita yang bersungguh-sungguh hendak menghukum siapa sahaja yang melakukan rasuah. Buktinya apa? Buktinya seksyen 36 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ini sebab selama ini SPRM tidak diberi kuasa untuk mendapatkan mana-mana individu yang dikenal pasti yang mempunyai gaya hidup yang jauh melebihi daripada pendapatan beliau. Sebelum ini tidak ada. Kena ada *report* polis, kena ada laporan baru SPRM boleh masuk. Jadi ini masalah. Sebab itu kita hendak dalam— saya sebut NFC bukan kita ada masalah dengan sesiapa tapi ini contoh sebab itu yang panas sekarang tapi banyak sebenarnya contoh lain NFC, PKFZ dan sebagainya.

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh satu lagi? Ini *last*, penghabisan. Hendak tanya pakar undang-undang Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam di Penang dia selalu cakap CAT (*competency, accountability, transparency*). Semua hendak tender tapi tempoh hari dia keluar satu projek buat jambatan bawah laut RM5.6 bilion tanpa tender. Dengar khabar dia punya konsultan fi pun RM500 juta tanpa tender. Yang ini boleh tidak masuk SPRM ataupun dikira rasuah?

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor:** Memang semua yang melibatkan elemen rasuah itu masuk cuma masalah kita ialah *it's not easy*, bukan mudah untuk menghukum sebab *burden of proof* dalam kes rasuah itu susah. Sebab itu banyak yang tidak puas hati. Ada yang tidak puas hati kes ini, ada yang tidak puas hati kes itu. Ada yang kadang-kadang bila kena kepada lawan, dia marah. Kena kepada kawan dia senyap. Akan tetapi dalam kes ini kita marah kepada semua. Siapa yang rasuah kita marah dan kita memang hendak pastikan dia dihukum sebab itu dalam kes PKFCkah, NFCkah, yang di Penangkah, yang di Selangor tidak kisah mana pun kita cadangkan ada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ini supaya SPRM sekarang ini kalau ini diluluskan

selepas ini SPRM ada sahaja kes dan ada sahaja individu-individu yang dilihat gaya hidupnya, asetnya melebihi daripada pendapatan SPRM akan boleh terus masuk.

Jadi menghukum, *to charge* dan juga menghukum orang melalui akta ini lebih mudah daripada menghukum di bawah Akta Rasuah sebab Akta Rasuah kita cari siapa bagi, bila dia bagi contohnya. Jadi ini yang kita lakukan sebab banyak persoalan macam mana kes-kes besar banyak prosedur tidak betul macam di *Penang*. Itu memang saya tahu terbaru *open tender*. Kata CAT semua tender, tidak ada *direct nego*. Sehari, dua hari lepas dia buat tender tetapi lepas juga sebab tidak cukup di bawah Akta Rasuah untuk mensabitkan dengan rasuah *because this is very difficult*, dengan izin. Susah untuk mensabitkan. Sebab itu dicadangkan sekarang kita tidak hanya bergantung kepada akta rasuah sahaja. Kita akan masukkan akta-akta lain dan ini telah diadakan telah berlaku di tempat-tempat lain dalam kes ini seksyen 36 ini kita ikut apa yang berlaku di Hong Kong seksyen 10 *Prevention of Bribery Ordinance*. Dia ada kuasa, SPRM Hong Kong yang dipanggil ICAC dia ada kuasa untuk masuk. Tidak perlu ada laporan, tidak perlu ada *report* polis dia boleh masuk dan minta mahkamah untuk *declare asset* mana-mana individu, mana-mana pemimpin, mana-mana mereka yang terlibat dalam kes-kes ini untuk mengisyiharkan harta mereka. Ini satu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa amat mencemburi Yang Berhormat kerana saya bersikap adil kepada semua dan sekarang ini cuba Yang Berhormat gulung kerana tadi banyak ada celahan. Saya bagi dua minit lepas itu Yang Berhormat gulunglah. Silakan.

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor:** Baik, baik terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini yang saya hendak tekankan dan kita perlukan komitmen semua dan saya tekankan ini juga sebab kita perlu komitmen daripada mereka yang dipertanggungjawabkan di jabatan-jabatan, di kementerian-kementerian untuk ada *sense of urgency*. Kita mahu pergi kepada negara maju, kita harus benar-benar serius untuk jadi sebuah negara yang maju. Dalam kes akhir sekali tentang elemen negara maju ini. Kita sudah mula rasa walaupun kita tujuh tahun lagi, kita sudah mula rasa ini soal jenayah-jenayah berat ini seperti dadah, pemerdagangan manusia, PATI, senjata api. Ini jenayah-jenayah berat. Ada unsur-unsur rasuah. JKMR kita tanya kepada SPRM *why there is no arrest?* Mengapa tidak ada tangkapan? Padahal kita tahu, kita boleh rasakan. Kita sendiri boleh rasakan *something must be wrong somewhere*. Sesuatu mesti tidak kena yang menyebabkan ini antara bahana sebuah negara maju. Sebab itu perlu ada respons yang cukup tegas, yang pantas daripada pihak-pihak terbabit.

Sebab itu kita cadangkan dalam laporan ini supaya SPRM itu dan badan-badan berkaitan diberikan kuasa, diberikan dana, diberikan bajet yang secukupnya. Perisikan contohnya. Perisikan tentang SPRM sekarang ini kalau hendak dibandingkan dengan perisikan kalau hendak dibandingkan dengan perisikan *special branch* zaman komunis jauh beza walhal ancaman kepada negara hari ini, negara maju ini ialah rasuah, pemerdagangan manusia ini, jenayah-jenayah berat sebegini. Ini ancamannya. Macam mana ancaman komunis itu memberi ancaman besar kepada negara pada satu ketika dahulu dan kita memberikan tumpuan khusus untuk memeranginya, begitulah juga ancaman kepada negara sekarang.

Cuma tumpuan itu kita rasakan belum benar-benar khusus, belum benar-benar membayangi ancaman yang besar ini. Sebab itulah laporan ini ditampilkan dengan semangat yang serius. Kita tidak—*there is no political here* dan kita juga seru kepada semua rakan-rakan ahli politik yang lain, Ahli Yang Berhormat bab-bab rasuah ini jangan politikkan lagi lah. Macam-macamlah. Biasalah ada orang bila dalam kerajaan dahulu dia kata tidak ada rasuah. Keluar sahaja kerajaan, ini semua kerajaan rasuah. Itu politik. Jadi kita tidak mahu lihat dari sudut politik.

Sebab itu persepsi indeks kita masalah walhal kalau kita lihat fakta betul-betul SPRM itu kerja dia, tangkapan yang dibuat itu jauh lebih hebat daripada KPK seperti yang saya sebutkan tadi tetapi mengapa persepsi kita tidak adil kepada apa yang dilakukan oleh SPRM. Sebab kita mempolitikkan soal rasuah. Ini juga salah satu daripada contoh bagaimana kita mahu jadi sebuah negara maju tetapi kita masih punya mentaliti bukan negara maju. Kita masih bermain politik partisan, kita masih melihat soal rasuah ini soal politik. Kita tidak mahu berjiwa besar dan lihat ini soal , ini soal rasuah. Kita tidak akan berjaya Ahli-ahli Yang Berhormat. Percayalah tidak akan berjaya untuk menjadi sebuah negara maju sekiranya kita tidak selesaikan persoalan yang penting.

Sebab itu saya tuntut di Dewan yang mulia ini penjelasan yang jelas daripada kementerian-kementerian yang terbabit dalam soal yang diutarakan oleh laporan JKMR ini kerana kita tidak mahu jawapan-jawapan *general*, jawapan-jawapan kajian. Kita mahu ada *timeframe*. Kalau legal *implication* kena ada *timeframe*, ada masalah bagi tahu. Perlu dua pertiga bagi tahu. Masa itu kita akan perlihatkan keikhlasan. Setakat ini dalam JKMR wakil daripada pembangkang beri komitmen kerana mereka melihat ini satu usaha yang baik dan kita sempat juga berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia juga beri komitmen dalam kes yang memerlukan dua pertiga itu dalam kes Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah untuk menjadikan SPRM ini sebuah suruhanjaya yang setara dengan Ketua Audit Negara dan Peguam Negara.

Disebut dalam ini. Kita jumpa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di bawah pimpinan Tuan Yang di-Pertua dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beri komitmen asalkan ada komitmen daripada semua parti untuk memberi, menaik tarafkan pesuruhjaya SPRM. Ini penting kita hendak selesaikan soal rasuah ini. Kalau pesuruhjaya SPRM tidak punya cukup kuasa untuk melaksanakan, untuk benar-benar kaji cari jalan untuk betul-betul bendung soal ini kita tidak akan capai matlamat kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong. Terima kasih.

#### ■1650

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman.

#### 4.50 ptg.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi kesempatan kepada saya untuk turut membahaskan Bajet 2014 ini yang mana pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan yang telah membentangkan Bajet 2014 ini pada 25 Oktober yang lalu. Bajet 2014 ini menyediakan peruntukan sebanyak RM264.2 bilion iaitu satu peningkatan sebanyak RM12.6 bilion berbanding Bajet 2012 sebanyak RM251.6 bilion.

Dalam Bajet 2014 ini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM29 bilion untuk sektor ekonomi dan RM10.5 bilion untuk sektor sosial seperti pendidikan, kesihatan, kebajikan, perumahan serta pembangunan masyarakat dan RM3.9 bilion untuk sektor keselamatan, manakala RM1.1 bilion bagi pentadbiran am dan juga RM2 bilion bagi simpanan luar jangka. Maka, Bajet 2014 mampu mengimbangi kepentingan sosial dan ekonomi dalam konteks untuk kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara.

Kerajaan memberikan pendekatan kepada lima teras utama dalam Bajet 2014 iaitu merancakkan aktiviti ekonomi, mengukuh pengurusan fiskal, mengunggul modal insan, mempergiatkan pembangunan bandar dan luar bandar dan mensejahterakan kehidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, yang mana saya hendak sentuh sini untuk teras pertama iaitu merancakkan aktiviti ekonomi. Pertamanya saya ingin menyentuh langkah kerajaan dalam Bajet 2014 ini adalah untuk merancak aktiviti ekonomi khususnya sektor perkhidmatan yang merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi dan potensi untuk dimajukan. Sektor perkhidmatan telah menyumbang kepada ekonomi negara kepada 55% pada tahun 2013, berbanding dengan 49.3% pada tahun 2000. Sektor perkhidmatan yang berpotensi adalah sektor logistik, industri penerbangan dan juga sektor pelancongan, akses internet, pasaran kewangan dan sebagainya.

Untuk menggalakkan industri pelancongan, saya ingin menyentuh berhubung dengan industri penerbangan yang menunjukkan peningkatan setiap tahun. Jumlah penumpang di lapangan terbang seluruh negara telah meningkat dari 38.6 juta pada 2012 kepada 43.9 juta pada 2013.

Salah satu objektif Kementerian Pengangkutan adalah untuk menyediakan rangkaian prasarana pengangkutan bersepadu. Pada masa ini, rangkaian penerbangan domestik agak terhad. Umpamanya, penerbangan dari Kuantan hanya ke Kuala Lumpur atau Kota Bharu sahaja. Tiada penerbangan umpamanya ke Kuala Terengganu, Penang, Ipoh dan Johor Bahru. Begitu juga tiada penerbangan dari Kuala Terengganu ke Penang dan Johor Bahru serta ke bandar-bandar besar yang lainnya. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan memberikan galakan kepada syarikat-syarikat penerbangan domestik seperti Firefly dan juga AirAsia bagi memperbanyak lagi penerbangan antara bandar-bandar besar Semenanjung.

Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk membina pusat pengurusan trafik udara baru dengan kos sebanyak RM700 juta di KLIA bagi menggantikan sistem pengurusan trafik sedia ada di Subang. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan bilangan pengawal trafik udara yang sedia ada dan apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan profesionalisme pegawai trafik udara bagi melicinkan dan melancarkan cadangan untuk meningkatkan pergerakan trafik udara dari 68,108 pergerakan setiap jam melalui tiga landasan.

Untuk mengukuhkan pasaran kewangan. Seterusnya berhubung dengan merancakkan aktiviti ekonomi ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan langkah kerajaan bagi mengukuh pasaran kewangan negara khusus dalam pasaran modal Islam. Kedudukan Malaysia sebagai peneraju pasaran modal Islam memberi kelebihan dalam menarik dana dan menerbitkan sekuriti pasaran modal Malaysia yang kini bernilai RM816 bilion, berjaya mengukuhkan ekonomi dengan mencergaskan pasaran bon utama iaitu bon Islam. Pasaran modal Islam terkenal di dunia kerana memenuhi permintaan untuk pelaburan berlandaskan syariah dan penjanaan modal secara meluas. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, sejauh manakah Suruhanjaya Sekuriti telah melaksanakan piawaian-piawaian baru untuk ekuiti berlandaskan syariah untuk menarik lebih banyak pelaburan dari negara-negara Islam khususnya dari Timur Tengah ataupun Asia Barat.

Saya juga ingin mendapat penjelasan bilangan sekuriti patuh syariah sebagaimana yang telah diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS). Saya juga ingin mendapatkan penjelasan langkah kerajaan untuk menarik simpanan dan pelaburan individu dari Timur Tengah atau Asia Barat berhubung dengan pasaran modal Islam ini. Saya juga ingin mendapat penjelasan langkah kerajaan bagi mengembangkan lagi pasaran modal Islam di peringkat global seperti yang digariskan dalam Pelan Induk Pasaran Modal.

Seterusnya dalam Bajet 2014 ini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM6 bilion untuk pelaksanaan program pertanian yang mempunyai nilai tambah yang tinggi dan berdaya komersial. Sehubungan dengan itu saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan aktiviti pertanian seperti pengeluaran buah dan sayuran termasuk pengeluaran produk makanan dan juga kesihatan. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, jumlah pengeluaran produk makanan dan kesihatan bagi tahun 2012 dan jangkaan bagi tahun 2013. Adakah kerajaan bercadang menyediakan kawasan pertanian secara besar-besaran bagi aktiviti pengeluaran buah-buahan dan juga sayur-sayuran?

Tuan Yang di-Pertua, untuk teras keduanya saya hendak menyentuh tentang rasionalisasi subsidi. Seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan teras kedua iaitu mengukuhkan pembesaran fiskal dengan memberikan tumpuan kepada rasionalisasi subsidi. Kerajaan telah membelanjakan hampir RM47 bilion pada tahun 2013 untuk pelbagai jenis subsidi seperti subsidi produk petroleum, barang makanan, kesihatan, pertanian dan juga perikanan, utiliti, tol serta kebajikan dan pendidikan. Produk petroleum merupakan bahagian terbesar subsidi iaitu sebanyak RM28.4 bilion atau 53% yang dinikmati semua golongan termasuk berpendapatan tinggi, peniaga dan warga asing.

Kerajaan dijangka membelanjakan RM185 juta bagi subsidi tepung dan RM85 juta bagi produk 1Malaysia 1Harga. Dalam masa yang sama, kerajaan berjaya menjimatkan subsidi gula sebanyak RM551 juta kerana kerajaan menghapuskan subsidi gula. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk menstruktur semula kaedah pemberian subsidi secara berperingkat bagi memastikan hanya mereka yang layak menikmatinya. Hasil penjimatan penstrukturan subsidi akan diberi secara terus dalam bentuk bantuan tunai dan menampung pembiayaan projek pembangunan kerajaan. Saya ingin mendapatkan penjelasan jenis dan jumlah subsidi yang terpaksa ditanggung

oleh kerajaan bagi tahun 2014 dan langkah kerajaan bagi mengawal peningkatan subsidi kerajaan ini.

Saya juga ingin menyentuh berhubung dengan peruntukan *one-off* iaitu sebanyak RM28 juta bagi tahun 2014 untuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bagi tujuan emolumen pegawai pemantau harga. Saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian KPDNKK itu, sejauh manakah keberkesanan pegawai pemantau harga ini dalam mengawal harga barang di seluruh negara khususnya harga minyak dan sebagainya termasuk dari segi pembekalan barang berkenaan di pasaran.

Selanjutnya saya ingin menyentuh untuk mempercekapkan perkhidmatan awam dan juga komitmen kerajaan untuk terus mengurangkan defisit fiskal. Dalam hubungan ini saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan langkah yang diambil bagi memastikan peruntukan mengurus dan pembangunan dibelanjakan dengan berkesan dan berhemah. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan langkah yang diambil untuk mengurangkan defisit belanjawan negara memandangkan kerajaan telah mengalami defisit belanjawan sejak sekian lama.

#### ■1700

Apakah impak dari segi ekonomi dan kewangan negara akibat dari defisit belanjawan ini dan dari segi jangka pendek dan juga jangka panjang? Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh dasar fiskal dan kewangan negara bagi mengurangkan defisit belanjawan negara? Tuan Yang di-Pertua, seterusnya untuk teras ketiga iaitu mengungguli modal insan. Teras ketiga Bajet 2014 ini adalah mengungguli penyediaan modal insan adalah penting khususnya bagi negara ini yang menuju ke arah sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Dalam hubungan ini, saya ingin mengalu-alukan langkah kerajaan untuk menyediakan modal insan yang berkualiti melalui pendidikan yang berkualiti dan latihan kemahiran tinggi bagi memenuhi pasaran kerja. Selain itu, tenaga kerja juga diterapkan di dalam murni dan berakhlek mulia bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menyentuh dengan Kementerian Sumber Manusia (KSM) mendapat peruntukan sebanyak RM1.4 bilion dalam Bajet 2014. Pertamanya saya ingin menyentuh aktiviti dasar sumber manusia dengan peruntukan RM3.1 juta yang berobjektif menyebar dasar dan merancang program-program pembangunan sumber manusia bagi menghasilkan tenaga kerja yang berkemahiran bagi memenuhi keperluan industri negara. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan sejauh manakah Kementerian Sumber Manusia secara berkesan menyediakan dan mengenal pasti keperluan tenaga kerja negara ini khususnya bagi keperluan industri.

Kementerian Sumber Manusia juga mendapat peruntukan sebanyak RM280.6 juta bagi tahun 2014 bagi aktiviti perkhidmatan latihan di bawah program kemajuan guna manusia. Selain itu, Kementerian Sumber Manusia juga mendapat peruntukan yang besar untuk Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Institut Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC). Saya ingin mendapatkan penjelasan sejauh manakah program-program latihan kemahiran ini telah berjaya melahirkan modal insan yang berkemahiran dan berkualiti bagi memenuhi keperluan industri negara terutama bagi mengantikan pekerja asing di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk bantuan persekolahan pula, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang begitu prihatin kepada kebajikan pelajar terutamanya dari kalangan pelajar yang berkeluarga berpendapatan rendah. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM540 juta dalam Bajet 2014 ini untuk bantuan persekolahan. RM100 kepada semua 5.4 juta pelajar sekolah rendah dan menengah bagi mengurangkan beban kos pendidikan. Bantuan ini akan meringankan beban perbelanjaan persekolahan anak-anak terutamanya ibu bapa yang mempunyai bilangan anak yang ramai. Saya berharap kerajaan akan memanjangkan bantuan ini kepada pelajar-pelajar sekolah agama dan sekolah tafhib swasta. Saya difahamkan pelajar-pelajar ini tidak mendapat bantuan persekolahan RM100 ini sedangkan mereka juga memerlukan perbelanjaan untuk membeli pakaian sekolah, buku dan alat tulis.

Saya juga ingin mengalu-alukan langkah kerajaan meneruskan pemberian Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) bagi penuntut institusi pengajian tinggi dan pra universiti dengan nilai RM250 membabitkan peruntukan sebanyak RM325 juta. Dalam Bajet 2012, nilai BB1M ini adalah sebanyak RM200 tetapi kerajaan telah menaikkan BB1M ini bagi tahun 2013 kepada RM250. Saya yakin langkah kerajaan ini amat dihargai oleh penuntut IPT dan pra universiti yang sebelum ini penuntut-penuntut ini memohon agar nilai baucar dinaikkan. Selain itu, saya berharap kerajaan akan memberikan kawalan dan penyeliaan yang lebih rapi bagi memastikan baucar BB1M ini dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya. Tidak dijual atau ditukarkan kepada alat tulis, peralatan komputer dan sebagainya. Lebih mendukacitakan, ada di kalangan pelajar ini yang telah mengeluarkan baucar ini dan saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan langkah yang telah diambil bagi mengatas masalah ini.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan peruntukan sebanyak RM471 juta kepada Kementerian Pendidikan bagi Bajet 2014 di bawah program Pengukuhan Operasi Pendidikan bagi tujuan Bantuan Dan Kebajikan Pendidikan. Pada tahun 2013, kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM507 juta. Apakah bentuk bantuan dan bidang kebajikan pendidikan yang telah di laksana dan nyatakan golongan pelajar yang telah dan akan mendapat manfaat dari peruntukan ini? Apakah manfaat yang telah diperoleh dari pelajar dari peruntukan bantuan dan kebajikan pelajar ini?

Tuan Yang di-Pertua, untuk teras keempat ini saya ingin menyentuh tentang meningkatkan kesejahteraan bandar. Pada Bajet 2014 ini memperuntukkan sebanyak RM3.9 bilion kepada Kementerian Pembangunan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu meliputi RM2.3 bilion untuk belanja mengurus dan RM1.5 bilion untuk pembangunan. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan antaranya mewujudkan dan melaksanakan perancangan yang setara untuk seluruh negara dan melaksanakan perancangan yang setara untuk sebuah negara dengan memperkuatkannya dan mempergiatkan pembangunan fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar di kawasan bandar dan juga luar bandar.

Saya juga ingin mengalu-alukan langkah kerajaan untuk menubuhkan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi meningkatkan bukan sahaja koordinasi dan kesejahteraan komuniti tetapi juga integrasi dan persefahaman penduduk. Kerajaan bercadang untuk menubuhkan 24 zon JPP di setiap PBT dengan peruntukan

sebanyak RM63 juta. Saya ingin mendapat penjelasan, pertamanya bagaimanakah pemilihan dan pelantikan Ahli JPP ini akan dibuat sama ada ianya diserahkan kepada PBT sendiri.

Kedua, sejauh manakah implikasi kewangan kepada setiap PBT dengan perwujudan JPP ini. Saya ingin mencadangkan garis panduan yang lengkap disediakan kerajaan dari segi pelantikan JPP dan skop tugas dan tanggungjawab kepada semua PBT bagi memastikan objektif dan matlamat penubuhan JPP tercapai benar-benar memberi impak kepada pembangunan sosial masyarakat. Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM4.1 bilion dalam Bajet 2014 untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar termasuklah program pembangunan luar bandar dan projek infrastruktur.

Saya ingin mengalui-alukan langkah kerajaan untuk menyediakan dana berjumlah RM20 juta bagi menggalakkan penyertaan luar bandar dalam bidang usahawan melalui program *Rural Business Challenge* atau Cabaran Perniagaan Luar Bandar merangkumi bidang pengeluaran makanan, ternakan ikan, membaiki kenderaan dan agro-pelancongan. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan mekanisme yang akan digunakan bagi menyalurkan dana ini serta syarat-syarat untuk menyertai program ini. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan penyertaan wanita luar bandar dalam bidang keusahawanan ini. Apakah kerajaan menyediakan khidmat latihan dan juga bimbingan dari segi pengeluaran dan pengurusan perniagaan bagi memastikan kejayaan peserta yang menyertai program ini?

Untuk yang terakhirnya teras kelima iaitu untuk mensejahterakan kehidupan rakyat. Saya ingin menyentuh tentang teras kelima bajet 2014 ini iaitu mensejahterakan kehidupan rakyat yang merangkumi aspek kesejahteraan rakyat, keselamatan dan ketenteraman awam. Pemuliharaan alam sekitar dan juga pengurusan sumber, perkhidmatan, kesihatan berkualiti, peningkatan peranan wanita dan menyejahterakan keluarga dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan langkah kerajaan bagi meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam. Bagi Bajet 2014 ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM8.8 bilion kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan RM13.2 bilion untuk Angkatan Tentera Malaysia.

#### ■1710

Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM200 juta kepada PDRM untuk membanteras jenayah. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, sejauh manakah kejayaan kerajaan bagi mengurangkan kadar jenayah di bawah NKRA. Saya juga ingin mendapat penjelasan kerajaan, sejauh manakah penglibatan swasta dan komuniti setempat dalam menjaga kesejahteraan rakyat?

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, sejauh manakah keberkesanan peranan Persatuan Penduduk Rukun Tetangga iaitu KRT dan RELA dalam mengurangkan kadar jenayah di seluruh negara. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sejauh manakah inisiatif untuk menggembungkan tenaga muda yang berumur 18 tahun ke atas bagi menyertai persatuan penduduk, rukun tetangga dan RELA bagi turut sama menjaga kesejahteraan jiran dan mengurangkan kadar jenayah yang telah berjaya dilaksanakan.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang bidang kesihatan yang mendapat peruntukan sebanyak RM22.1 bilion dalam Bajet 2014 ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan yang telah berjaya menubuhkan 234 Klinik 1Malaysia. Dijangka membangunkan sebanyak 50 klinik 1Malaysia dalam tahun 2014 bagi meningkatkan perkhidmatan kesihatan rakyat termasuk meringankan kos rawatan dan memudahkan akses bagi mendapatkan rawatan.

Bagaimanapun, berhubung dengan Klinik 1Malaysia, saya mendapat maklum balas tentang kekurangan kakitangan di klinik-klinik 1Malaysia ini sehingga membebankan kakitangan perubatan. Jadi, apakah langkah kerajaan bagi memastikan Klinik 1Malaysia ini mempunyai pegawai perubatan dan kakitangan sokongan yang mencukupi? Berhubung dengan kesihatan ini, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan langkah kerajaan bagi meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan rawatan dan kesihatan.

Pada masa ini nisbah doktor dengan pesakit adalah seorang bagi 800 pesakit. Negara dijangka mencapai nisbah seorang doktor bagi 600 penduduk sebagaimana yang digariskan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2015. Malah, dengan 3,500 doktor yang dihasilkan negara setiap tahun, nisbah seorang doktor untuk 400 pesakit akan dicapai menjelang tahun 2020. Begitu pun, saya ingin membangkitkan kelewatian pesakit untuk mendapat rawatan sebagai pesakit luar yang biasanya hanya akan mendapat pemeriksaan doktor selepas dua ataupun tiga jam. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah langkah kerajaan bagi memperbaiki keadaan ini supaya pesakit luar lebih cepat mendapat pemeriksaan oleh doktor? Selain itu, saya berharap klinik kesihatan dan hospital memberikan keutamaan kepada warga emas, kepada pesara dan juga OKU. Saya ingin memuji Hospital Sungai Buloh yang telah melaksanakan amalan ini tetapi agak menghairankan apabila Hospital Selayang tidak pula melaksanakan amalan ini. Saya mohon penjelasan, mengapakah berlaku perbezaan dari segi amalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2014 ini juga menyediakan peruntukan sebanyak RM2.2 bilion kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi memperkuatkhan dan mempertingkatkan aspek pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat dalam bidang sosial, ekonomi, pekerjaan dan sebagainya. Saya ingin menyentuh berhubung dengan program pembangunan wanita melalui aktiviti perancangan pembangunan wanita yang mendapat peruntukan sebanyak RM4.5 juta berbanding RM3.9 juta pada tahun 2013 bagi meningkatkan kesedaran, keupayaan dan kecekapan kaum wanita Malaysia supaya mereka dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan negara melalui perancangan dan pengendalian program serta sistematis dan berkesan.

Pada masa ini terdapat 237 buah rumah dan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga. Saya ingin mendapatkan penjelasan bilangan wanita yang telah pun mendapat latihan dan bantuan geran MPWK bagi tahun 2013. Nyatakan perancangan MPWK bagi tahun 2014 bagi memperkasakan golongan wanita terutamanya ibu tunggal. Berhubung dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini, saya ingin menyentuh tentang dasar baru iaitu tentang perluasan bantuan sosioekonomi JKM yang mendapat peruntukan sebanyak RM144.5 juta. Saya pohon penjelasan kementerian, bentuk bantuan sosioekonomi JKM di bawah peruntukan

ini dan nyatakan golongan sasar yang akan mendapat manfaat dari peruntukan ini serta impak dari segi peningkatan taraf sosioekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2014 ini adalah jelas membuktikan kerajaan yang bertanggungjawab memastikan ekonomi negara akan terus kukuh. Agenda transformasi terus diperkasakan bagi mencapai Wawasan 2020 dan keprihatinan kerajaan kepada semua golongan lapisan rakyat serta slogan, "Janji Ditepati". Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Datuk Dr. Lucas.

#### ■5.15 ptg.

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya pada petang ini di Dewan yang mulia ini bagi membahaskan Bajet 2014, Rang Undang-undang Perbekalan Kewangan 2014.

Pertama sekali, saya juga tidak lupa mengucapkan tahniah dan syabas kepada Tuan Yang di-Pertua kerana dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa SPRM Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan selamat petang, selamat sejahtera, salam 1Malaysia kepada semua rakan-rakan Senator yang berada di Dewan yang mulia ini.

Sebagai rakyat yang mewakili negeri di bawah bayu, saya mengucapkan syukur dan syabas yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak selaku Menteri Kewangan. Ini kerana dengan kebijaksanaan beliau telah mempersempahkan suatu belanjawan negara yang berpaksi kepada rakyat sejagat negara ini tanpa mengira keturunan, agama dan latar belakang dalam negara kita yang tercinta ini. Justeru itu, dengan penuh bangga dan syukur kepada belanjawan yang holistik ini, maka saya terpanggil untuk membahaskan dan mengupas bajet yang adil kepada semua kaum dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya Bajet 2014 adalah satu jaminan kepada penerusan kehidupan yang lebih selesa kepada rakyat keseluruhannya. Ini membuktikan bahawa kepemimpinan Perdana Menteri menerajui negara mengangkat Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 adalah amat diharapkan oleh seluruh rakyat dalam negara ini. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dengan kebijaksanaan beliau dalam mengurus ekonomi negara dengan lebih berhemah, sesuai dengan temanya, "*Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji*".

Segala yang diungkapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Oktober yang lalu di Dewan yang mulia ini mencerminkan ketokohan beliau dalam mengurus ekonomi secara berkesan dan mapan serta penuh berhemah bagi memastikan rakyat dalam negara ini hidup aman damai dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik. Di sebalik yang tersurat dan tersirat dalam bajet ini adalah satu manifestasi Kerajaan Barisan Nasional yang mendukung

agenda transformasi secara *total* dan menyeluruh dalam memenuhi cita rasa dan denyut nadi rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, justeru sekali lagi sebagai Ahli Dewan Negara dari negeri Sabah dan mewakili rakyat dari segenap penjuru bumi Malaysia yang tercinta ini, amat bangga dan gembira mendengar unjuran pertumbuhan yang diungkapkan dalam bajet ini dengan berkembangnya ekonomi negara pada kadar 4.5 hingga 5% dengan disokong dengan pertumbuhan pelaburan swasta sebanyak 16.2% dengan anggaran pelaburan sebanyak RM165 bilion.

Berdasarkan kepada ekonomi global yang dijangka lebih baik, maka ekonomi negara adalah di tahap yang lebih kukuh. Semua ini merupakan keberhasilan yang amat membanggakan kerana kejayaan negara kita meningkatkan pertumbuhan di tengah perekonomian global yang tidak mudah. Justeru itu, syabas dan tahniah kepada pucuk pimpinan negara kerana pertumbuhan ekonomi kita yang kukuh, berimbang dan berterusan. Syabas juga kepada penyertaan aktif sektor swasta yang dapat memperluaskan jaringan perniagaan serantau yang sekali gus menjana kepada peningkatan ekonomi negara.

#### ■1720

Tuan Yang di-Pertua, dalam teras ketiga modul modal insan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melontarkan pandangan beliau sejauh mana kita dapat membangun dan mempersiapkan modal insan atau, dengan izin, *human capital*. Berdasarkan Bajet 2014 sektor pendidikan mendapat peruntukan terbesar iaitu berjumlah RM54.6 bilion atau 21% daripada keseluruhan peruntukan bagi tahun 2014.

Ini selaras dengan hasrat transformasi pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) untuk melahirkan murid yang berpengetahuan dan berdaya saing dan mampu memperkasakan negara yang sedang membangun. Sehubungan dengan itu, PPPM telah menggariskan perubahan besar merangkumi aspek pendekatan pembelajaran murid, kaedah pemberian guru, ganjaran kepada guru dan pemimpin sekolah dan pendekatan pengoperasian kementerian. Tidak dinafikan bahawa pelan ini jelas menggambarkan faktor penambahbaikan penting bagi setiap langkah dalam perjalanan transformasi yang bakal dilalui.

Justeru, perlu kita sedar bahawa sistem pendidikan negara kita adalah tunjang pembangunan negara dalam menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran generasi kini bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran negara. Usaha memperkasakan pendidikan negara menerusi Pelan PPPM mesti dilaksanakan sepeantas tanpa melengah waktu lagi. Semua pihak, baik kementerian mahupun jabatan badan berkanun perlu menggembungkan usaha bersama dan bertanggungjawab dalam menentukan ketepatan sasaran seperti mana digariskan dalam PPPM itu. Dari dalam tahun 2013 hingga 2025. Kita sama-sama memasyarakatkan PPPM yang merupakan satu kerangka holistik. Pada masa yang sama kita perlu juga menangani cabaran-cabaran yang mendatang. Cabaran-cabaran tersebut termasuklah isu kekurangan guru pakar bahasa Inggeris sehingga kita terpaksa mengimport guru-guru pakar dari luar negara dalam bidang ini. Apakah penyelesaian masalah ini oleh Kementerian Pendidikan dalam jangka masa panjang.

Sekolah satu sesi menjadi isu yang belum berakhir di Sabah dan Sarawak. Rumah guru menjadi kelas kerana kekurangan tempat belajar di sekolah-sekolah luar bandar, sekolah kurang murid serta kelengkapan jalur lebar atau ICT yang menjadi rintihan di sekolah-sekolah pedalaman. Bagaimana kementerian dapat menyelesaikan masalah-masalah ini agar tidak menjadi kekangan dalam memperkasakan pendidikan negara ke arah menjadikan pendidikan negara bertaraf dunia pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, ringkasnya kemudahan infrastruktur perlu dibangunkan secara bersepadu. Contohnya, keperluan sekolah dari segi tenaga pengajar dan kakitangan sokongan perlu seiring kerana dalam PPPM itu sendiri ingin mengutamakan keperluan-keperluan ini bagi memperkasakan pendidikan negara.

Selaras dengan dasar penurunan kuasa, saya juga mohon menarik perhatian di Dewan yang mulia ini agar prinsip *decentralized*, dengan izin, diberikan kepada Pengarah Pendidikan Negeri Sabah dan membuat keputusan seiringan dengan pemerkasaan PPPM itu sendiri. Perkara ini amat penting bagi memastikan matlamat peruntukan Bajet 2014 yang diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencapai sasaran dalam konteks pembangunan secara menyeluruh. Sekali gus dapat mempercepatkan kelancaran sesuatu projek ataupun program yang dirancang oleh kementerian.

Misalnya dalam Bajet 2014 jumlah RM450 juta untuk Tabung Khas Pembinaan, Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah. Ini termasuk RM100 juta untuk sekolah kebangsaan, RM50 juta untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, sekolah mualigh, sekolah berasrama penuh, Maktab Rendah Sains MARA, sekolah agama bantuan kerajaan dan Sekolah Agama Rakyat (SAR). Saya menyeru kepada masyarakat bumiputra termasuk generasi muda agar merebut peluang-peluang menyertai kursus-kursus latihan kemahiran yang ditawarkan seperti mana yang disebut di dalam Bajet 2014 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menekankan mengenai GST penting untuk negara membangun dan GST merupakan sistem percukaian yang adil. Cukai barang dan perkhidmatan GST merupakan satu sistem percukaian yang adil kerana ia mengagihkan beban percukaian dalam kalangan kelompok penduduk secara lebih meluas berdasarkan jumlah pengguna serta menetapkan jenis dan kuantum cukai yang perlu dibayar seorang pengguna bagi barang dan perkhidmatan yang digunakan. Negara terlalu bergantung kepada cukai pendapatan individu dan badan korporat. Daripada lebih kurang daripada 28 juta penduduk Malaysia sekarang, tidak sampai dua juta adalah pembayar cukai pendapatan. Mengikut Profesor Dr. Shazali Abu Mansor daripada Fakulti Ekonomi dan Perniagaan di Universiti Malaysia Sarawak berkata bahawa sistem percukaian diperkenalkan ini lebih telus kerana pengguna mengetahui jenis-jenis cukai yang mereka bayar serta jumlahnya.

Orang miskin tidak perlu bimbang kerana mereka hanya membayar jumlah minimum. Memandangkan mereka menggunakan barang dan perkhidmatan perlu sahaja seperti makanan, pengangkutan dan pendidikan yang mungkin sifar kadarnya dan pengguna tidak perlu membayar cukai tambahan. Jadi, cukai dikenakan terhadap mereka yang mampu berbelanja sahaja.

Memandangkan golongan lebih berada dan kaya menggunakan lebih banyak barang perkhidmatan maka secara automatik mereka yang banyak dikenakan cukai di bawah GST. Bukan golongan berpendapatan rendah. GST perlu dilaksanakan sejak lama dahulu dan pihak yang mempunyai keraguan supaya melihat kes kejayaan GST di seluruh dunia serta memahami betapa perlunya GST turut dilaksanakan di dalam negara kita yang tercinta ini.

Menurut Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) kini GST dilaksanakan di lebih 160 buah negara. Kerajaan akan memperoleh hasil mencukupi bagi menjana pertumbuhan dan membiayai lebih banyak projek pembangunan. Untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 kerajaan perlu melakukan reformasi terhadap sistem percukaian sedia ada bagi memacu perniagaan dan pembangunan. Reformasi percukaian seperti memperkenalkan GST mungkin mengundang lebih banyak kritikan kepada peringkat awalnya. Namun dari segi ekonomi ia merupakan satu keputusan yang tepat oleh kerajaan.

Oleh itu saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, agar kerajaan perlu menghalang kenaikan barang bagi memastikan ia tidak membebankan kumpulan berpendapatan sederhana dan rendah. Pelaksanaan GST tepat pada masanya, sejajar dengan hasrat Malaysia untuk mencapai status negara maju...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh beri laluan?

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Ya, silakan Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Dalam ucapan Yang Berhormat ada lebih daripada 160 negara yang melaksanakan GST tetapi kita dapat pihak yang tertentu memang *object*, tidak puas hati dengan melaksanakan GST. Jadi, *implication* di sini yang 160 negara itu yang praktis GST ialah tidak betul atau mereka tidak cukup cerdik.

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Yang Berhormat memang negara-negara ini memang cerdik dan cukup sebab mereka negara-negara yang membangun. Terima kasih. Pengguna harus sedar bahawa melalui pelaksanaan GST harga satu barang dan perkhidmatan adalah rendah berbanding di bawah pelaksanaan sistem percukaian cukai sedia ada kerana ia mengelak daripada cukai berganda.

Bagi memastikan keberkesanan kefahaman masyarakat yang belum memahami konsep GST maka saya mencadangkan agar kerajaan melaksana lebih banyak aktiviti penerangan seperti forum mengenai GST di bandar dan luar bandar bagi mengelak wujudnya salah tanggapan dan kekeliruan orang ramai serta menepis dakwaan sesetengah pihak kononnya GST akan membebankan pengguna. Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan mengeluarkan buku panduan harga yang menunjukkan perbezaan harga barang dan perkhidmatan sebelum dan selepas pelaksanaan GST.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menyentuh tentang keperluan penyukatan tanah adat di negeri Sabah dan Sarawak. Tanah adat dengan izin, *Native Customary Rights* (NCR) merupakan hak istimewa kepada anak negeri Sabah yang telah menetap dan mengusahakan tanah kerajaan untuk tujuan sara hidup selama tiga tahun berturut-turut, tertakluk kepada seksyen 65 di bawah Ordinan Tanah Negeri.

**■1730**

Di Negeri Sabah, isu menyelesaikan tanah adat Kerajaan Negeri Sabah melalui Jabatan Tanah dan Ukur telah mewujudkan pemberi milikan tanah terancang *fast track* untuk pengeluaran Geran Komunal. Melalui Geran Komunal, *beneficiary* yang bersetuju mengadakan usahawan dengan pihak pemaju, maka mereka akan mendapat peluang pekerjaan dan peluang perniagaan. Sekiranya *beneficiary* ingin mengusahakan tanah tersebut secara sendiri, maka hasil keuntungan bergantung kepada usaha mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah tanah adat di Sabah, kerajaan negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah, sentiasa peka dan proaktif dalam penyelesaian masalah tuntutan tanah adat. Beliau yang memperkenalkan Geran Komunal selama ini telah dapat menyelesaikan penyelesaian pertindihan tanah adat. Contohnya 1,000 keluarga yang terjejas di 35 buah kampung di Kota Marudu, Sabah, masing-masing diberi tanah seluas 20 ekar setiap keluarga.

Peruntukan RM50 juta yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Oktober lepas untuk pengukuran tanah adat amatlah dialu-alukan oleh rakyat negeri Sabah dan Sarawak. Sekali gus mengurangkan perbalahan antara kerajaan negeri dengan penduduk-penduduknya. Peruntukan ini juga membuktikan keikhlasan Perdana Menteri sentiasa prihatin terhadap golongan bumiputera Sabah dan Sarawak yang menghadapi kesukaran dalam proses pemilikan tanah adat.

Pada hemat saya Tuan Yang di-Pertua, tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini memang kena pada tempatnya. Kerana apa? Ini kerana bumiputera Sabah dan Sarawak yang menduduki luar-luar bandar merupakan penyokong setia yang menyumbang kepada penubuhan Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini [*Tepuk*] Jadi, sudah semestinya mereka perlu dibantu dalam masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memperkasakan agenda ekonomi bumiputera, kita sebagai rakyat Malaysia merasa begitu bangga sekali apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan Program Pemerkasaan Agenda Ekonomi Bumiputera bagi orang-orang Melayu dan bumiputera baru-baru ini. Ini menunjukkan bahawa bumiputera masih memerlukan bantuan dan pertolongan dan sudah semestinya mereka perlu dibantu. Mengambil perkiraan, contohnya kemenangan Barisan Nasional dalam PRU ke-13, semua pihak sudah jelas bahawa sokongan kuat Barisan Nasional terdiri daripada penduduk luar bandar di mana majoriti kaum bumiputera mendiaminya.

Dengan hal yang demikian, saya memohon kepada Kementerian Luar Bandar dan Wilayah agar terus meningkatkan peruntukan di luar-luar bandar supaya kesejahteraan penduduk di kawasan berkenaan sentiasa terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet sebelum ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menekankan dengan pembangunan inklusif yang mana inovasi pembangunan inklusif dapat terus diperkuuh dan di arus perdana dalam semua sektor dan segenap lapisan masyarakat ke arah sebuah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Inisiatif ini diterajui oleh

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Saya mohon kepada kementerian agar kumpulan sasar Program Inovasi Inklusif ini dapat dikenal pasti inovasi yang dilakukan oleh masyarakat akar umbi serta masyarakat luar bandar untuk membantu mereka mengkomersialkan hasil inovasi mereka. Dalam pada itu, saya juga menyeru dan memohon kepada Kementerian Pendidikan agar mengurangkan bebanan anak-anak dari luar bandar yang sedang menuntut di IPTA dan IPTS agar dikurangkan yuran pengajian tinggi mereka sebagai langkah membantu pelajar menghadapi peningkatan kos sara hidup.

Saya dimaklumkan oleh beberapa orang ibu bapa pelajar-pelajar yang sedang menuntut di UiTM Sabah yang rata-ratanya berasal dari desa-desa terpencil mengatakan bahawa anak-anak mereka terpaksa menyewa di luar kampus disebabkan oleh kekurangan bilik di asrama. Bayangkan, sekiranya anak seorang penoreh getah, anak seorang petani, pendapatan tidak seberapa. Sudahlah mereka membayar yuran pengajian, mereka juga perlu membayar kos sara hidup yang semakin hari semakin tinggi.

Justeru itu, saya pohon kepada Kementerian Pendidikan agar menyediakan dana khas bagi pelajar-pelajar yang kurang keupayaan dan tidak mendapat biasiswa agar diberi bantuan dalam menangani masalah mereka semasa dalam pengajian. Kita jangan lupa, kita jangan alpa, para ibu bapa dari luar bandar, merekalah yang dapat menyumbang besar dalam mencorakkan masa hadapan negara bila tiba masanya pilihan raya. Bijak bestari berkata seperti yang diungkapkan oleh Perdana Menteri, orang berbudi kita berbahasa tetapi kata orang Sabah, ada ubi ada batas, ada budi ada balas. Jadi kerajaan tidak melupakan sokongan penduduk luar bandar yang telah sama menzahirkan ikatan sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional pada Pilihanraya Umum Ke-13 baru-baru ini.

Justeru itu, saya mohon mencadangkan agar masyarakat Murut di negeri Sabah yang majoritinya mendiami daerah-daerah pedalaman di negeri Sabah diberi peruntukan khas oleh kerajaan untuk meningkatkan pencapaian pelajaran dan latihan kemahiran. Saya juga mohon mencadangkan agar golongan ini dapat diberi ruang dan peluang menceburi bidang perniagaan dan kontrak bagi memperbaiki ekonomi mereka yang agak tertinggal jauh berbanding kaum-kaum minoriti lain dalam negara ini.

Pantun di bawah ini Tuan Yang di-Pertua, boleh diambil sebagai gambaran masyarakat Murut di Sabah yang sentiasa mendukung perjuangan Barisan Nasional dalam setiap pilihan raya.

*Pulau Manukan jauh ke tengah,  
Gunung Kinabalu ku daki juga,  
Hancur badan dikandung tanah,  
Budi BN dikenang jua [Tepuk]*

Begitulah seadanya yang boleh diterjemahkan oleh golongan kaum ini yang selalu setia terhadap Barisan Nasional. Dengan kata-kata dan hujah sedemikian, maka Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Pau Chiong Ung. Silakan Yang Berhormat.

### 5.38 ptg.

**Datuk Pau Chiong Ung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Bajet 2014. Perkara yang saya ingin menyentuh adalah berkaitan dengan beberapa kementerian seperti berikut.

Pertama, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Tuan Yang di-Pertua, kita berterima kasih atas prihatin kerajaan yang memberikan peruntukan besar bagi menyediakan kelengkapan infrastruktur termasuk jalan raya, bekalan air bersih dan bekalan elektrik di kawasan luar bandar negeri Sarawak dan Sabah. Projek-projek tersebut telah pun meningkatkan kebajikan dan taraf kehidupan penduduk luar bandar.

Antara projek-projek yang dilaksanakan, banyak projek telah pun disiapkan dengan lancar. Akan tetapi juga terdapat projek-projek yang menghadapi pelbagai masalah semasa pelaksanaan sehingga ia gagal mencapai matlamat asal projek untuk menaikkan taraf hidup penduduk luar bandar. Projek-projek bermasalah yang dimaksudkan adalah berasal daripada aduan penduduk luar bandar seperti yang ada paip air yang lama siap ditanam tetapi belum disambung dengan bekalan air, tiang lampu yang lama siap didirikan tetapi belum ada bekalan elektrik. Masalah-masalah sedemikian mungkin disebabkan oleh kekurangan penyelarasan komunikasi antara jabatan-jabatan berkaitan. Akan tetapi, kebanyakan rakyat tidak akan hiraukan apakah sebab-sebab kelewatan projek.

Aduan yang sering dibangkitkan oleh mereka adalah kita bukan mahu tengok paip air, bukan mahu tengok tiang elektrik sahaja, kita mahu bekalan air dan elektrik.

#### ■1740

Rakyat berharap semasa pelaksanaan projek-projek, jabatan-jabatan berkaitan perlu membuat perancangan rapi dan teratur termasuk penjelasan komunikasi antara jabatan-jabatan yang sebenar supaya bekalan air dan elektrik dapat terus dibekalkan semasa paip air dan tiang elektrik siap dibina. Terdapat juga masalah-masalah projek yang diakibatkan oleh kekurangan keupayaan dan keberkesanan kontraktor. Jabatan-jabatan seharusnya mematuhi prosedur pemilihan kontraktor yang ditetapkan secara tegas dalam proses pemilihan kontraktor supaya kontraktor yang dipilih adalah berkeupayaan dan projek-projek dapat disiapkan dengan lancar dan sempurna. Jangan biarkan projek-projek yang asalnya berniat bagus untuk membantu rakyat tetapi akhirnya menjadi buah mulut dan alasan rakyat menyalahkan kerajaan akibat daripada kelambatan projek. Masalah-masalah sedemikian juga mendatangkan tekanan besar kepada pemimpin tempatan kerana selalu ditanya-tanya status projek. Jawapan yang diberikan susah untuk melegakan ketidakpuasan hati rakyat di luar bandar.

Keduanya, Kementerian Kerja Raya. Tuan Yang di-Pertua, selama ini keadaan jalan Pan Borneo yang menghubungi Sarawak dan Sabah merupakan salah satu isu utama yang amat diti坑beratkan oleh wakil-wakil rakyat dan rakyat di Sarawak dan Sabah. Setiap kali berlakunya kemalangan jalan raya serius di jalan tersebut semua pihak akan menyalahkan Jabatan Kerja Raya dan kerajaan. Seperti yang diketahui oleh semua, ekoran daripada perkembangan ekonomi yang pesat di kedua-dua negeri tersebut, aliran trafik di jalan Pan Borneo Sarawak dan Sabah telah pun banyak meningkat. Rekaan asas jalan tersebut tidak memadai untuk menampung keberatan

kenderaan-kenderaan berat yang kini bergerak di atasnya. Dengan asas jalan yang ada sekarang, penurapan semula masih tidak mencukupi untuk menampung keberatan kenderaan berat masa kini.

Bajet 2014 memperuntukkan RM500 milion bagi tujuan menaik taraf dan membesarkan jalan Pan Borneo. Semua ini hanya dapat melegakan keadaan sementara waktu sahaja tetapi tidak akan menyelesaikan masalah ke akar umbi. Penurapan semula hanya mencantikkan permukaan jalan di mana jalan tersebut nampak macam sudah rata tetapi selepas kenderaan-kenderaan berat berjalan ulang-alik di atasnya, asas jalan yang kurang kukuh akan menyebabkan jalan berlubang-lubang lagi dan kembali ke keadaan asal sebelum penurapan semula.

Bagi menyelesaikan masalah asas jalan Pan Borneo, ia perlu dikorek semula dan perbaiki mulai dari asas jalan ke permukaan jalan. Barulah ia dapat menampung keberatan kenderaan berat masa kini. Namun terus difahamkan bahawa sekiranya perbaiki dari asas jalan, projek tersebut akan memakan belanja yang besar dan masa yang panjang. Bukan satu pilihan penyelesaian jangka panjang yang paling baik. Saya pernah bercadang supaya kerajaan mempertimbangkan untuk menjalinkan pelabuhan-pelabuhan ke bandar-bandar utama Sarawak dan Sabah dengan membina jaringan landasan kereta api supaya kargo-kargo berat dapat diangkut melalui landasan kereta api. Kos pembinaan landasan kereta api hanya sekali sahaja dan kos penyelenggaraan amatlah rendah berbanding dengan jalan raya. Dengan adanya landasan kereta api dijangka kos pengangkutan akan turun. Ekoran daripada penurunan kos pengangkutan, kos barang turut akan turun dan peniaga-peniaga dapat menjual barang dengan harga yang lebih rendah. Keadaan ini sudah tentu akan mendatangkan manfaat besar kepada rakyat setempat.

Selain itu kargo besar termasuk kontena-kontena tidak perlu lagi diangkut melalui jalan raya. Bilangan kenderaan berat yang berjalan di atas jalan Pan Borneo turut akan berkurangan. Secara langsung ia mengurangkan beban jalan raya dan terus mengurangkan kos penyelenggaraan jalan raya. Dengan kekurangan kenderaan-kenderaan berat sepanjang di jalan raya sudah tentu akan terus meningkatkan tahap keselamatan di jalan raya. Kos subsidi minyak terus boleh dikurangkan kerana bilangan kenderaan berat yang ada di jalan raya sudah berkurangan. Masalah pencemaran udara turut boleh dikurangkan bersama-sama bagi membentuk suasana alam sekitar yang lebih sihat.

Sebenarnya Kerajaan Negeri Sarawak telah pun melantik syarikat perunding untuk membuat rancangan dan rekaan rangkaian landasan kereta api dan mempunyai konsep permulaan. Mohon agar pihak Kerajaan Persekutuan dapat memberikan bantuan dari segi kewangan bagi mempercepatkan projek tersebut. Memandangkan pada masa kini pengusaha-pengusaha pengangkutan terus menghadapi pelbagai masalah seperti keadaan jalan yang tidak bagus, kadar kerosakan kenderaan berat yang tinggi dan kesusahan mengupah pemandu lori yang berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, ketiganya Kementerian Kewangan – Cukai GST. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2014 menjelaskan bahawa cukai GST akan dikuatkuasakan mulai bulan April 2015 dan kerajaan akan diberikan 18 bulan sebagai tempoh penyesuaian. Dengan pelaksanaan GST, 10% cukai perkhidmatan dan 6% cukai kerajaan akan

digantikan. Walaupun kerajaan sudah pun menjelaskan bahawa barang-barangan keperluan harian tertentu dan sebahagian kos perubatan dan barangan tertentu tidak akan dikenakan GST. Akan tetapi rakyat masih amat keliru dengan sistem cukai GST baru tersebut. Keadaan bertambah teruk di mana terdapat pihak yang mempunyai agenda tertentu dan pihak yang kurang memahami konsep keseluruhan GST tetapi mereka menyebarkan informasi-informasi yang kurang tepat menyebabkan rakyat lagi keliru. Saya menyeru agar pihak jabatan dapat menjelaskan kelebihan dan kekurangan GST kepada rakyat sebelum dilaksanakan dan memberikan peluang untuk rakyat menyarankan pandangan dan soalan. Walaupun Kementerian Kewangan telah pun memberi ceramah, "Hari Memahami GST" ke seluruh pelosok negara, tetapi kebanyakan tertumpu di bandar besar dan kehadiran amat terhad kepada pegawai-pegawai kerajaan. Kebanyakan rakyat tidak berminat menghadiri ceramah sedemikian dan terdapat ramai wakil rakyat sendiri turut tidak memahami GST secara menyeluruh. Mereka yang tinggal di luar bandar, kampung dan bandar kecil tidak menerima penjelasan dan informasi yang tepat dan lengkap.

Kehadiran ini menyebabkan kebanyakan penduduk tersebut memahami GST melalui perbualan kopitiam atau cerita orang kampung. Informasi-informasi kurang tepat yang diterima itu mengakibatkan salah faham besar antara rakyat dengan kerajaan. Kerajaan diseru agar membuat kajian terhadap sistem dan langkah-langkah negara lain dalam penguatkuasaan sistem cukai baru GST. Seperti pada permulaannya dikenakan GST yang lebih rendah seperti 3% kepada 4% dan dinaikkan secara ansuran pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah telah pun mengenakan *tax government, sales tax* ke atas pengusaha-pengusaha kelapa sawit (CPO) dalam negeri iaitu 5% di negeri Sarawak dan 7.5% di Sabah. Pengusaha CPO terus memindahkan sebahagian cukai tersebut kepada pengeluar-pengeluar minyak kelapa sawit iaitu FFB. Ditambah lagi dengan *East Coast discount*. Harga FFB di negeri Sarawak dan Sabah selama ini memang lebih rendah daripada Semenanjung di mana jurang harga antara dua kawasan adalah di antara 11.5% ke 13.5%.

#### ■1750

Apabila GST dikuatkuasakan dan sekiranya CPO atau FAP turut dikenakan dengan GST, CPO negeri Sarawak, Sabah bukan sahaja perlu membayar *government sales tax* kepada kerajaan negeri tetapi perlu membayar juga GST. Sudah tentu ia akan mendatangkan impak besar kepada CPO atau FAP Sarawak dan Sabah terutamanya kebanyakannya mereka adalah SME dan pekebun kecil. Minta penjelasan kementerian sama ada kerajaan sudah memutuskan CPO dan FAP akan dikenakan GST. Sekiranya ya, bolehkah kerajaan mempertimbangkan untuk memberikan pengecualian cukai atau potongan cukai kepada CPO Sarawak, Sabah memandangkan mereka sudah membayar *sales government tax* kepada kerajaan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Projek Penjanaan Hidroelektrik Bakun. Syabas saya ucapkan kepada kerajaan di mana projek SCORE yang dilancarkan di negeri Sarawak telah pun berjaya menarik banyak pelaburan asing. Kejayaan projek SCORE Sarawak amatlah bergantung kepada keupayaan penjanaan hidroelektrik Bakun dan kelengkapan-kelengkapan asas termasuk jalan raya, bekalan air bersih dan elektrik serta perkhidmatan pelabuhan. Terdapat berita sistem

penjanaan hidroelektrik Bakun menghadapi masalah-masalah teknikal tertentu. Saya harap pihak berkaitan dapat menyelesaikan masalah secepat mungkin supaya keyakinan pelabur asing tidak goyang dan pelabur meningkat di situ.

Seterusnya yang keempat Kementerian Sumber Manusia. Sekian lama kita menyentuh tentang masalah-masalah berkaitan dengan buruh asing seperti bilangan buruh asing yang semakin meningkat sehingga menimbulkan persaingan ketat kepada warganegara untuk mendapatkan kerja. Sesetengah bidang pekerjaan yang sebelum ini dikuasai oleh warganegara sekarang mulai dikuasai oleh buruh asing. Antara buruh asing yang berada di negara kita disyaki segolongan daripada mereka terbabit dalam aktiviti-aktiviti jenayah atau yang kurang sihat dan menjadi faktor utama ancaman keselamatan awam negara.

Semasa kes-kes jenayah berlaku, persoalan seperti mengapa negara kita memerlukan begitu ramai buruh asing sering dibangkitkan dan selalu juga jabatan-jabatan tertentu dituntut tidak menjalankan tugas. Malangnya, jarang kita dengar mana-mana pihak mencadangkan kaedah atau pendekatan praktikal yang dapat membantu negara kita mengurangkan penggantungan terhadap tenaga buruh asing. Sebagai contoh, kerja memotong rumput padang-padang sukan atau tepi jalan raya dan lain-lain. Sehingga kini kebanyakan agensi berkuasa tempatan atau agensi kesukaran masih menggunakan tenaga manusia untuk memotong rumput. Adalah diseru agar mempertimbangkan untuk memperbaiki kualiti dasar padang supaya dapat menggunakan mesin-mesin untuk memotong rumput bukan sahaja menjimatkan masa tetapi juga menjimatkan tenaga manusia. Jikalau sebidang padang memerlukan tiga sehingga lima orang bekerja untuk memotong rumput secara berkala, boleh bayangkan berapakah padang yang kita ada dalam negara yang akan melibatkan beberapa orang pekerja yang terlibat dalam kerja tersebut.

Apabila mesin digunakan, ramai tenaga pekerja boleh dijimatkan dan tenaga pekerja yang dijimatkan boleh dipindah ke bidang pekerjaan yang lain yang secara langsung akan mengurangkan pergantungan kita terhadap buruh asing. Suatu fenomena yang kurang sihat di negara kita sekarang adalah ramai orang akan menyalahi pihak atau orang tertentu semasa masalah timbul dan tidak ada orang akan mengkaji sebab-sebab masalah tersebut sehingga akan ambil serta mencadangkan cara penyelesaian berkesan. Sebagai contoh Jalan Pan Borneo, semasa kemalangan, turut berlaku banyak pihak menuduh kerajaan tidak memberikan peruntukan yang cukup, kerja penyelenggaraan tidak memuaskan dan lain-lain tetapi tidak ada orang akan fikir dan kaji sebab-sebab utama masalah tersebut sekiranya dasar Jalan Borneo tidak dibina semula dan tingkatkan kualiti. Walaupun peruntukan diberikan untuk menurap semula, ia tidak akan selesaikan masalah tersebut dalam jangka masa panjang.

Begitu juga dengan masalah buruh asing yang berleluasa. Penglibatan buruh asing dalam aktiviti jenayah. Ramai orang akan jerit-jerit, tertanya-tanya mengapa kita membenarkan, memerlukan buruh asing yang begitu ramai tetapi kurang kita dengar cadangan atau cara-cara mengurangkan pergantungan buruh asing dalam pelbagai bidang terutamanya bidang-bidang pekerjaan yang berasaskan tenaga buruh seperti menggantikan tenaga buruh dengan mesin secara ansuran dan pada masa yang sama mengurangkan kilang-kilang berasaskan tenaga buruh.

Sekiranya kita tidak merangka polisi penyelesaian jangka panjang, situasi pergantungan buruh asing akan semakin serius dan masalah buruh asing tidak akan dapat dikurangkan. Kelonggaran penguatkuasaan merupakan salah satu isu yang perlu diberikan perhatian segera. Sebenarnya jikalau berbanding dengan negara-negara membangun yang lain, undang-undang negara kita bolehlah dianggap amatlah sempurna dan lengkap tetapi sering timbul masalah kelonggaran semasa penguatkuasaan. Jabatan-jabatan berkaitan selalu dapat membekalkan sedikit tepat berkenaan bilangan asing haram. Orang awam pun jelas mengetahui di mana buruh asing haram menetap sehingga sesetengah tempat dikenali sebagai kampung Indonesia atau kampung Bangladesh dan lain-lain lagi. Jikalau orang awam pun tahu tempat tersebut, apa sebab jabatan berkaitan tidak tahu tempat itu dan mengapa tidak mengambil tindakan segera.

Jalan Petaling atau Petaling Street yang sebelum ini terkenal sebagai tempat penjaja tempatan berkumpul sudah pun menjadi syurga buruh asing haram menyorok dan meniaga. Tidak akanlah pihak penguat kuasa tidak tahu perkara ini. Terdapat segolongan kecil berpendapat sekiranya buruh asing dihalau keluar, perniagaan akan turun. Ada yang cakap jika tiada buruh asing, banyak bidang akan terpaksa tutup. Jika perbandingan isu keselamatan awam negara dengan pendapatan ekonomi segolongan peniaga kecil, fikirkan di situ boleh dikatakan kepentingan diri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Kementerian Kesihatan. Hospital utama Sarawak sering menghadapi masalah kekurangan doktor terutamanya doktor pakar. Keluasan negeri Sarawak besar, melibatkan pesakit menghadapi risiko besar semasa ulang-alik antara dua hospital. Saya harap jabatan berkaitan dapat memberikan perhatian yang sewajarnya untuk menambahkan bilangan pegawai perubatan di hospital-hospital di negeri Sarawak. Klinik 1Malaysia mendapat tindak balas yang hangat daripada orang awam dan telah pun banyak membantu pesakit-pesakit ringan. Jabatan seharusnya menambahkan Klinik 1Malaysia di kawasan ramai penduduk untuk mengelakkan keadaan kesesakan hospital kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun populasi negeri Sarawak hanya lebih kurang 3 juta orang tetapi mempunyai keluasan tanah yang besar. Ianya hampir sama besar dengan seluruh Semenanjung Malaysia. Namun, seluruh Sarawak hanya mempunyai sebuah pusat kanser yang terletak di Kuching dan merupakan salah satu jabatan di bawah pentadbiran Hospital Kuching.

#### ■1800

Boleh diperhatikan pusat kanser tersebut sesak dengan pesakit kronik dan keadaan keseluruhan sekeliling pusat amatlah tidak memuaskan. Hospital Kuching juga selalu dipenuhi oleh pesakit menyebabkan tempat letak kereta hospital dan lain-lain pun amatlah kekurangan. Semua situasi memburukkan lagi keadaan pusat kanser tersebut dan mendatangkan pelbagai kesulitan kepada pesakit mahupun ahli-ahli keluarga pesakit yang menjaga mereka. Mohon perhatian, perancangan dan tindakan diambil untuk menaiktarafkan fasilitet-fasilitet Hospital Kuching dan pusat kanser untuk melegakan keadaan. Selain itu, adalah dicadangkan supaya sebuah lagi pusat kanser dibina di kawasan zon utara negeri Sarawak kerana sebuah pusat kanser sudah jelas tidak dapat menampung bilangan pesakit kanser yang semakin meningkat tiap-tiap tahun. Tambahan

lagi sekiranya pesakit kanser kawasan zon utara perlu pergi ke Hospital Kuching, ia perlu makan masa selama 8 ke 12 jam melalui jalan raya.

Sebagai pesakit kanser, memang tidak sesuai menggunakan kenderaan darat untuk perjalanan begitu lama. Jikalau menggunakan kenderaan udara pula, seorang pesakit memerlukan enam tempat duduk dalam pesawat. Lagipun pesakit kanser selalu perlu ulang-alik ke pusat kanser untuk mendapat rawatan yang berterusan. Semua keadaan ini bukan sahaja merumitkan keadaan pesakit, malah juga mendorong beban berat kepada ahli-ahli keluarga pesakit. Saya harap pihak kementerian dapat memahami kesusahan rakyat negeri Sarawak dan memberikan perhatian dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Kementerian Dalam Negeri. Orang Asli Sarawak yang tinggal di pedalaman disebabkan oleh faktor-faktor seperti sejarah, geografi, amalan kehidupan dan pengetahuan, beberapa generasi pun tidak ada surat kelahiran dan kad pengenalan. Mereka sudah biasa dengan cara kehidupan nenek moyang dan kurang keperluan untuk mendapatkan pendidikan. Antaranya ada yang tidak pernah sampai ke bandar dalam seumur hidup mereka. Mereka pun tidak memerlukan surat kelahiran atau kad pengenalan. Lagipun kos ulang-alik ke bandar amatlah besar bagi mereka. Faktor-faktor tersebut melibatkan mereka tidak pernah mendaftar diri ke Jabatan Pendaftaran untuk mendapatkan surat kelahiran atau kad pengenalan. Apabila anak mereka dilahirkan, terus menghadapi masalah pendaftaran sebagai warganegara kerana ibu bapa tidak ada dokumen pendaftaran.

Ekoran daripada kemajuan negara, generasi muda mereka mula berpindah ke bandar dan hidup dalam bandar. Mereka selalu menghadapi masalah mengenal pasti status warganegara apabila ingin mendapatkan kebajikan bersekolah dan perkhidmatan perubatan dan lain-lain. Beberapa tahun yang lepas, pegawai-pegawai JPM bersama majistret pernah turun padang dan masuk ke pedalaman negeri Sarawak untuk membantu menguruskan pendaftaran diri dan mengeluarkan surat kelahiran dan kad pengenalan. Saya harap projek sedemikian dapat diteruskan sehingga masalah kesusahan mengenal pasti status warganegara Orang Asli di negeri Sarawak dapat diselesaikan secara menyeluruh. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian, silakan Yang Berhormat.

## 6.05 ptg.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillahirabbil alamin. Wabihinasta'in. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan di dalam Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu juga saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Tan Sri Yang di-Pertua dan juga Datuk Timbalan Yang di-Pertua di atas pelantikan sebagai Ahli Jawatankuasa Khas Mencegah Rasuah negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Jadi ini menunjukkan bahawa penghargaan yang diberikan kepada Dewan yang mulia ini dan di kesempatan ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan perasaan sedih di atas bencana yang menimpa mangsa-mangsa banjir khususnya di negeri Pahang dan juga negeri-negeri di Pantai Timur yang sedang mengalami bencana pada waktu sekarang. Terlebih dahulu juga saya ingin mengucapkan tahniah khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan kerana telah mengemukakan satu belanjawan yang sangat baik khususnya untuk menuju ke arah negara maju yang bertemakan 'Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji' dengan peruntukan berjumlah RM264.2 bilion berbanding RM251.6 bilion pada tahun yang lalu. Ini adalah disasarkan bagi melaksanakan program-program dan juga projek-projek kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara.

Bagi menjayakan pelaksanaan Bajet 2014 ini, kerajaan telah mengambil langkah yang memberikan penekanan kepada lima teras utama iaitu merancakkan aktiviti ekonomi, memperkuatkannya pengurusan fiskal, mengungguli modal insan, mempergiat pembangunan bandar dan luar bandar dan mensejahterakan kehidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat di antara kita di Dewan ini pernah mendengar ada di antara pemimpin-pemimpin yang pernah berkata sewaktu di dalam kerajaan dahulu mereka membuat belanjawan surplus tetapi kita perlu ingat pada waktu itu adalah permulaan pelaksanaan banyak penswastaan negara. Jadi apabila dilaksanakan program penswastaan negara ini, bermakna banyaklah tanggung-tanggungan kerajaan, bebanan kerajaan yang diserahkan kepada *private sector* melalui penswastaan tersebut. Jadi oleh sebab itulah berlakunya *surplus budget* pada waktu itu. Jadi kalau *deficit budget* yang ada sekarang ini saya kira masih di dalam lingkungan yang boleh dikawal dan juga kita melihat kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai kesungguhan yang begitu tinggi untuk memastikan bahawa tahun-tahun yang akan mendatang ini kita mencapai *surplus budget*.

Jadi oleh itu marilah kita sama-sama memberikan kerjasama kepada kerajaan untuk memastikan bahawa pembangunan negara ini dapat diuruskan dengan baik dan kita pun juga saya kira baru semalam berlaku di Singapura iaitu tunjuk perasaan yang dilakukan oleh segelintir pendatang di negara tersebut. Jadi kalau melihat di negara kita ini, saya kira lebih daripada lima juta pendatang asing yang sedang bekerja di negara kita. Bagaimanakah kalau semua lima juta pendatang asing ini berpakat untuk mengadakan tunjuk perasaan di negara kita?

#### ■1810

Semalam saya bersama kawan saya Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor berada di satu restoran. Saya memohon minuman, saya kata teh 'O', dia tidak faham apa itu teh. Saya tengok muka dia itu macam muka orang Melayu. Kita minta teh 'O', dia tidak faham. Rupanya orang daripada Nepal.

Jadi, ini saya kira sesuatu yang sangat serius. Jadi oleh sebab itu, Kementerian Dalam Negeri, saya fikir di bawah pimpinan Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, mempunyai iltizam yang tinggi untuk memastikan bahawa pendatang asing di negara ini dapat kita

atas dengan sebaik mungkin. Ini kerana kalau mereka mempunyai rancangan-rancangan jahat, sudah pasti tidak payah dia tunjuk perasaan. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor, semalam pun dia boleh berikan kita berbagai-bagai di dalam minuman kita. Jadi, ini kita kena jaga. Kalau pendatang tanpa izin ini mempunyai niat yang tidak baik, kita kena jaga baik-baik.

Tuan Yang di-Pertua, selaku wakil kepada masyarakat Orang Asli di dalam Dewan yang mulia ini. Kalau saya tidak bercakap berhubung dengan isu-isu atau pun masalah-masalah yang berkait rapat dengan masyarakat Orang Asli, sudah pasti saya tidak boleh berada di dalam Dewan ini. Jadi oleh itu, izinkan saya untuk menyentuh beberapa isu berhubung kait dengan masalah dan juga isu-isu yang sedang dihadapi oleh masyarakat saya di negara ini.

Untuk makluman dan sekadar berkongsi maklumat bersama Ahli-ahli di dalam Dewan yang mulia ini. Masyarakat Orang Asli di negara ini seramai 178,197 orang yang meliputi 36,658 keluarga. Berdasarkan pengalaman-pengalaman yang lepas, daripada pilihan raya yang pertama sehingga pilihan raya umum ke-13, boleh dikatakan lebih daripada 90% pengundi-pengundi di kalangan masyarakat Orang Asli mengundi Barisan Nasional. Mereka juga adalah penyokong tegar Barisan Nasional.

Jadi, terima kasih kepada pihak kerajaan yang terus memberikan peruntukan yang tinggi. Umpamanya pada tahun 2013, telah diperuntukkan sebanyak RM185 juta dan pada tahun 2014, dianggarkan RM250 juta diperuntukkan untuk membangunkan masyarakat Orang Asli sama ada secara terus kepada kementerian atau pun bersifat *one-off*, dengan izin bagi melaksanakan projek-projek yang telah dikenal pasti bagi membangunkan masyarakat Orang Asli.

Malahan, untuk makluman Ahli-ahli yang mulia di dalam Dewan yang mulia ini, Jabatan Masyarakat Orang Asli dinaungi oleh sebuah jabatan yang dipanggil Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Ia telah dijenamakan semula bahawa jabatan ini telah ditubuhkan semenjak tahun 1953 lagi iaitu bermula semasa zaman penjajah. Jadi, kalau sahabat saya Yang Berhormat Boon Som, dia kata hendak tubuh Jabatan Orang Siam, yang Jabatan Orang Asli Yang Berhormat Boon Som, ini sudah lama ditubuhkan oleh Kerajaan British. Jadi, hakikatnya lebih daripada 60 tahun Jabatan Kemajuan Orang Asli telah ditubuhkan. Akan tetapi persoalannya, masyarakat Orang Asli masih jauh ketinggalan di dalam semua aspek. Jadi ini- kalau melihat kepada statistik yang ada pada saya sehingga tahun 2009, kadar kemiskinan masih lagi tinggi mencecah 49%.

Jadi, lebih menghampiri separuh daripada masyarakat Orang Asli berada di dalam keadaan kemiskinan. Jadi oleh sebab itu, di manakah silapnya? Di manakah perancangan-perancangan atau pun peruntukan yang begitu banyak yang diuntukkan oleh kerajaan hari ini tidak dapat membangunkan masyarakat Orang Asli.

Jadi oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya melihat semula fungsi dan tanggungjawab Jabatan Kemajuan Orang Asli. Supaya ianya lebih menjurus kepada membangunkan masyarakat Orang Asli sebagaimana kerajaan menubuhkan FELDA, membangunkan masyarakat pekebun kecil, membangunkan peneroka. Sebagaimana kerajaan menubuhkan RISDA, membangunkan masyarakat pekebun kecil dan sebagaimana juga kerajaan menubuhkan FELCRA untuk membangunkan masyarakat luar bandar. Jadi oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya Jabatan Kemajuan Orang Asli ini

dijadikan sebagai badan berkanun kerajaan. Supaya ianya benar-benar boleh membangunkan masyarakat Orang Asli dan kita boleh mengadakan berbagai-bagai kepakaran untuk membangunkan masyarakat Orang Asli. Apabila Jabatan Kemajuan Orang Asli ini dijadikan badan berkanun sebagaimana FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, secara terperincinya saya akan menyentuh beberapa perkara asas yang saya kira amat penting. Sekiranya kerajaan benar-benar ingin melihat masyarakat kami ini duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan lain-lain masyarakat arus perdana. Perkara pertama ialah berkenaan dengan isu pendidikan. Walaupun isu ini adalah isu yang sering dibangkitkan yang merupakan isu lama tetapi ianya masih belum dapat selesaikan lagi.

Pertamanya, berkenaan dengan isu keciciran pelajar Orang Asli. Masalah keciciran ini bukanlah masalah baru dan sentiasa menjadi isu utama apabila bercakap mengenai masyarakat Orang Asli di negara ini. Pelbagai kertas kerja, hasil penyelidikan, seminar, program dan berbagai-bagai cadangan dilakukan oleh kerajaan bagi mengurangkan keciciran di kalangan pelajar-pelajar anak Orang Asli. Justeru, keciciran masih tinggi lagi. Juga pelbagai sasaran dilaksanakan oleh kerajaan seperti yang telah digariskan dalam Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli iaitu mensasarkan keciciran pada tahun 2015 kepada 15%.

Malahan, pada 21 Jun 2013 Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pendidikan telah melancarkan Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli. Antara matlamatnya adalah untuk mengurangkan keciciran di kalangan pelajar-pelajar Orang Asli sebanyak 6% setiap tahun mulai tahun 2013. Jadi oleh itu, saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah langkah-langkah yang akan diambil dan yang sedang diambil untuk memastikan bahawa matlamat ini benar-benar tercapai? Ini kerana apa yang saya dapat, yang saya lihat, di lapangan sana masih tidak ada apa-apa perubahan yang jelas, yang ketara, yang kita boleh mengurangkan keciciran di kalangan anak-anak Orang Asli ini.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya mendapat penjelasan iaitu jumlah kanak-kanak Orang Asli yang berada di dalam tahap umur prasekolah dan juga sekolah rendah dan peratusan yang pergi ke sekolah bagi tempoh tahun 2000 hingga tahun 2012 mengikut negeri untuk kita sama-sama menilai prestasi dan bagaimana untuk tindakan akan diambil.

#### ■1820

Keduanya, jumlah sekolah Orang Asli dan juga tadika bagi masyarakat Orang Asli yang telah dilengkapkan dengan kemudahan asas bekalan air dan elektrik.

Ketiga, jumlah guru-guru daripada kalangan Orang Asli termasuk guru-guru KEMAS. Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi pembangunan prasekolah dan sekolah rendah Orang Asli bagi tempoh tahun 2000 hingga tahun 2010. Daripada beberapa hasil kajian dan juga rujukan secara keseluruhannya, kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli sudah meningkat. Namun, disebabkan oleh beberapa faktor seperti bahasa, persekitaran, geografi dan juga pemakanan, ia agak perlanaan sedikit untuk dicapai matlamat yang telah ditetapkan. Saya amat yakin dengan bantuan berterusan daripada kementerian dan juga kesungguhan pihak kerajaan terutamanya Jabatan Kemajuan Orang Asli, masalah-masalah keciciran ini akan dapat diatasi.

Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan beberapa perkara yang saya fikir dapat mempercepatkan proses penambahbaikan dan memperkasakan pendidikan dalam kalangan anak-anak Orang Asli. Pertamanya, mohon agar jumlah kelas-kelas tadika ditambah di perkampungan Orang Asli. Perkara ini saya telah bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Untuk makluman, di Semenanjung ini terdapat 852 buah perkampungan Orang Asli. Kelas yang ada ialah kelas tadika hanya 250 buah kampung. Pada saya, tadika ini adalah asas yang cukup penting untuk memastikan, untuk memberi minat, untuk melahirkan minat kepada anak-anak ini pergi ke sekolah. Jadi kalau ia tidak melalui sekolah tadika, terus masuk ke Tahun Satu, sudah pasti dia tidak boleh bersaing dengan kanak-kanak yang lain. Apabila ia tidak boleh bersaing dengan kanak-kanak yang sudah melalui proses sekolah tadika ini, sudah pasti ia akan merasa satu tekanan kepada diri dia, perasaan rendah diri dan akhirnya, dia berhenti daripada sekolah. Oleh itu, saya mencadangkan kepada pihak kerajaan, kepada kementerian supaya mengambil pandangan yang serius untuk memastikan bahawa perkampungan-perkampungan yang sesuai didirikan kelas-kelas tadika.

Saya juga ingin mencadangkan agar guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah Orang Asli diberikan insentif khas bagi tempoh masa sehingga kadar keciciran dapat diatasi. Begitu juga adalah dicadangkan agar di sekolah-sekolah yang mempunyai pelajar Orang Asli hendaklah ada guru khas atau guru yang khusus bagi memastikan urusan pembelajaran dan urus tadbir mereka dipantau dan dibantu dengan sebaik mungkin. Ini kerana kebanyakan urusan pendidikan pelajar-pelajar anak Orang Asli ini ibu bapanya menyerahkan sepenuhnya kepada sekolah kerana rata-rata, ramai di antara ibu bapa yang tidak pernah pergi ke sekolah. Jadi oleh sebab itu, diri sendiri pun tidak tahu apa pentingnya dan apa keperluannya sekolah. Ibu bapa ini antaranya hanya menyediakan kewangan sahaja kepada anaknya untuk pergi ke sekolah. Oleh sebab itu, saya fikir amat penting untuk pihak sekolah, Kementerian Pendidikan menyediakan guru yang khusus bagi membimbing anak-anak Orang Asli ini.

Keempat, adalah berhubung dengan baru-baru ini kerajaan telah menujuhkan satu pusat di Rompin yang dipanggil Pusat Intelek Pelajar Orang Asli yang menempatkan anak-anak Orang Asli yang sederhana cemerlang selain daripada anak-anak Orang Asli yang berjaya dapat melanjutkan pelajaran ke Maktab-maktab Rendah Sains Mara dan juga asrama-asrama penuh telah diwujudkan satu pusat yang dipanggil Pusat Intelek Pelajar Orang Asli di Rompin. Saya melihat bahawa dengan pembinaan dan juga pewujudan pusat ini sangat berkesan untuk membantu mengatasi keciciran dalam kalangan anak-anak Orang Asli terutamanya daripada sekolah rendah menamatkan Darjah Enam ataupun menamatkan Tahun Enam untuk memasuki sekolah menengah ke Tingkatan Satu. Pusat ini adalah pusat yang menempatkan anak-anak yang telah menamatkan sekolah rendah, ditempatkan di pusat ini. Jadi, saya mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya lebih banyak lagi diwujudkan pusat-pusat yang sebegini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kelimanya saya ingin mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini iaitu pewujudan sekolah K9. K9 ini bermakna anak-anak itu, pelajar-pelajar itu akan berada di sekolah itu daripada Darjah 1 sehingga Tingkatan 3. Ini sudah dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Chini, Pekan dan juga di Sekolah Kebangsaan Pos Betau dan ia sangat berkesan untuk mengurangkan keciciran kerana anak-anak ini bersekolah

daripada Tahun 1, Tahun 6 dan hingga Tingkatan 3, apabila dia menamatkan Tingkatan 3, jadi ia bermakna dia sudah berumur lebih kurang 15 tahun.

Jadi umur 15 tahun ini, kita yakin dan kita jangkakan dan bermakna anak-anak ini sudah mampu untuk bergaul dan bercampur dengan masyarakat yang lain di sekolah-sekolah menengah di bandar dan juga di pinggir bandar. Jadi, yang ini kerajaan kena ambil perhatian untuk melihat supaya lebih banyak lagi rancangan sekolah-sekolah K9 ini diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada isu pendidikan, isu yang sering dibangkitkan oleh masyarakat Orang Asli ataupun kaum saya inilah berhubung dengan isu kemudahan asas. Walaupun isu-isu yang saya sebutkan ini adalah isu yang lama, yang pernah saya bangkitkan di dalam Dewan ini tetapi saya terpaksa ulang semula lagi kerana ia saya lihat tidak ada satu tindakan yang betul-betul boleh menyelesaikan isu-isu ini. Ini kerana wawasan negara tahun 2020 kita kata kita akan menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi sedangkan dalam masa yang sama, masyarakat Orang Asli yang kebanyakannya boleh dikatakan 99% duduk di pedalaman. Duduk jauh di pedalaman yang begitu sukar untuk kita menghubungi mereka sama ada melalui kemudahan-kemudahan jalan dan sebagainya.

Pertamanya, berkenaan dengan perancangan bekalan air terawat ataupun sumber air bersih di perkampungan Orang Asli. Lebih daripada 175 buah kampung, masyarakat Orang Asli masih belum menerima bekalan air bersih. Sahabat-sahabat yang lain bercerita bagaimana hendak membangunkan ekonomi mereka tetapi masyarakat Orang Asli masih berjuang, bagaimana untuk hendak dapat air bersih. Bagaimana untuk mendapatkan kemudahan mandi air yang lebih bersih. Jadi sahabat saya, Yang Berhormat Dato' Boon dia senyum kerana orang Siam ramai duduk dekat bandar.

*[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]*

#### ■1830

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Tuan Yang di-Pertua, boleh? Setelah 50 tahun Jabatan Kemajuan Orang Asli ini ditubuhkan, apakah fungsi sebenarnya Jabatan Kemajuan Orang Asli ini? Sehingga tidak memahami masalah yang timbul sekarang ini. Sudah 50 tahun belum selesai. Masih lagi banyak kekangan yang dihadapi oleh Orang Asli. Saya bersimpati dan amat prihatin dengan apa yang terjadi kepada Orang Asli. Terima kasih.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Boon. Memang benar Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kemajuan Orang Asli telah ditubuhkan semasa zaman British lagi. Akan tetapi pada waktu itu fungsi dan tanggungjawabnya adalah untuk melindungi masyarakat Orang Asli daripada ancaman-ancaman penganas komunis dan polisi pembangunan bagi masyarakat Orang Asli bermula pada Rancangan Malaysia Ketujuh. Jadi, oleh sebab itulah pembangunan ataupun membangunkan masyarakat Orang Asli melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli ini agak perlahan sedikit. Jadi oleh sebab itulah saya tadi mencadangkan supaya Jabatan Kemajuan Orang Asli ini dijadikan sebagai badan berkanun kerajaan seperti mana

FELDA supaya ianya betul-betul menjurus kepada membangunkan masyarakat Orang Asli. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Boon.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya yang ingin saya bangkitkan berkenaan dengan masyarakat Orang Asli ini adalah berkenaan dengan isu pemilikan tanah. Jadi yang inilah ibu kepada segala isu. Sehingga hari ini, masyarakat Orang Asli mempunyai hak milik individu seluas 1,489.7 hektar sahaja. Jadi ini saya kira satu angka yang amat menyedihkan. Dan yang diwartakan di bawah *[Akta 134]*, seksyen 7 dan 6 ialah sebanyak lebih kurang 24,000 hektar sahaja. Ini bukan diwartakan di bawah Kanun Tanah Negara. Jadi, inilah satu isu yang sering dibangkitkan oleh masyarakat saya.

Jadi oleh yang demikian, saya mohon kepada pihak kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya memberikan peruntukan yang secukupnya bagi melaksanakan pengukuran semula kawasan-kawasan penempatan Orang Asli dan juga kawasan-kawasan masyarakat Orang Asli sebagaimana sahabat saya daripada Murut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum bahawa kuasa tanah ini di bawah kuasa kerajaan negeri. Di bawah Perlembagaan Persekutuan, kebajikan Orang Asli diletakkan di bawah senarai yang pertama. Di sini saya ingin merujuk kembali kepada jawapan yang saya pernah kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini pada 7 Oktober 2013 iaitu kerajaan tiada halangan berkenaan dengan cadangan untuk membuat pindaan kepada Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan untuk meletakkan kebajikan Orang Asli di dalam senarai tiga iaitu senarai bersama. Jadi apabila diletakkan di bawah senarai bersama, maknanya tanggungjawab adalah tanggungjawab bersama di antara Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri. Justeru, saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah status tentang perkembangan berkenaan dengan cadangan tersebut?

Selain daripada isu-isu yang berkait rapat dengan masyarakat Orang Asli Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan pengaliran mata wang ke luar negara. Baru-baru ini kita dilaporkan bahawa pada tahun 2010, RM13.4 bilion duit kita mengalir ke luar negara dibawa oleh pekerja-pekerja asing dan meningkat kepada RM19.7 bilion pada tahun 2012. Baru-baru ini juga kita didedahkan bahawa pengaliran keluar wang negara mencecah hampir RM50 bilion ke luar negara. Jadi jumlah ini saya kira satu jumlah yang amat besar kalau kita bandingkan dengan bajet pembangunan negara yang hanya RM46.5 bilion. Duit kita mengalir ke luar negara menghampiri RM50 bilion. Jadi ini adalah sesuatu yang sangat membimbangkan kita. Natijahnya, negara kita mungkin akan menanggung kerugian yang besar dan hal ini menjelaskan imbalan pembayaran negara dan seterusnya boleh membantutkan perkembangan ekonomi. Pihak kerajaan perlu mengawal supaya ianya tidak terus berlaku dengan begitu serius.

Jadi oleh yang demikian, saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan, berapa banyakkah jumlah pengurup wang berlesen yang telah diberikan kemudahan menyediakan perkhidmatan mengirim wang semenjak Akta Perkhidmatan Wang 2011? Ini kerana ada pihak yang mendakwa bahawa dengan wujudnya jumlah pengurup wang yang banyak adalah faktor penyumbang utama kepada masalah ini, masalah pengaliran wang ke luar negara. Duit kita mengalir ke luar negara banyak. Pekerja asing masuk dalam negara banyak.

Jadi Yang Berhormat Boon kena jaga, nanti takut... Kalau di Singapura boleh berlaku tunjuk perasaan Tuan Yang di-Pertua, di *Little India* baru-baru ini berlaku, apa akan jadi kalau di negara kita lebih lima juta orang tadi pekerja yang ada di sini melakukan penunjuk perasaan?

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Boleh minta laluan?

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat berhubung dengan wang yang keluar ke luar negara ini. Di lapangan terbang kita ada notis di situ. Setiap orang yang membawa wang lebih daripada USD10,000 saya ingat, mesti melaporkan kepada pihak kastam. Saya nampak, tidak ada sekali pun orang-orang ini ditahan dan diperiksa – orang yang membawa wang ini. Akan tetapi kalau kita pergi ke Australia ataupun ke US, ia ada pemeriksaan secara fizikal. Sekarang 100% pun. Maknanya, pengurup-pengurup wang kita ini kalau dia hendak bawa RM1 juta sekali pun, tidak ada orang yang boleh menahan.

Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat, tidak bolehkah kita mencadangkan kepada kerajaan supaya pemeriksaan di buat di lapangan-lapangan terbang kita supaya wang ini tidak terkeluar tanpa pengetahuan kita. Apa pandangan Yang Berhormat?

#### ■1840

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim. Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim itu sebenarnya dia mahu memperkuatkan lagi hujah saya. Memang benar saya mempunyai pengalaman bersama sahabat saya di luar negara. Bagi untuk mendapatkan wang, duit sudah kehabisan, duit berada di luar negara. Jadi dia hendak duit banyak, suruh hantar ke luar negara. Begitu mudah sahaja melalui pengurup wang. Dia tunggu dekat stesen kereta api itu, jadi satu orang India pakai selekeh, pakai selipar dan sebagainya datang bagi duit, begitu mudah.

Jadi sebab itulah saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan bagaimanakah dengan Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 ini kita dapat mengawal daripada berlakunya pengaliran keluar wang kita. Saya juga mohon penjelasan daripada pihak kerajaan apakah bentuk mekanisme kawalan yang diambil oleh kerajaan bagi mengekang dan juga melakukan pemantauan supaya Akta Pertukaran Wang atau undang-undang yang berkaitan dapat dikuatkuasakan dengan sepenuhnya. Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan:** Minta izin mencelah.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya silakan, silakan Yang Berhormat.

**Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa saya ada komen sedikit tentang pengaliran wang luar. Saya rasa ia lebih hubung kait dengan kedatangan buruh asing sebab bukan saja pengurup wang ini melayani pekerja asing di sini. Mereka kerja di sini dapat gaji dalam ringgit Malaysia dan ditukar dan dibawa keluar. Jadi saya rasa masalah yang lebih besar, yang lebih mendalam adalah mengapa kita tidak boleh menggaji orang Malaysia sendiri untuk mengisi jawatan-jawatan sekarang dipegang seperti buruh dan juga di

kilang-kilang. Mengapa kita tidak boleh membayar lebih dan beri kepada rakyat Malaysia sendiri? Kita sekarang berhasrat hendak menuju ke suatu tahap negara yang berpendapatan tinggi. Kalau kita tidak membantu rakyat Malaysia sendiri mendapat gaji yang tinggi, bila lagi?

Jadi saya rasa kajian yang lebih mendalam perlu dibuat tentang kadar pengangguran negara kita sendiri dan sebab-sebab mengapa rakyat Malaysia sendiri tidak mahu buat kerja-kerja yang sekarang yang dibuat oleh pekerja asing. Terima kasih.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat atas pertanyaan tadi. Memang benar persoalannya, pengaliran wang ke luar negara ini terutamanya di dalam dunia yang kita kata hari ini dunia tanpa sempadan begitu sukar untuk kita hendak kawal. Cumanya pihak kerajaan kita mesti ada tindakan bagaimana untuk meminimumkan dan juga mengimbangi pengeluaran wang keluar dan juga wang masuk ke dalam negara kita. Ini kerana peniaga-peniaga kita juga dalam masa yang sama dia akan melabur ke luar negara dan juga dia akan membawa wang negara yang berkenaan masuk ke dalam negara.

Jadi yang pentingnya, ia jangan berlaku defisit di situ. Jadi kalau ini berlaku maka keadaan ekonomi kita saya fikir tidak begitu kita bimbangi. Kalau misal kata wang yang mengalir ke luar RM50 bilion setahun, tapi duit yang boleh kita bawa masuk hasil daripada pelabur-pelabur kita ke luar negara melebihi daripada RM50 bilion, ini tidak akan menjadikan ekonomi negara kita dengan teruk.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan isu alam sekitar dan juga pengurusan sumber alam. Tuan Yang di-Pertua kita baru-baru lagi dikejutkan oleh bencana banjir yang melanda negeri-negeri di Pantai Timur khususnya yang begitu teruk ialah negeri Pahang. Jadi kejadian ini berlaku pertamanya adalah disebabkan oleh kecuaian manusia itu sendiri dan juga kelemahan dari segi pengurusan alam sekitar kita dan juga bagaimana kita hendak menangani isu-isu alam sekitar ini.

Baru-baru ini juga di kejutkan dengan bencana banjir yang berlaku di Cameran Highlands. Ini adalah satu yang amat merunsingkan kita khususnya penduduk-penduduk di sekitar Cameran Highlands. Oleh hal yang demikian saya fikir melalui kementerian yang bertanggungjawab berhubung dengan alam sekitar ini perlulah mengambil tindakan yang serius untuk mengatasi. Umpamanya masalah banjir di Kuantan perlu ada satu tindakan jangka panjang bagaimana kita untuk hendak mengatasi masalah itu. Umpamanya seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar supaya mengadakan banyak takungan-takungan air. Jadi ini juga saya kira perlu dilihat walaupun mungkin kita akan melibatkan perbelanjaan yang banyak. Akan tetapi perlu diambil tindakan untuk menyelesaikan masalah atau pun isu banjir ini daripada sering melanda negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjangkah lagi Yang Berhormat?

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Sikit lagi. Tuan Yang di-Pertua saya ingin pergi kepada teras bajet yang keempat iaitu mempergiatkan pembangunan bandar dan juga luar bandar. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah diperuntukkan sebanyak RM9.8 bilion iaitu meliputi RM5.7 bilion untuk belanja mengurus, RM4.1 bilion untuk pembangunan luar bandar dan projek *infrastructure*.

Persoalan yang saya hendak timbulkan di sini adalah berhubung dengan, terdapat sebanyak lebih 30,000 JKKK dan juga JKPP di negara kita ini. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah menyatakan untuk memperkasakan JKKK dan juga JKPP. Kita amat bersetuju dan amat menyokong supaya peranan dan tanggungjawab JKKK dan JKPP bukan setakat mengadakan mesyuarat bulanan seperti yang ada hari ini malahan ianya mesti mencakupi bidang-bidang pembangunan di peringkat kawasan JKKK dan JKPP tersebut.

Oleh hal yang demikian mohon Kementerian Luar Bandar dan Wilayah supaya melihat semula peranan dan tanggungjawab JKPP dan juga JKKK. Bukan saja ahlinya malahan fungsi dan tanggungjawabnya mesti dilihat secara keseluruhan supaya ianya benar-benar boleh membantu pihak kerajaan di dalam membangunkan peringkat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua yang akhirnya adalah berhubung dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut untuk meningkatkan rantaian sektor pertanian yang memperuntukkan sebanyak RM6 bilion untuk pelaksanaan program pertanian. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan juga ada menyebut bahawa kerajaan juga menyedari peranan, aktiviti penyelidikan dan pembangunan atau R&D sebagai pemangkin kepada pembangunan bio-ekonomi. Jadi oleh yang demikian saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah pihak kerajaan bercadang untuk menjadikan MARDI atau pun Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia sebagai universiti penyelidikan khusus untuk pertanian kerana Universiti Putra Malaysia hari ini sudah- peranan dan tanggungjawabnya agak menyimpang bukan setakat pembangunan pertanian.

#### ■1850

Jadi saya fikir MARDI mungkin sudah sampai masanya untuk melaksanakan kerja-kerja penyelidikan yang lebih menjurus kepada pembangunan pertanian di negara kita. Untuk itu terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman.

#### 6.50 ptg.

**Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman:** *Bismillahi Rahmani Rahim.*  
*Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2014. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak Perdana Menteri dan selaku Menteri Kewangan kerana telah berjaya membentangkan satu bajet yang komprehensif dan inklusif bagi membantu segenap lapisan rakyat daripada golongan miskin, pertengahan mahupun yang kaya. Ia juga meliputi masyarakat yang tinggal di desa dan juga di bandar, yang bekerja sendiri baik pun yang bekerja di sektor swasta. Penjawat awam dan juga golongan belia dan pelajar, semuanya telah mendapat pertimbangan dan perhatian oleh kerajaan dalam Bajet 2014 kali ini. Syabas saya ucapan.

Bajet 2014 yang bertemakan ‘Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji’ benar-benar memperlihatkan komitmen dan iltizam kerajaan untuk membantu rakyat dan mencapai matlamat Wawasan 2020 sebagai negara maju berpendapatan tinggi. Saya yakin dan percaya bahawa segala yang dicadangkan dan dirancang dalam bajet ini akan membawa kejayaan dan kesejahteraan kepada rakyat Malaysia. Dengan jumlah peruntukan sebanyak RM264.2 bilion, saya percaya pelaksanaan program dan projek pembangunan negara untuk menyejahterakan rakyat akan tercapai. Peruntukan bajet pada tahun ini memperlihatkan pertambahan sebanyak RM12.6 bilion daripada jumlah peruntukan tahun 2013 iaitu sebanyak RM251.6 bilion. Ini menunjukkan kerajaan mampu berbelanja dan mempunyai pendapatan yang baik walaupun dalam keadaan ekonomi global dijangka berkembang perlahan dengan kadar 2.9% pada tahun 2013.

Dalam bajet kali ini saya melihat beberapa inisiatif baru telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk meningkat dan merancakkan ekonomi negara. Saya percaya dan optimis matlamat kerajaan dalam bajet kali ini akan berjaya walaupun kerajaan berusaha untuk mengurangkan kadar defisit kewangan negara melalui program rasionalisasi subsidinya. Bagi memastikan bajet yang dibentangkan adalah bajet yang baik dan *transparent*, maka dan ingin mengambil kesempatan ini untuk membahaskan beberapa perkara bagi memohon penjelasan daripada kerajaan dan juga untuk memberi cadangan yang difikirkan perlu untuk dipertimbangkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, cukai barang dan perkhidmatan (GST) salah satu inisiatif kerajaan yang telah mendapat perhatian besar daripada rakyat dan juga pelabur asing ialah langkah kerajaan untuk memperkenalkan cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang akan dikuatkuasakan pada 1 April 2015. Dengan lebih 160 buah negara di dunia telah melaksanakan GST, Malaysia dilihat sebagai agak terlambat untuk melaksanakan inisiatif ini.

Namun dalam suasana ekonomi global yang semakin mencabar dan usaha kerajaan untuk menjana lebih banyak pendapatan di samping mengurangkan hutang negara, maka usaha ini merupakan satu langkah berani oleh kerajaan walaupun terdapat bangkangan daripada pelbagai pihak. Namun, banyak tafsiran telah dirungkaikan berhubung pelaksanaan GST ini. Namun yang paling lantang ialah pihak pembangkang yang berhujah bahawa GST hanya akan membebankan rakyat dan menindas golongan berpendapatan rendah. Walaupun langkah ini mungkin tidak popular di mata rakyat, tetapi sudah tiba masanya kerajaan bertindak bagi kebaikan negara untuk jangka masa panjang. Ini mungkin disebabkan rakyat tidak memahami dan tidak mendapat maklumat yang betul kepada sistem GST ini. Buat masa sekarang, pendapatan kerajaan di sumbang sebanyak 40% daripada hasil minyak dan gas.

Justeru bagi menambah pendapatan kerajaan, langkah ini adalah sesuai pada masanya. Malahan sistem cukai perkhidmatan dan jualan (SST) yang diamalkan oleh kerajaan selama ini adalah tidak relevan lagi kerana didapati mengandungi banyak ketirisan dan penyelewengan. Malah menurut pakar ekonomi, GST akan membolehkan Malaysia mengecilkan defisit dan menambahkan pendapatan yang amat diperlukan bagi menjana pembangunan negara. Selain daripada itu, ia juga dapat mengekalkan daya saing dengan menarik lebih banyak pelaburan dari dalam dan luar negara.

Mengekalkan kemapanan pertumbuhan ekonomi serta mengujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi adalah disifatkan defisit negara pada tahun 2015 akan mengecil kepada 3.1%. Dari segi pendapatan per kapita, dijangka pendapatan rakyat akan meningkat kepada RM46,500 menjelang tahun 2020. Kita perlu mengambil contoh Singapura yang telah berupaya melonjak pendapatan per kapita daripada USD18,000 kepada USD51,000 semasa mula melaksana GST. Namun begitu, terdapat kebimbangan bahawa pelaksanaan GST akan meningkatkan kadar inflasi. Rakyat golongan berpendapatan rendah dan sederhana bimbang bahawa dengan pengenalan GST ditambah dengan kenaikan harga barang yang semakin meningkat, langkah ini akan membebankan kos sara hidup mereka.

Selain daripada itu, rakyat juga ingin tahu bagaimana pelaksanaan GST dapat menguntungkan mereka. Saya melihat bahawa terdapat ketidakfahaman rakyat akan pengenalan sistem GST ini. Oleh kerana tahap kesedaran rakyat tentang GST masih lagi rendah dan tidak tahu apa itu GST dan kesannya ke atas mereka, maka saya mencadangkan satu usaha yang bersepadu dan meluas patut diusahakan oleh kerajaan untuk memberi penerangan yang sebenar kepada rakyat berhubung GST ini. Dengan demikian, ia dapat menghalau persepsi negatif terhadap pelaksanaan GST.

Walaupun kerajaan telah menggariskan beberapa langkah untuk membantu rakyat dalam menghadapi kesan GST seperti memberi pengecualian cukai terhadap beberapa jenis barang dan perkhidmatan asas, kesan kenaikan harga barang adalah suatu yang amat dikhuatiri. Justeru itu saya ingin memohon penjelasan daripada kerajaan, apakah mekanisme yang akan digunakan untuk memastikan cukai GST ini tidak menjelas pendapatan rakyat khususnya rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana.

#### ■1900

Untuk itu saya mencadangkan satu ukuran untuk menyemak semula paras pendapatan garis kemiskinan bulanan hendaklah dilaksanakan agar kadar cukai yang dikenakan berpatutan dan tidak memberi kesan kepada kenaikan kadar inflasi. Dalam erti kata lain kadar cukai GST yang dicadangkan tidak akan menyebabkan harga barang terlalu tinggi sehingga di luar had kemampuan pendapatan isi rumah. Jadi kerajaan perlu meletakkan satu garis pendapatan bagi golongan rakyat yang berpendapatan RM5,000 ke bawah agar memastikan margin cukai yang dikenakan berpatutan. Selain daripada itu saya juga memohon penjelasan daripada kerajaan apakah mekanisme yang diguna pakai untuk mengawal dan menggunakan cukai terhadap barang-barang yang dipasarkan melalui internet yang dilihat semakin mendapat tempat dan popular.

Tuan Yang di-Pertua, insiden penculikan di perairan Pantai Timur Sabah. Isu pembunuhan dan penculikan di Pulau Pom Pom, Sabah yang disyaki dilakukan oleh kumpulan pengganas Abu Sayyaf sekali lagi menggoncang kredibiliti pasukan keselamatan yang baru saja mengharungi pencerobohan pengganas di Lahad Datu dan Semporna, Sabah pada bulan Februari 2013 yang lepas. Apa yang membimbangkan kejadian yang berlaku pada 15 November 2013 baru-baru ini yang melibatkan pelancong asing. Walaupun mungkin kejadian yang berlaku atas alasan-alasan tertentu namun ia berlaku di bumi kita. Satu tindakan drastik wajib dilakukan. Tidak dapat dinafikan dengan keindahan alam semula jadi Sabah menjadi tarikan utama pelancong asing untuk datang

melancong. Namun, mendukacitakan kita tahap keselamatan yang masih belum utuh ini akan menjelaskan industri pelancongan di Sabah apatah lagi tahun 2014 adalah merupakan Tahun Melawat Malaysia.

Sudah kerap kali berlaku insiden pencerobohan dan penculikan di pulau-pulau peranginan dan persisiran Pantai Timur Sabah. Apakah ini menunjukkan bahawa tahap keselamatan masih belum terjamin disebabkan operasi keselamatan yang tidak berkesan di tambah dengan masalah kekurangan anggota serta peralatan kelengkapan yang masih belum cukup. Dua fakta yang tidak dapat dinafikan di dalam kejadian tersebut. Fakta pertama ialah adakah sempadan negara masih muda dibolosi dan kepulauan negara kita tidak dapat dijamin kedaulatannya dengan efektif meskipun sudah dilaksanakan langkah-langkah penambahbaikan baru-baru ini.

Fakta kedua pula ialah kemampuan bahagian perisikan mendapat maklumat yang tepat dan cepat dari sumber-sumber yang sepatutnya dan kerjasama orang ramai terutama yang tinggal di kawasan perairan dan pulau-pulau untuk menyalurkan maklumat dan membantu pasukan keselamatan menjalankan tugas. Justeru, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian, apakah kekangan yang dihadapi oleh pihak ESSCOM yang masih belum berupaya dengan sepenuhnya untuk menjaga dan mengawal keselamatan Pantai Timur Sabah. Saya juga memohon penjelasan kementerian, sejauh mana pendekatan konsep pertahanan menyeluruh ataupun HANRUH telah mendatangkan hasil di kawasan ESSCOM ini. ESSCOM perlu meningkatkan kemampuan perisikannya kerana dengan cara tersebut dapat memberi impak yang besar untuk menangani pengganas dan lanun.

Kalau semasa zaman darurat sewaktu menentang gerakan pengganas komunis, faktor kekuatan perisikan merupakan salah satu penyumbang kepada kejayaan pasukan keselamatan. Jadi mengapa cara pendekatan yang sama iaitu melalui konsep *winning the heart and mind* dengan izin tidak dapat dilakukan di ESSCOM. Selain daripada itu, saya juga ingin tahu adakah ESSCOM mempunyai model konsep risikan tertentu seperti yang dilakukan oleh negara Amerika Syarikat dan Israel dalam melaksanakan usaha meningkatkan kemampuan gerakan perisikan. Walaupun kita semua tahu Amerika Syarikat gagal satu ketika dulu dengan ranapnya *World Trade Centre*, dengan izin di New York.

Dengan itu juga, agar tidak terlepas pandang keperluan peralatan pengintipan dan pengawasan yang berkesan juga adalah amat penting dan oleh itu pembeliannya hendaklah dilaksanakan dengan teliti agar peralatan yang diberi dapat diguna dengan sebaiknya. Saya juga difahamkan bahawa satu lagi masalah yang wujud dalam menjaga keselamatan di kawasan Pantai Timur Sabah adalah disebabkan masalah kerjasama daripada pihak operasi pelancongan. Sikap sompong, bongkok malah enggan memberi laluan kepada anggota keselamatan melaksanakan tugas perlu diatasi. Justeru, saya ingin tahu apakah langkah dan tindakan yang akan diambil untuk mengawasi dan mengawal keselamatan resort-resort pelancongan yang sedia ada agar tidak diserang lagi pada masa-masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, isu perkahwinan kanak-kanak. Negara baru-baru ini digemparkan dengan satu kes yang dibawa ke mahkamah di mana seorang lelaki telah dituduh merogol seorang anak gadis di bawah umur yang kemudiannya dibebaskan apabila mangsa telah menarik balik

pertuduhan setelah beliau mengahwini lelaki yang merogolnya. Perkara ini telah mendapat perhatian dan diperbahaskan dengan meluas di kalangan masyarakat di serata tanah air. Ramai yang mempersoalkan adakah boleh kanak-kanak di bawah umur 16 tahun dibenarkan berkahwin?

Berdasarkan statistik Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada tahun 2012 terdapat kira-kira 1,165 permohonan untuk berkahwin dan Mahkamah Syariah telah meluluskan sebanyak 1,022 daripada permohonan itu. Di Malaysia, undang-undang umur minima perkahwinan adalah 18 tahun tetapi 16 tahun dibenarkan untuk anak gadis Islam. Mereka yang berusia di bawah 16 tahun boleh berkahwin dengan keizinan Mahkamah Syariah. Namun begitu, Malaysia bersama-sama dengan lebih daripada 90 negara-negara lain telah menerima pakai resolusi Majlis Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Untuk tidak menerima perkahwinan awal atau kahwin paksa kanak-kanak, mengikut artikel 16(2), *Universal Declaration of Human Rights* dengan izin, adalah satu pencabulan hak asasi manusia jika kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dipaksa berkahwin.

Ada pihak yang menentang amalan ini kerana perkahwinan di peringkat umur yang muda akan mendatangkan risiko kepada kesihatan fizikal kanak-kanak yang berkahwin dan hamil terlalu awal. Mereka secara khususnya boleh terdedah kepada penderaan, masalah kesihatan, masalah dalam mengakses dalam pendidikan dan kehilangan zaman kanak-kanak dan remaja. Namun begitu, menurut Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, berkahwin pada usia awal tidak dilarang dalam Islam tetapi pasangan yang berkahwin perlu cukup matang untuk memahami tanggungjawab sebelum sesuatu perkahwinan. Seksyen 8, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) menyatakan bahawa umur minimum undang-undang untuk kanak-kanak lelaki Islam berkahwin adalah 18 tahun dan anak-anak gadis Islam 16 tahun.

#### ■1910

Mereka yang berusia lebih muda dibenarkan untuk berkahwin dengan kebenaran bertulis daripada Mahkamah Syariah selepas kedua-dua belah ibu bapa membuat permohonan untuk melangsungkan upacara perkahwinan anak mereka. Saya mendapati terdapat percanggahan pendapat dan pegangan di sini yang jika tidak diselesaikan akan memberi kesan negatif yang berpanjangan kepada masyarakat. Oleh itu satu keputusan yang *affirmative* perlu dibuat oleh kerajaan bagi mengatasi kemasukan ini. Justeru saya ingin memohon penjelasan kerajaan, adakah langkah tindakan yang perlu diambil bagi mengatasi kekeliruan ini memandangkan ada percanggahan di antara undang-undang syariah dengan resolusi Majlis Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang telah dipersetujui pakai oleh Kerajaan Malaysia.

Selain daripada itu, saya juga memohon penjelasan apakah perlindungan yang dapat diberi oleh kerajaan terhadap kanak-kanak yang menjadi mangsa rogo dan kemudian dipujuk untuk berkahwin dan menarik balik pertuduhan jenayah yang dibuat terhadapnya? Tuan Yang di-Pertua, kawalan penyakit dibawa oleh warga asing. Saya amat menyanjung tinggi usaha kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang terbaik serta berkualiti kepada rakyat. Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM22.1 bilion bagi perbelanjaan operasi dan pembangunan pada bajet kali ini.

Namun begitu, niat murni dan usaha kerajaan ini akan terjejas kerana terdapat ancaman penyakit berjangkit yang dibawa oleh rakyat warga asing ke Malaysia khususnya yang dibawa oleh pendatang tanpa izin. Penyakit berjangkit utama yang dikesan ialah penyakit batuk kering ataupun tibi, malaria dan HIV. Keadaan ini dapat dilihat apabila didapati terdapat peningkatan pada penyakit batuk kering. Peningkatan kadar penyakit ini dapat dilihat pada tahun 2011, sebanyak 20,000 kes telah dilaporkan berlaku dan telah menyebabkan sebanyak 1,600 kematian.

Ini berbeza dengan 16,000 kes pada tahun 2008 dan 18,000 kes pada tahun 2010. Antara punca kenaikan adalah kerana 12% hingga 13% penyakit adalah daripada pekerja asing. Pekerja asing perlu menjalani dua saringan perubatan, satu di negara asal dan satu di Malaysia. Walaupun ada yang sudah melepas saringan di negara asal, tetapi ada juga yang gagal melepas saringan di Malaysia. Yang amat membimbangkan ialah PATI yang kita tidak tahu status dan jumlah sebenar populasi mereka. Ketika ini terdapat 3 hingga 7% daripada 1.3 juta pekerja asing berdaftar yang tidak menjalani kedua-dua saringan dan dikesan menghidap pelbagai penyakit seperti tibi, hepatitis B, sifilis, HIV, dan leprosis.

Namun dengan bilangan PATI yang ramai, saya percaya bilangan mereka yang menghidapi penyakit ini adalah lebih ramai daripada yang dijangkakan. Oleh itu, saya ingin mengetahui apakah langkah tindakan kerajaan bagi membasmi penularan penyakit berjangkit yang dibawa oleh pekerja asing termasuk PATI. Saya juga ingin mengetahui berapakah kos yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan untuk merawat mereka. Saya juga mencadangkan supaya kementerian mewujudkan satu saluran komunikasi untuk memberitahu rakyat bahaya pelbagai penyakit berjangkit ini dan langkah tindakan yang perlu diambil oleh mereka bagi mengelak dari jangkitan.

Berhubung dengan kos rawatan, saya difahamkan di Sabah sahaja warganegara asing telah berhutang sebanyak RM21.6 juta sejak tahun 2007 hingga tahun 2012. Jumlah itu hutang itu membabitkan kos rawatan perubatan kepada 42,092 orang warga asing daripada beberapa negara yang majoritinya daripada Filipina dan Indonesia dalam tempoh 5 tahun. Saya tidak tahu berapa ramai pula warga asing yang berhutang di semua hospital di seluruh negara. Justeru saya memohon kementerian dapat memberi data sebenar jumlah hutang dan bilangan warga asing yang berhutang kepada Kerajaan Malaysia.

Saya juga ingin tahu, adakah usaha kerajaan untuk mendapat, apakah usaha kerajaan untuk mendapat balik hutang bil hospital warga asing yang besar ini? Oleh itu, saya mencadangkan sudah tiba masanya kerajaan mewajibkan setiap warga asing yang menerima rawatan di hospital kerajaan mengadakan insurans perubatan supaya masalah menuntut hutang bil hospital dapat diatasi. Saya juga mendapat bahawa caj perkhidmatan kesihatan untuk warga asing mendapatkan rawatan di hospital-hospital kerajaan adalah terlalu rendah dan merugikan kerajaan jika dinilai dengan rawatan yang mereka terima. Perkara ini dapat dilihat apabila warga asing cuma dicaj RM50 sahaja apabila berdaftar tetapi dapat menikmati pelbagai rawatan seperti ujian darah, ujian X-ray, ECG, suntikan dan ubat-ubatan yang tidak setimpal dengan apa yang dibayar oleh mereka.

Kalau kita tinjau di Johor Bahru, ramai juga warga Singapura yang datang untuk mendapatkan rawatan di hospital-hospital kerajaan. Bayangkan betapa beruntungnya mereka

kerana selain membayar murah mereka juga untung dari segi pertukaran mata wang di mana mata wang Singapura lebih tinggi daripada Malaysia. Justeru, saya mencadangkan supaya kerajaan membuat kajian terhadap kadar caj hospital yang dikenakan kepada warga asing dalam usaha mengurangkan bebanan kerajaan yang bertungkus-lumus untuk mengurangkan defisit kewangan negara.

Penggubalan undang-undang baru ICT. Saya juga amat menyanjung usaha baik kerajaan bagi meningkat tahap prasarana internet dengan melaksanakan projek *High Speed Broadband* atau HSBB yang melibatkan pelaburan sebanyak RM11.3 bilion sejak Rancangan Malaysia Kesembilan. Dalam bajet kali ini, kerajaan akan membelanjakan sebanyak RM1.8 bilion bagi melaksanakan fasa kedua projek HSBB bagi meningkatkan liputan Internet di bandar-bandar utama. Manakala RM1.6 bilion dibelanja untuk meningkatkan capaian internet bagi rakyat yang tinggal di luar pinggir bandar dan RM1.5 bilion pula dibelanja untuk meningkatkan liputan internet di kawasan luar bandar serta RM850 juta untuk capaian internet bagi rakyat di negeri Sabah dan Sarawak.

Namun begitu, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada keperluan penggubalan kepada undang-undang baru ICT. Ini bertujuan untuk mengawal dan menapis isi kandungan Internet dan memberhentikan akses kepada laman web yang tidak bermanfaat. Lambakan kandungan internet yang menjurus kepada pornografi, penyebaran fitnah dan berita palsu telah memusnahkan nilai-nilai moral baik dalam kalangan generasi muda di negara ini. Walaupun sebelum ini kerajaan berjanji tidak akan menapis internet, tetapi perjanjian itu dibuat sebelum internet berkembang luas. Hari ini kita dapat media sosial mudah disalah guna dan menyumbang kepada bertambahnya jenayah termasuk melibatkan kes rogol dan bunuh.

Malah pengaruh internet ini juga begitu hebat apabila banyak video lucu, kisah tahuyl dan ganas dimuat turun ke dalam YouTube sehingga mudah dilayari ke peringkat umur kanak-kanak serendah 5 dan 6 tahun.

#### ■1920

Walaupun cadangan ini bukan merupakan langkah yang popular kerana ramai yang berpendapat ianya akan menyekat kebebasan bersuara dan hak asasi manusia. Namun, perlu diingatkan demi keamanan negara dan membentuk rakyat yang bermoral dan berhemah tinggi, kebebasan tanpa had hanya akan merosakkan masyarakat disebabkan terlalu mudah mengakses maklumat serta mempelajari sesuatu terutama berkaitan dengan jenayah dan seks bebas melalui internet.

Justeru, saya ingin mendapat penjelasan kementerian, adakah kerajaan telah mengkaji masalah ini dan bercadang untuk menggubal undang-undang baru ICT? Dengan kebebasan untuk mengakses internet tanpa had dan banyak kes-kes yang melibatkan salah guna internet yang telah dibawa ke mahkamah, saya memohon supaya kerajaan mengambil tindakan yang lebih drastik kepada masalah ini. Kita tidak mahu sahsiah dan akidah generasi muda anak-anak kita terpesong oleh unsur negatif yang dibawa melalui kemudahan internet ini. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dengan ini saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita ada lebih kurang sembilan minit lagi. Dato' Lim Nget Yoon boleh mula hari ini atau kalau tidak kita sambung esok? Boleh? Okey, silakan.

### 7.22 mlm.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberikan saya ruang dan peluang untuk menyertai perbahasan Bajet 2014 ini. Memandangkan masalah-masalah tuan punya rumah pangsa atau kondominium, bukan sahaja pengurusan strata tetapi hak milik strata.

Mengikut pemahaman saya, ramai tuan punya rumah pangsa sudah meninggal dunia dan anak mereka masih belum dapat hak milik strata tersebut. Kalau masalah lama ini tidak dapat diselesaikan, maka masalah strata ini akan menjadi satu isu yang besar kepada KPKT nanti. Ini akan jadi isu yang boleh dimainkan oleh pihak tertentu. Jadi, saya berharap kementerian ambil berat tentang masalah ini.

Masih dalam Kementerian Perumahan iaitu apabila sesebuah perumahan bermula, saya minta kawalan yang tegas mesti diberikan dari permulaan projek sampai ke akhir iaitu CFO dikeluarkan. Ini kerana apabila CFO dikeluarkan dan katalah jalan atau longkang rosak, yang ini akan jadi tanggungan kerajaan iaitu majlis daerah masing-masing. Kawalan tegas ini akan melindungi pengguna agar bukan sahaja pemaju yang akan dapat keuntungan, kita dapat tahu ramai *developer* akan menggunakan besi kecil daripada yang jumlah sepatutnya dan campuran simen yang kurang memuaskan demi kepentingan keuntungan mereka. Jadi, perkara ini memang perlu kita memberikan perhatian supaya pembeli rumah tidak menjadi mangsa nanti.

Perkara kedua yang ingin saya sentuh ialah pertanian. Seperti kita telah dimaklumkan, dunia ini mengalami kekurangan sumber makanan. Negara kita memang bernasib baik, negara kita satu negara tropika. Apa kita tanam, kita boleh dapat hasil. Saya ingin kongsi cerita di kampung saya iaitu Raub. Petani di Raub boleh menghasilkan, menanam durian yang paling baik iaitu Mousang King. Jadi, beberapa tahun lalu mereka diberitahu durian mereka boleh dieksport ke luar negara seperti China.

Akan tetapi, pasaran bidang pertanian hanya boleh menanam dan dapatkan hasil yang baik. Itulah bidang petani. Akan tetapi, hendak cari pasaran, hendak dapatkan cara mengeksportkan hasil mereka, itu bukan bidang mereka. Jadi, mereka terpaksa bergantung kepada pasaran tempatan. Hal ini akan menjelaskan pendapatan mereka. Oleh sebab sebagai contoh musim sekarang hujan setiap hari, tidak ada orang hendak keluar hendak beli durian, kan? Banjir. Jadi, pada masa ini memang harga durian jatuh. Ini bukan tentang durian. Oleh sebab kawasan saya memang *famous* dengan betik, *guava*, *jambu air* dan sebagainya.

Perkara kedua ialah saya hendak minta penjelasan daripada Kementerian Pertanian, petani padi dan nelayan dapat bantuan, dapat subsidi daripada kerajaan. Akan tetapi, petani buah-buahan tidak ada apa-apa bantuan dan subsidi. Itulah minta penjelasan sedikit sebab ini pun kalau tidak ada buah-buahan tempatan kita mestи mengimport buah-buahan asing. Ini akan

menyebabkan mata wang kita mengalir ke negara lain serta merosotkan ekonomi kita. Perkara seterusnya yang saya ingin sentuh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sedang eloklah agaknya. Jam sudah menunjukkan tepat 7.30 malam. Yang Berhormat boleh sambung esok berucap ya? Ahli Yang Berhormat sekalian, selesailah sudah persidangan kita pada hari ini dan akan disambung semula esok jam 10 pagi, 11 Disember 2013. Sekian, terima kasih.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam]*